



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

---

## NEGERI SEMBILAN TAHUN 2004



JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA





LAPORAN  
KETUA AUDIT NEGARA

NEGERI SEMBILAN  
TAHUN 2004

**JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA**

## ***KANDUNGAN***

# KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KANDUNGAN	i
<u>KATA PENDAHULUAN</u>	<u>iv</u>
<u>INTI SARI LAPORAN</u>	<u>viii</u>
<b><u>BAHAGIAN I : PENYATA AKAUN AWAM KERAJAAN NEGERI SEMILAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2004</u></b>	
<u>Pendahuluan</u>	<u>1</u>
<u>Pengesahan</u> Penyata Akaun Awam	<u>2</u>
<u>Analisis</u> Penyata Akaun Awam	<u>2</u>
<u>Kedudukan</u> Kewangan Kerajaan Negeri	<u>2</u>
<u>Kemajuan</u> Pelaksanaan Projek Pembangunan RMK 8	<u>12</u>
<u>Rumusan</u> Dan Syor Audit	<u>14</u>
<b><u>BAHAGIAN II : PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN NEGERI</u></b>	
<u>Pendahuluan</u>	<u>15</u>
<u>Pejabat</u> Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri	<u>15</u>
<u>Pelaksanaan</u> Sistem Perakaunan Standard Kerajaan Negeri	<u>29</u>
<u>Pengurusan</u> Kewangan Jabatan Negeri	<u>35</u>
<u>Program</u> Penampilan Audit	<u>41</u>
<u>Program</u> Anak Angkat	<u>44</u>
<b><u>BAHAGIAN III : AKTIVITI JABATAN DAN KAJIAN KHAS</u></b>	
<u>Pendahuluan</u>	<u>48</u>
<u>Pejabat</u> Daerah Dan Tanah Jempol Pengurusan Pengeluaran Bahan Batuan	<u>48</u>

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<u>Jabatan</u> Kerja Raya Program Mengganti Jambatan Di Jalan Negeri	88
<b><u>BAHAGIAN IV : BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN</u></b>	
<u>Pendahuluan</u>	84
<u>Pengauditan</u> Penyata Kewangan	84
<u>Kedudukan</u> Penyerahan Penyata Kewangan	84
<u>Persijilan</u> Penyata Kewangan	85
<u>Pembentangan</u> Penyata Kewangan	86
<u>Prestasi</u> Kewangan	86
<u>Yayasan</u> Negeri Sembilan Pengurusan Kewangan	89
<u>Majlis</u> Daerah Rembau Pengurusan Kewangan	99
<u>Perbadanan</u> Kemajuan Negeri Sembilan Pengurusan Hartanah	109
<b><u>BAHAGIAN V : PERKARA AM</u></b>	
<u>Pendahuluan</u>	131
<u>Kedudukan Masa Kini</u> Perkara-perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2003	131
<u>Perkara</u> Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Yang Masih Belum Selesai	135
<u>Pembentangan</u> Laporan Ketua Audit Negara Mengenai <u>Penyata</u> Akaun Awam Dan Aktiviti Jabatan	136
<u>Mesyuarat</u> Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Sembilan	136
<b><u>PENUTUP</u></b>	138

**PERKARA****MUKA SURAT****LAMPIRAN**

<b><u>I</u></b>	<u>Sijil</u> Ketua Audit Negara	<u>139</u>
<b><u>II</u></b>	Lembaran Imbangan, Penyata Memorandum dan Penyata Akaun <u>Hasil</u> Disatukan	<u>140</u>
<b><u>III</u></b>	Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan Agensi <u>Kerajaan</u> Negeri Setakat 30 Jun 2005	<u>143</u>
<b><u>IV</u></b>	Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri Dan Pihak Berkuasa <u>Tempatan</u> Yang Belum Dibentangkan Setakat 30 Jun 2005	<u>144</u>

***KATA PENDAHULUAN***

## KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Akaun Awam serta aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan DYMM Tuanku Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala DYMM Tuanku Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan menitahkan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sembilan. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 3 kaedah pengauditan seperti berikut:

**1.1 Pengauditan Penyata Kewangan** - Untuk memberi pendapat sama ada Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan ini juga dibuat terhadap penyata kewangan Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**1.2 Pengauditan Pengurusan Kewangan** - Untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan.

**1.3 Pengauditan Prestasi** - Untuk menentukan sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif/matlamat yang telah ditetapkan.

2. Laporan saya mengenai Penyata Akaun Awam Dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri Tahun 2004 ini disediakan hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan di beberapa Jabatan/Agensi Negeri sepanjang tahun 2004 melalui 3 kaedah pengauditan yang telah dinyatakan. Bagi tujuan pengesahan Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Tahun 2004, pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen yang berkaitan dengan pembayaran dan terimaan telah dijalankan di Perbendaharaan Negeri. Pengauditan tersebut melibatkan pemeriksaan sebanyak 1,893 baucar bayaran bernilai RM660.28 juta dan 188 baucar jurnal bernilai RM492.31 juta. Pada masa yang sama, pengauditan pengurusan kewangan di 6 Jabatan/Agensi Negeri dan 3 pengauditan prestasi telah dijalankan. Berhubung dengan pengauditan prestasi, program/aktiviti yang diaudit adalah berkaitan dengan sektor pembinaan, pertanian dan projek sosial untuk rakyat.

3. Semua Pegawai Pengawal yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang akan dilaporkan untuk pengesahan mereka. Laporan ini juga mengandungi kedudukan masa kini perkara yang dibangkitkan dalam Laporan saya bagi tahun 2003 untuk memberi



gambaran sejauh mana tindakan susulan dan pembedahan telah diambil oleh pihak Jabatan/Agensi Negeri berkenaan terhadap isu yang telah dibangkitkan.

4. Pada umumnya, pengurusan kewangan Jabatan Kerajaan Negeri pada tahun 2004 telah menunjukkan peningkatan berbanding dengan tahun sebelumnya. Berhubung dengan pelaksanaan aktiviti pula, pada umumnya Jabatan/Agensi Negeri telah merancang aktiviti mereka dengan baik seperti menyediakan garis panduan yang lengkap; menetapkan matlamat pelaksanaan aktiviti, mengenal pasti keperluan kewangan dan guna tenaga serta juga menetapkan norma kerja. Bagaimanapun, dari segi pelaksanaan aktiviti, tidak banyak kemajuan yang dapat dilaporkan. Beberapa kelemahan yang berpunca daripada kekurangan kakitangan dan peruntukan kewangan; penyeliaan yang kurang rapi serta ketiadaan pemantauan masih berterusan berlaku.

5. Pada pandangan saya, prestasi pengurusan kewangan dan pelaksanaan aktiviti Kerajaan Negeri dan Agensinya boleh dipertingkatkan sekiranya semua pihak yang terlibat mempunyai 5 perkara utama yang diringkaskan sebagai **KASIH** iaitu:

- a) **KNOWLEDGE** – setiap pegawai/kakitangan mempunyai pengetahuan yang cukup dalam bidang tugas masing-masing. Bagi tujuan ini, program latihan yang berterusan perlu dilaksanakan.
- b) **ATTITUDE** – Setiap pegawai/kakitangan melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan penuh komitmen. Tidak ada sikap sambil lewa.
- c) **SKILL** – Kebolehan, kepandaian, pengalaman dan kecekapan yang diperlukan untuk melaksanakan sesuatu tugas tertentu. Aspek pengetahuan dan kemahiran ini merupakan pra syarat kepada pelaksanaan tugas dan penghasilan kerja.
- d) **INTEREST** – Setiap pegawai/kakitangan melaksanakan tugas mereka dengan penuh minat dan dedikasi.
- e) **HONESTY** – Sifat jujur dan amanah, tidak menyalahgunakan kuasa dan kedudukan serta berakhlak mulia.

6. Jabatan Audit Negara terus mengambil beberapa pendekatan untuk membantu Jabatan/Agensi Negeri memperbaiki kelemahan dalam pengurusan kewangan dan pelaksanaan aktiviti. Antara pendekatan yang telah diambil adalah seperti berikut :

### 6.1 Program Anak Angkat

Mulai tahun 2003, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan Program Anak Angkat. Asas pelaksanaan program ini adalah bagi mengatasi tanggapan bahawa Jabatan Audit Negara adalah sebuah Jabatan yang bersifat '*fault finder*' - hanya mencari kesalahan kepada sifat '*developmental*'. Melalui program ini, lima Jabatan/Agensi telah dipilih untuk diberikan bimbingan dan nasihat oleh Jabatan Audit Negara bagi memantapkan lagi tahap pengurusan kewangan. Sehingga akhir bulan Julai 2005, tiga Jabatan/Agensi telah berjaya mengikuti program ini dan diberi sijil penyertaan. Harapan saya Jabatan/Agensi Negeri yang menamatkan program ini akan terus berusaha mengekalkan dan

meningkatkan lagi tahap pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri masing-masing. Laporan berhubung dengan pelaksanaan program ini juga dilaporkan dalam Laporan ini.

## **6.2 Pengauditan Syarikat Kerajaan**

Memandangkan penglibatan Kerajaan atau Agensi Kerajaan dalam syarikat Kerajaan/swasta melalui pegangan ekuiti dan pemberian pinjaman/geran melibatkan jumlah kewangan yang besar dan meningkat dari tahun ke setahun, pengauditan terhadap syarikat berkenaan amatlah penting untuk menentukan wang awam yang terlibat digunakan dengan cara yang cekap, berhemat serta selaras dengan objektif yang ditetapkan. Sehubungan ini, Jabatan Audit Negara telah mendapatkan perintah daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk menjalankan pengauditan terhadap syarikat berkenaan selaras dengan peruntukan Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 pada 19 November 2003.

## **6.3 Penglibatan Semasa Pembangunan Sistem Berkomputer**


Pegawai Jabatan Audit Negara telah menyertai perbincangan mengenai pembangunan sistem berkomputer khususnya di peringkat Perbendaharaan Negeri bagi memastikan kawalan dalaman yang mencukupi diwujudkan untuk menjamin keutuhan sistem dan integriti data. Penglibatan ini dirasai perlu memandangkan pembangunan sesuatu sistem berkomputer melibatkan perbelanjaan Kerajaan yang besar dan dengan itu sudah sewajarnya ia dilaksanakan dengan teratur dan memenuhi tujuan yang telah ditetapkan.

7. Laporan ini disediakan dalam 5 Bahagian seperti berikut :

- Bahagian I :** Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2004
- Bahagian II :** Pengurusan Kewangan Jabatan Negeri
- Bahagian III :** Aktiviti Jabatan Dan Kajian Khas
- Bahagian IV :** Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam Dan Pihak Berkuasa Tempatan
- Bahagian V :** Perkara Am

8. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan sebagai salah satu asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan meningkatkan lagi tahap pengurusan wang awam. Ini penting bagi menjamin setiap Ringgit Malaysia yang dipungut dan dibelanjakan akan dapat menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan hidup rakyat sesebuah negeri. Secara tidak langsung ianya akan menyumbang ke arah mewujudkan sebuah Negara Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

9. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi Negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.

  
(TAN SRI DR. HADENAN BIN A. JĀLIL)  
**Ketua Audit Negara**  
**Malaysia**

Putrajaya  
13 Julai 2005

***INTI SARI LAPORAN***

## INTI SARI LAPORAN

### **BAHAGIAN I - PENYATA AKAUN AWAM KERAJAAN NEGERI SEMBILAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2004**

1. Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sembilan bagi tahun berakhir 2004 telah dapat disahkan kerana Bendahari Negeri telah mengemukakan bukti dan dokumen sokongan yang lengkap bagi menyokong semua butiran di Penyata Akaun Awam tersebut. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sembilan bagi tahun 2004 adalah kurang memuaskan kerana aset tidak dapat menampung tanggungannya.

### **BAHAGIAN II - PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN NEGERI**

#### **Pengurusan Kewangan Di Pejabat Perbendaharaan Negeri Dan Di Peringkat Jabatan**

2. Pengauditan terhadap pengurusan kewangan di Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri, Pejabat Daerah Dan Tanah Port Dickson, Pejabat Daerah Dan Tanah Jelebu, Jabatan Perhutanan Negeri dan Jabatan Mufti Kerajaan Negeri mendapati masih wujud kelemahan mengenai kawalan hasil, perbelanjaan, akaun amanah, pengurusan pinjaman, pelaburan dan aset. Pegawai Pengawal atau Ketua Jabatan hendaklah prihatin, komited dan bertanggungjawab terhadap hal kewangan dan perakaunan di Jabatan masing-masing agar kelemahan pengurusan kewangan yang berbangkit dapat diatasi segera.

### **BAHAGIAN III - AKTIVITI JABATAN DAN KAJIAN KHAS**

#### **Pejabat Daerah Dan Tanah Jempol : Pengurusan Pengeluaran Bahan Batuan**

3. Pada tahun 2004, Pejabat Daerah Dan Tanah Jempol telah mengutip hasil royalti pengeluaran bahan batuan berjumlah RM1.27 juta. Pemberian permit bagi tujuan pengeluaran bahan batuan dikeluarkan kepada orang perseorangan dan juga syarikat dengan syarat yang ditetapkan oleh Pejabat Tanah Jempol dan juga Jabatan Pengairan Dan Saliran bagi pasir lombong. Adalah didapati pihak pengusaha tidak mematuhi syarat yang ditetapkan dan penguatkuasaan oleh Pejabat Tanah Jempol adalah kurang memuaskan. Selain itu, bayaran royalti juga dibuat secara anggaran dan ada aktiviti pengeluaran pasir secara tidak sah akan menjejaskan kutipan hasil Kerajaan.

#### **Jabatan Kerja Raya: Projek Penggantian Jambatan**

4. Di seluruh Negeri Sembilan ada sebanyak 114 jambatan berbagai jenis di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya Negeri (Jabatan). Di bawah RMK8 Jabatan merancang untuk mengganti atau membina sebanyak 17 jambatan. Bagaimanapun, bagi tempoh tahun 2001



hingga 2004 hanya sebanyak 6 jambatan sahaja yang dapat diganti dengan kos berjumlah RM11.8 juta. Pembinaan kesemua jambatan ini dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik oleh Jabatan melalui panggilan tender terbuka dan terhad. Kos pembinaan 2 daripada 6 jambatan ini adalah berjumlah RM4.5 juta. Salah satu daripada jambatan lewat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan. Kos pembinaan jambatan di Sungai Ulu Berang, Jalan Lenggeng telah meningkat daripada RM1.5 juta menjadi RM1.9 juta manakala jambatan di Jalan Batang Benar, Ladang Cairo dapat dikurangkan daripada RM3 juta menjadi RM2.5 juta. Bagaimanapun, ada sedikit keretakan di salah satu jambatan tersebut.

#### **BAHAGIAN IV – BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

##### **Yayasan Negeri Sembilan : Pengurusan Kewangan**

5. Pengurusan kewangan Yayasan didapati telah bertambah baik khususnya dari segi penyelenggaraan rekod kewangan dan akaun. Yayasan hendaklah memastikan rekod dan akaun yang diselenggara itu sentiasa lengkap dan kemas kini. Pegawai yang bertanggungjawab hendaklah menyemak rekod dan akaun dari masa ke masa dan sebagai bukti semakan telah dijalankan menurunkan tandatangan ringkas di rekod dan akaun tersebut.

##### **Majlis Daerah Rembau : Pengurusan Kewangan**

6. Pengurusan kewangan di Majlis Daerah Rembau hendaklah dipertingkatkan khususnya dari aspek kawalan pengurusan hasil. Kawalan dalaman hendaklah diperkemaskan supaya apa jua kelemahan pengurusan kewangan yang berbangkit tidak akan berulang.

##### **Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan: Pengurusan Hartanah**

7. Perbadanan bertanggungjawab menggalakkan pembangunan di seluruh Negeri Sembilan dalam sektor perindustrian, perdagangan, pembangunan bandar baru, pelaburan saham dan pembangunan usahawan Bumiputera. Selain itu, Perbadanan juga bertindak sebagai Pemaju Perumahan, membina dan menjual rumah kediaman, rumah kedai, hotel kondominium dan pusat rekreasi yang bernilai RM35.5 juta. Kajian Audit mendapati pengurusan hartanah Perbadanan perlu dipertingkatkan bagi memastikan pulangan yang baik dan memastikan projek berdaya maju dan rekod perakaunan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini bagi memantau aktiviti kutipan sewa, pajakan dan penjualan harta Perbadanan.

***BAHAGIAN I***

***PENYATA AKAUN AWAM  
KERAJAAN NEGERI***

**BAHAGIAN I**  
**PENYATA AKAUN AWAM KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2004**

**1. PENDAHULUAN**

**1.1** Penyata Akaun Awam yang berkembar bersama-sama Laporan ini mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Akaun Memorandum serta Penyata Hasil dan Perbelanjaan yang menunjukkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri pada 31 Disember 2004.

**1.2** Selaras dengan Seksyen 16(1) Akta Acara Kewangan 1957, Pihak Berkuasa Kewangan Negeri dikehendaki menyediakan Penyata Akaun Awam secepat mungkin selepas penutupan akaun tahunan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh 7 bulan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit 1957. Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sembilan bagi tahun berakhir 31 Disember 2004 kepada Jabatan Audit Negara pada 6 Jun 2005.

**1.3** Pengauditan terhadap Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri adalah untuk mengesah dan memastikan ketepatannya serta memberi pendapat sama ada Penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama. Bagi menentukan sama ada sesuatu kesilapan adalah *material*, faktor yang diambil kira ialah jumlah nilai kesilapan dalam akaun, corak (*nature*) kesilapan dan juga keadaan di bawah mana transaksi itu berlaku.

**1.4** Pada tahun 2003 Perbendaharaan Negeri menggunakan sistem perakaunan berkomputer yang baru iaitu Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS). Tujuan sistem ini ialah untuk melicinkan pengurusan kewangan dan mempercepatkan penyediaan Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri mengikut masa yang ditetapkan. Sistem ini juga diharap dapat mempertingkatkan kualiti Penyata Kewangan dan mengurangkan kelemahan pengurusan kewangan Negeri yang sering dibangkitkan oleh Ketua Audit Negara. Selain itu SPEKS dapat mengadakan Pusat Sumber Maklumat Kewangan di mana maklumat kewangan yang diperlukan dapat diperolehi dengan mudah di samping menyediakan Kerajaan Elektronik selaras dengan perkembangan ICT masa kini. Melalui SPEKS semua Pegawai Pengawal di Negeri Sembilan adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pengurusan kewangan di Jabatan masing-masing. Usaha ini diharapkan akan dapat melahirkan Pegawai Pengawal yang lebih bertanggungjawab dalam hal kewangan dan perakaunan Jabatan. Selain itu bagi meningkatkan ilmu pengetahuan dan kecekapan kakitangan yang terlibat dengan

pengurusan kewangan, kursus dan latihan yang berkaitan dengannya diberi kepada kakitangan terlibat.

## **2. PENGESAHAN PENYATA AKAUN AWAM**

**2.1** Pengauditan Penyata Akaun Awam telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan Piawaian Pengauditan yang diluluskan. Akta dan Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Akaun Awam adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam penyampaian Penyata Akaun Awam. **Pada pendapat Audit, Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri ini menunjukkan gambaran benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sembilan pada 31 Disember 2004.** Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Akaun Awam ini dan ringkasan Penyata Akaun Awam yang telah diaudit adalah seperti di **Lampiran I dan II.**

**2.2** Prestasi persembahan Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri hendaklah dikekalkan supaya sijil tanpa teguran dapat dikeluarkan pada tahun akan datang. Usaha ini penting bagi memastikan akauntabiliti awam terhadap pengurusan kewangan kerajaan Negeri terus ditingkatkan.

## **3. ANALISIS TERHADAP PENYATA AKAUN AWAM**

**3.1** Analisis Penyata Akaun Awam dibuat bagi menilai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sembilan pada akhir tahun 2004 berbanding dengan kedudukan pada akhir tahun 2003. Penilaian ini adalah berdasarkan kepada 2 jenis penyata utama iaitu Lembaran Imbangan dan Penyata Akaun Memorandum. Kedua penyata ini memberikan gambaran berbeza di mana Lembaran Imbangan menunjukkan keadaan sebenar kewangan Kerajaan Negeri pada akhir tahun berkenaan yang berasaskan tunai, sementara Penyata Akaun Memorandum merupakan memorandum untuk memaklumkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri yang lebih bercorak jangka panjang.

### **3.2 KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**

**3.2.1** Kedudukan kewangan sesebuah Negeri dapat dinilai daripada maklumat kewangan yang terkandung di Lembaran Imbangan dan Penyata Akaun Memorandum. Lembaran Imbangan digunakan untuk mengakaunkan Kumpulan Wang Disatukan yang ditubuhkan melalui Perkara 97(1) dan (2) Perlembagaan Persekutuan. Kumpulan Wang Disatukan ini terdiri daripada 3 akaun iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sembilan pada akhir bulan Disember 2004 adalah seperti di **Jadual 1.**

**Jadual 1**  
**Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan**  
**Mengikut Lembaran Imbangan**

Bil	Butiran	Tahun 2003 (RM Juta)	Tahun 2004 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)
1.	Akaun Hasil Disatukan	235.04	187.54	(47.50)
2.	Akaun Amanah Disatukan Terdiri daripada:	(96.85)	(121.67)	(24.82)
	<i>i) Kumpulan Wang Pembangunan</i>	(136.29)	(191.23)	(54.94)
	<i>ii) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	39.69	41.18	1.45
	<i>iii) Kumpulan Wang Amanah Awam</i>	63.09	89.66	26.57
	<i>iv) Deposit</i>	55.21	52.95	(2.26)
	<i>v) Kumpulan Bekalan Air</i>	(146.58)	(135.88)	10.70
	<i>vi) Akaun Kena Bayar</i>	28.03	21.66	(6.37)
3.	Akaun Pinjaman Disatukan	34.93	34.58	(0.35)
<b>Jumlah</b>		<b>173.12</b>	<b>100.45</b>	<b>(72.67)</b>

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Sembilan

**3.2.2** Mengikut Lembaran Imbangan, jumlah Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2004 adalah RM100.45 juta. Jumlah tersebut terdiri daripada aset berbentuk wang tunai sejumlah RM24.61 juta dan pelaburan sejumlah RM75.84 juta. Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri telah mengalami pengurangan sejumlah RM72.67 juta iaitu daripada RM173.12 juta pada tahun 2003 menjadi RM100.45 juta pada tahun 2004. Punca utama pengurangan ini adalah disebabkan oleh kemerosotan Akaun Hasil Disatukan sejumlah RM47.50 juta. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri adalah kurang memuaskan di mana aset yang berjumlah RM100.45 juta tidak dapat menampung tanggungan berjumlah RM288.89 juta yang terdiri daripada Akaun Kena Bayar sejumlah RM21.66 juta, deposit sejumlah RM52.95 juta, Kumpulan Wang Amanah Awam sejumlah RM89.66 juta dan tunggakan bayaran balik pinjaman sejumlah RM124.62 juta.

**3.2.3** Mengikut Penyata Akaun Memorandum, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sembilan adalah seperti di **Jadual 2**.



**Jadual 2**  
**Kedudukan Aset Dan Tanggungan**  
**Mengikut Penyata Akaun Memorandum**

<b>Bil</b>	<b>Butiran</b>	<b>Tahun 2003 (RM Juta)</b>	<b>Tahun 2004 (RM Juta)</b>	<b>Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)</b>
1.	<u>Aset</u> Tunggakan Hasil	60.36	62.16	1.80
	Pinjaman Boleh Dituntut	108.53	107.27	(1.26)
	Pelaburan	28.14	28.14	0.00
	<b>Jumlah Aset</b>	<b>197.03</b>	<b>197.57</b>	<b>0.54</b>
2.	<u>Tanggungan</u> Hutang Kerajaan Negeri	1,295.59	1,340.31	44.72
	<b>Jumlah Tanggungan</b>	<b>1,295.59</b>	<b>1,340.31</b>	<b>44.72</b>

*Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Sembilan*

**3.2.4** Jumlah aset yang ditunjuk di Penyata Akaun Memorandum telah meningkat sejumlah RM0.54 juta iaitu daripada RM197.03 juta pada tahun 2003 menjadi RM197.57 juta pada tahun 2004. Peningkatan ini berpunca daripada tunggakan hasil yang bertambah sejumlah RM1.80 juta. Selain tunggakan hasil, aset ini juga terdiri daripada Pinjaman Boleh Tuntut dan Pelaburan yang masing-masing berjumlah RM107.27 juta dan RM28.14 juta.

Pada pendapat Audit, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri berdasarkan Lembaran Imbangan adalah kurang memuaskan di mana aset Kerajaan Negeri berjumlah RM100.45 juta tidak dapat menampung tanggungan berjumlah RM288.89 juta. Manakala kedudukan kewangan Kerajaan Negeri berdasarkan Penyata Akaun Memorandum pula menunjukkan keadaan yang membimbangkan di mana aset berjumlah RM197.57 juta tidak mampu menampung hutang yang berjumlah RM1.34 billion.

## LEMBARAN IMBANGAN

### 3.3 AKAUN HASIL DISATUKAN

**3.3.1** Kerajaan Negeri telah mengakhiri tahun kewangan 2004 dengan defisit sejumlah RM47.50 juta. Defisit ini berpunca daripada perbelanjaan Kerajaan Negeri berjumlah RM253.25 juta berbanding hasil yang diperolehi berjumlah RM205.75 juta pada tahun 2004.

#### **3.3.2 Hasil**

Pada keseluruhannya hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri Sembilan pada tahun 2004 berjumlah RM205.75 juta iaitu menurun sejumlah RM28.10 juta berbanding tahun

2003 yang berjumlah RM233.85 juta. Jumlah hasil mengikut kategori adalah seperti di **Jadual 3**.

**Jadual 3**  
**Pungutan Hasil Tahun 2003 Dan 2004**

<b>Bil</b>	<b>Kategori</b>	<b>Tahun 2003 (RM Juta)</b>	<b>Tahun 2004 (RM Juta)</b>	<b>Lebihan/ (Kurangan) (RM Juta)</b>
1.	Hasil Cukai	76.31	73.90	(2.42)
2.	Hasil Bukan Cukai	102.07	84.74	(17.32)
3.	Terimaan Bukan Hasil	55.47	47.11	(8.36)
	<b>Jumlah</b>	<b>233.85</b>	<b>205.75</b>	<b>(28.10)</b>

*Sumber : Penyata Akaun Awam Negeri Sembilan*

Analisis Audit mendapati sebanyak 51 butiran hasil mengalami peningkatan berjumlah RM20.63 juta manakala sebanyak 45 butiran yang lain mengalami penurunan sejumlah RM34.90 juta. Berikut adalah peningkatan dan penurunan yang ketara bagi butiran hasil tersebut.

**a) Peningkatan Hasil Yang Ketara**

**i) Pemberian Pertumbuhan Hasil**

Pada tahun 2004, sejumlah RM6.81 juta telah diterima bagi maksud Pemberian Pertambahan Hasil Negeri. Jumlah ini merupakan pemberian tahun 2003 yang diterima pada tahun 2004.

**ii) Denda**

Pada tahun 2004, terimaan hasil bagi Denda Pelanggaran Syarat Kontrak meningkat sejumlah RM1.38 juta menjadi RM1.4 juta berbanding RM0.02 juta pada tahun 2003. Manakala terimaan hasil bagi Denda dan Hukuman Yang Lain meningkat sejumlah RM1.3 juta menjadi RM1.47 juta berbanding RM0.08 juta pada tahun 2003. Peningkatan hasil bagi Denda Pelanggaran Syarat Kontrak adalah disebabkan oleh tuntutan rampasan gerenti bank terhadap syarikat yang gagal melaksanakan projek kerajaan manakala peningkatan hasil bagi Denda Dan Hukuman Yang Lain adalah disebabkan usaha penguatkuasaan yang dijalankan oleh Jabatan Perhutanan Negeri.

**iii) Cukai Tanah Semasa**

Pada tahun 2004 kutipan cukai tanah semasa meningkat sejumlah RM5.26 juta menjadi RM60.62 juta berbanding RM55.36 juta pada tahun 2003. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh usaha penguatkuasaan yang dijalankan oleh Pejabat Tanah.

**iv) Notis Dan Denda Lewat Bayaran Cukai Tanah**

Kutipan di bawah butiran hasil di atas telah meningkat sejumlah RM1.47 juta menjadi RM3.20 juta pada tahun 2004 berbanding RM1.73 juta pada tahun 2003. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh usaha penguatkuasaan yang dijalankan oleh Pejabat Tanah.

**v) Cukai Eksport Hasil Hutan**

Pada tahun 2004, kutipan Cukai Eksport meningkat sejumlah RM1.06 juta menjadi RM2.96 juta berbanding RM1.90 juta pada tahun 2003. Peningkatan ini disebabkan oleh bertambahnya pengeluaran hasil hutan.

**b) Penurunan Hasil Yang Ketara**

**i) Cukai Tanah Tunggakan**

Pada tahun 2004, Cukai Tanah Tunggakan menurun sejumlah RM7.38 juta menjadi RM4.82 juta berbanding RM12.2 juta pada tahun 2003. Penurunan ini adalah disebabkan tindakan penguatkuasaan yang dibuat terhadap tuan tanah yang mempunyai tunggakan yang tinggi.

**ii) Premium Pemberimilikan Tanah**

Premium Pemberimilikan Tanah yang dikutip pada tahun 2004 menurun sejumlah RM19.92 juta menjadi RM38.34 juta berbanding RM58.26 juta pada tahun 2003. Penurunan ini adalah disebabkan oleh kurang pemberimilikan tanah dibuat pada tahun 2004.

**iii) Pemberian Caj Perkhidmatan Projek Persekutuan**

Pada tahun 2004, terimaan bagi Pemberian Caj Perkhidmatan Projek Persekutuan berjumlah RM14.14 juta telah menurun sejumlah RM11.67 juta berbanding RM25.81 juta pada tahun 2003.

**iv) Deposit Tidak Dituntut**

Kutipan hasil Deposit Tidak Dituntut pada tahun 2004 menurun sejumlah RM2.83 juta menjadi RM0.09 juta berbanding RM2.93 juta pada tahun 2003. Penurunan ini adalah disebabkan bayaran balik deposit yang dituntut pada tahun 2004.

**v) Cukai Tanah Tahun Pertama**

Kutipan di bawah butiran hasil ini menurun sejumlah RM1.35 juta menjadi RM2.7 juta berbanding RM4.05 juta pada tahun 2003. Penurunan ini adalah disebabkan kurang pemberimilikan dibuat pada tahun 2004.

#### vi) Perolehan Dari Pelaburan Dalam Negeri

Pada tahun 2004 perolehan dari pelaburan dalam negeri dengan institusi kewangan menurun sejumlah RM1.43 juta menjadi RM2.89 juta berbanding RM4.32 juta pada tahun 2003. Ini adalah disebabkan penurunan jumlah Simpanan Tetap Kerajaan di samping pengeluaran Simpanan Tetap sebelum tempoh matang bagi membiayai perbelanjaan semasa Kerajaan Negeri.

#### 3.3.3 Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri secara keseluruhannya meningkat sejumlah RM24.02 juta daripada RM229.23 juta pada tahun 2003 menjadi RM253.25 juta pada tahun 2004. Perbelanjaan ini terdiri daripada 5 kategori iaitu Emolumen, Perkhidmatan dan Bekalan, Aset, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap serta Pelbagai Perbelanjaan. Kedudukan perbelanjaan mengurus mengikut kategori bagi tahun 2004 berbanding tahun 2003 adalah seperti di **Jadual 4**.

**Jadual 4**  
**Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2003 Dan 2004**

Bil	Kategori Perbelanjaan	Tahun 2003 (RM Juta)	Tahun 2004 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)
1.	Emolumen	60.90	62.66	1.76
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	44.28	48.35	4.07
3.	Aset	5.74	2.77	(2.97)
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	117.42	138.53	21.11
5.	Pelbagai Perbelanjaan	0.89	0.94	0.05
<b>Jumlah</b>		<b>229.23</b>	<b>253.25</b>	<b>24.02</b>

Sumber : *Penyata Akaun Awam Negeri Sembilan*

Analisis Audit selanjutnya mendedahkan antara butiran perbelanjaan yang menunjukkan peningkatan dan penurunan ketara adalah seperti berikut:

#### a) Peningkatan Perbelanjaan Yang Ketara:

##### **Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap**

Perbelanjaan bagi Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap pada tahun 2004 berjumlah RM138.53 juta iaitu 54.70% daripada keseluruhan perbelanjaan mengurus tahun 2004. Perbelanjaan ini telah meningkat sejumlah RM21.11 juta berbanding RM117.42 juta pada tahun 2003. Antara punca utama peningkatan perbelanjaan ini adalah pemindahan wang ke Akaun SUKMA X berjumlah RM33.96 juta dan caruman kepada Kumpulan Wang Bekalan Air berjumlah RM13.69 juta. Peningkatan perbelanjaan butiran Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap juga disebabkan oleh bayaran hutang Kerajaan Negeri, pencen dan ganjaran.

## b) Penurunan Perbelanjaan Yang Ketara:

### Aset

Pada tahun 2004, perbelanjaan bagi butiran ini menurun sejumlah RM2.97 juta menjadi RM2.77 juta berbanding RM5.74 juta pada tahun 2003. Penurunan ini disebabkan oleh langkah penjimatan perbelanjaan yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri.

## 3.4 AKAUN AMANAH DISATUKAN

**3.4.1** Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam, Kumpulan Wang Bekalan Air, Deposit dan Akaun Kena Bayar. Pada akhir tahun 2004, baki defisit terkumpul Akaun Amanah Disatukan ini meningkat sejumlah RM24.81 juta menjadi RM121.67 juta berbanding baki defisit pada akhir tahun 2003 berjumlah RM96.86 juta.

### 3.4.2 Kumpulan Wang Pembangunan

a) Pada tahun 2004, Kumpulan Wang Pembangunan Kerajaan Negeri telah mencatat defisit sejumlah RM191.23 juta berbanding defisit RM136.29 juta pada tahun 2003. Peruntukan bagi perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2004 menurun sejumlah RM33.59 juta menjadi RM132.67 juta berbanding RM166.27 juta pada tahun 2003. Dengan penurunan peruntukan ini, adalah didapati keseluruhan perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2004 juga menurun sejumlah RM8.98 juta menjadi RM121.02 juta berbanding RM130 juta pada tahun 2003. Analisis juga menunjukkan 6 maksud perbelanjaan mengalami penurunan perbelanjaan manakala 2 maksud perbelanjaan mengalami peningkatan melebihi 30% berbanding perbelanjaan tahun 2003. Kedudukan perbelanjaan pembangunan tersebut adalah seperti di **Jadual 5**.

**Jadual 5**  
**Penurunan dan Peningkatan Perbelanjaan Pembangunan Melebihi 30%**

Vot	Maksud Perbelanjaan	Perbelanjaan		Penurunan/ Peningkatan Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus Varian (%)
		Jumlah Perbelanjaan 2003 (RMJuta)	Jumlah Perbelanjaan 2004 (RM Juta)		
P54	Jabatan Pengairan Dan Saliran	7.4	4.7	(2.7)	(36.4)
P55	Jabatan Kerja Raya	16.8	10.5	(6.3)	(37.5)
P53	Pengarah Tanah Dan Galian	0.4	0.2	(0.1)	(36.5)
P51	Jabatan Pertanian	2.4	1.2	(1.1)	(49.7)
P62	Pejabat SUK – Pelancongan	4.3	1.6	(2.7)	(62.6)
P61	Pejabat SUK – Kawasan Perusahaan	3.0	0.9	(2.0)	(66.9)
P59	Pejabat SUK – Bangunan Kerajaan	4.1	7.5	3.4	84.1
P56	Pejabat SUK – Kerja-kerja Kecil	3.7	6.8	3.1	84.2
<b>Jumlah</b>		<b>42.1</b>	<b>33.4</b>	<b>(8.4)</b>	<b>(20.2)</b>

Sumber : Penyata Akaun Awam Negeri Sembilan



b) Selain itu, adalah didapati daripada 8 Jabatan yang terlibat dengan perbelanjaan pembangunan ini, tiga Jabatan telah membelanjakan jumlah yang tertinggi iaitu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri berjumlah RM90.82 juta, Jabatan Kerja Raya berjumlah RM10.48 juta dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam berjumlah RM11.66 juta. Ini bermakna 3 Jabatan ini telah membelanjakan sejumlah RM112.96 juta atau 93.3% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan pembangunan tahun 2004 yang berjumlah RM121.02 juta.

#### **3.4.3 Kumpulan Wang Bekalan Air**

Kumpulan Wang Bekalan Air ditubuhkan mengikut kehendak Akta Kumpulan Wang Bekalan Air Tahun 1960. Baki Kumpulan Wang ini pada akhir tahun 2004 menunjukkan penurunan defisit sejumlah RM10.69 juta menjadi RM135.9 juta berbanding RM146.58 juta pada tahun 2003. Penurunan ini adalah disebabkan oleh kebanyakan projek RMK7 yang dilaksana di bawah RMK8 telah hampir siap di samping penurunan anggaran belanjawan bagi projek RMK8 pada tahun 2004.

#### **3.4.4 Kumpulan Wang Amanah Kerajaan**

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman Kumpulan Wang Luar Jangka dan Pelbagai. Pada akhir tahun 2004 baki Kumpulan Wang ini meningkat sejumlah RM27.22 juta menjadi RM41.18 juta berbanding RM13.96 juta pada akhir tahun 2003. Antara sebab utama peningkatan ini adalah pindahan baki bank lama berjumlah RM25.72 juta yang telah diambilkira pada tahun 2004. Selain itu penyata bagi dua akaun amanah di bawah Kumpulan Wang ini iaitu Akaun Tabung Amanah Perhilitan berbaki RM0.56 juta dan Akaun Amanah Minyak-Minyak berbaki RM0.05 juta tidak diserahkan untuk diaudit. Manakala Akaun Amanah Kuari Gemencheh berbaki defisit sejumlah RM3.99 juta masih ditunjuk di Penyata Akaun Awam Negeri walaupun kuari ini telah diambil alih oleh pihak swasta pada tahun 2000.

#### **3.4.5 Kumpulan Wang Amanah Awam**

Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Acara Kewangan 1957. Ia terdiri daripada 3 Akaun Amanah Khas yang dipegang oleh Kerajaan Negeri dan 28 Akaun Amanah lain bagi maksud tertentu. Baki Kumpulan Wang Amanah Awam meningkat sejumlah RM26.57 juta menjadi RM89.66 juta berbanding RM63.09 juta pada tahun 2003.

#### **3.4.6 Deposit**

Baki deposit pada akhir tahun 2004 berjumlah RM52.95 juta telah menurun sejumlah RM2.26 juta berbanding tahun 2003 berjumlah RM55.21 juta. Analisis Audit menunjukkan penurunan yang ketara melibatkan Akaun Deposit Am Pejabat Daerah Dan Tanah Port Dickson. Baki Akaun Deposit Am ini menurun daripada RM3.81 juta pada tahun 2003 menjadi RM0.39 juta pada tahun 2004 iaitu penurunan sejumlah

RM3.42 juta. Penurunan ini adalah disebabkan bayaran balik deposit kepada pihak Unit Perumahan Kerajaan Tempatan oleh Pejabat Daerah Dan Tanah Port Dickson pada bulan September 2004 sejumlah RM3.45 juta kerana pengambilan balik tanah untuk projek perumahan awam kos rendah tidak dapat dilaksanakan.

#### **3.4.7 Akaun Kena Bayar**

Akaun ini diwujudkan bagi menyelesaikan tanggungan Kerajaan Negeri terhadap pelbagai bekalan dan perkhidmatan pada akhir tahun yang perlu dijelaskan pada awal tahun berikutnya. Pada akhir tahun 2004, baki akaun ini ialah RM21.66 juta berbanding RM28.03 juta pada tahun 2003. Mengikut analisis Audit penurunan sejumlah RM6.37 juta adalah disebabkan tindakan yang telah diambil oleh Pegawai Kewangan Negeri yang mana baucar Akaun Kena Bayar hendaklah dikemukakan pada awal bulan Januari 2005 dan baucar yang diterima lewat akan dikembalikan untuk dibayar di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a). Perbelanjaan Akaun Kena Bayar bagi Jabatan Bekalan Air berjumlah RM10.31 juta iaitu 47.6% daripada keseluruhan perbelanjaan Akaun Kena Bayar, manakala Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri berjumlah RM2.77 juta, Jabatan Kerja Raya berjumlah RM4.46 juta, Pejabat Kewangan Negeri berjumlah RM1.46 juta dan jabatan lain berjumlah RM2.65 juta.

### **3.5 AKAUN PINJAMAN DISATUKAN**

Akaun Pinjaman Disatukan adalah satu akaun yang digunakan untuk mengakaun pinjaman yang diterima dan pindahan terimaan pinjaman ke Akaun Kumpulan Wang Pembangunan. Baki Akaun Pinjaman Disatukan pada akhir tahun 2003 adalah sejumlah RM34.93 juta. Pada tahun 2004 pinjaman berjumlah RM206.60 juta telah diterima dan sejumlah RM206.96 juta dikeluarkan bagi pembiayaan Projek Perumahan Awam Kos Rendah, Bekalan Air dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri. Dengan itu, baki Akaun ini pada akhir tahun 2004 menjadi RM34.57 juta.

## **PENYATA AKAUN MEMORANDUM**

### **3.6 PINJAMAN BOLEH DITUNTUT**

Pinjaman Boleh Dituntut merupakan pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Badan Berkanun Dan Agensi Lain yang memerlukan bantuan kewangan untuk meningkatkan taraf pembangunan dan kemajuan penduduk di negeri ini. Baki akaun ini pada akhir tahun 2004 berjumlah RM107.27 juta. Pada tahun 2004, daripada 3 agensi terlibat hanya Yayasan Negeri Sembilan sahaja yang telah menjelaskan ansuran bayaran balik berjumlah RM1.27 juta. Selain itu Majlis Perbandaran Seremban dan sebuah syarikat swasta mempunyai baki yang tidak bergerak sejak tahun 2002 iaitu masing-masing berjumlah RM38.12 juta dan RM8.64 juta.

### 3.7 PELABURAN

Pelaburan saham oleh Kerajaan Negeri melalui peruntukan perbelanjaan mengurus ditunjukkan di Penyata Akaun Memorandum. Pada tahun 2004 saham di Penyata Akaun Memorandum berjumlah RM28.14 juta. Analisis Audit mendapati tiada peningkatan pelaburan saham pada tahun 2004. Manakala terdapat penurunan pelaburan saham sejumlah RM800,000. Penurunan ini disebabkan oleh saham Syarikat DK Ternak dan Permodalan N.S Bhd. Masing-masing berjumlah RM480,000 dan RM400,000 telah dijual.

### 3.8 TUNGGAKAN HASIL

**3.8.1** Tunggakan hasil meningkat daripada RM60.36 juta pada akhir tahun 2003 menjadi RM62.16 juta pada tahun 2004 iaitu peningkatan sejumlah RM1.80 juta. Pada keseluruhannya jumlah tunggakan hasil Pejabat Tanah menunjukkan peningkatan sejumlah RM3.85 juta menjadi RM53.21 juta berbanding RM49.36 juta pada tahun 2003. Walaupun pihak Kerajaan Negeri telah mengambil langkah seperti mengeluarkan surat peringatan, Notis 6A serta berusaha mengesan pemilik yang telah berpindah alamat untuk mengutip tunggakan hasil cukai tanah namun kurangnya kesedaran pembayar cukai menyebabkan tunggakan berkenaan masih meningkat pada tahun 2004. Manakala tunggakan hasil air menurun sejumlah RM1.93 juta menjadi RM7.97 juta pada akhir tahun 2004. Butiran tunggakan hasil tahun semasa berbanding tahun lepas adalah seperti di **Jadual 6**.

**Jadual 6**  
**Tunggakan Hasil Bagi Tahun 2003 Dan 2004**

<b>Bil</b>	<b>Jenis Hasil</b>	<b>Tahun 2003 (RM Juta)</b>	<b>Tahun 2004 (RM Juta)</b>	<b>Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)</b>
1.	Cukai Tanah	49.36	53.21	3.85
2.	Lain-lain Hasil	1.09	0.98	(0.11)
3.	Jualan Air	9.90	7.97	(1.93)
<b>Jumlah</b>		<b>60.35</b>	<b>62.16</b>	<b>1.81</b>

*Sumber : Penyata Tunggakan Hasil*

### 3.9 HUTANG KERAJAAN NEGERI

Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunannya. Hutang Kerajaan Negeri meningkat daripada RM1.29 billion pada akhir tahun 2003 menjadi RM1.34 bilion pada akhir tahun 2004 iaitu meningkat sejumlah RM44.59 juta. Peningkatan hutang ini adalah disebabkan pinjaman baru daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM33.87 juta. Pinjaman baru yang diperolehi adalah untuk membiayai Projek Penyediaan Kemudahan Infrastruktur

Sukan berjumlah RM10 juta dan Projek Pemindahan Air Dari Sungai Muar Ke Empangan Talang Kuala Pilah sejumlah RM22.87 juta. Pada tahun 2004, Kerajaan Negeri telah menjelaskan hutang kepada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM23.09 juta. Kedudukan Hutang Kerajaan Negeri pada tahun 2004 berbanding tahun 2003 adalah seperti di **Jadual 7**.

**Jadual 7**  
**Hutang Kerajaan Negeri**

Bil.	Jenis Hutang	Tahun		Peningkatan/ (Pengurangan) (RM Juta)
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	
1.	Rancangan Bekalan Air	1,038.30	1,079.75	41.45
2.	Perumahan Awam Kos Rendah	110.52	110.10	(0.42)
3.	Perbadanan Kemajuan Negeri	34.13	32.61	(1.52)
4.	Pelbagai	50.15	58.08	7.93
5.	Rancangan Bekalan Air Luar Negeri	59.60	56.99	(2.61)
6.	Hutan Kompensatori	2.89	2.65	(0.24)
<b>Jumlah</b>		<b>1,295.59</b>	<b>1,340.18</b>	<b>44.59</b>

*Sumber: Rekod Perbendaharaan Negeri Sembilan*

#### **4. KEMAJUAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RMK8**

**4.1** Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8) Negeri Sembilan untuk tempoh 5 tahun (2001-2005) merupakan perancangan fasa pertama Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga bagi Negeri Sembilan. Rancangan ini digubal bagi menjelaskan strategi, program dan projek yang akan diperkenal dan dilaksanakan untuk mencapai objektif pembangunan Negeri Sembilan. Ia juga signifikan jika dilihat dari perspektif ke arah menggerakkan Negeri Sembilan mencapai status negeri maju pada tahun 2002 berbanding Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK7) yang lebih menjurus kepada menyegerakan pemulihan ekonomi daripada kegawatan.

**4.2** Bagi menjayakan RMK8, sejumlah RM1.06 bilion telah diperuntukkan bagi tempoh 5 tahun. Jumlah ini terdiri daripada peruntukan bagi projek pembangunan dan bekalan air masing-masing berjumlah RM545.54 juta dan RM520.08 juta. Jabatan Bekalan Air dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri di bawah Projek Pelbagai telah menerima agihan peruntukan tertinggi pada tahun 2004 masing-masing berjumlah RM67.09 juta dan RM55.08 juta. Pada tahun 2004 sejumlah RM132.67 juta telah diperuntukkan bagi projek pembangunan yang melibatkan 8 Jabatan. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM121.02 juta atau 91% telah dibelanjakan. Prestasi perbelanjaan bagi tempoh tahun 2001 hingga

2004 di bawah RMK8 adalah berjumlah RM437.37 juta atau 80% daripada peruntukan RMK8 yang berjumlah RM545.54 juta. Analisis Audit mendapati daripada 8 Jabatan yang terlibat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri membelanjakan RM280.38 juta atau 51.4 % daripada keseluruhan peruntukan Pembangunan. Prestasi perbelanjaan bagi setiap Jabatan di bawah RMK8 adalah seperti di **Jadual 8**.

**Jadual 8**  
**Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Di Bawah RMK8**

Bil.	Jabatan	Peruntukan RMK 8 (2001-2005) (RM Juta)	Perbelanjaan Sehingga 31.12.2004 (RM Juta)	Peratus Pencapaian (%)
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan :	336.34	280.38	83.4
2.	P51 - Jabatan Pertanian	13.20	9.13	69.1
3.	P52 - Jabatan Perkhidmatan Haiwan	10.10	7.29	72.2
4.	P53 - Pengarah Tanah Dan Galian	2.00	1.74	87.0
5.	P54 - Jabatan Pengairan Dan Saliran	35.50	26.23	73.9
6.	P55 - Jabatan Kerja Raya	83.40	68.33	81.9
7.	P58 - Jabatan Perhutanan	5.00	2.22	44.4
8.	P63 - Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	60.00	42.05	70.1
<b>Jumlah</b>		<b>545.54</b>	<b>437.37</b>	<b>80.2</b>

*Sumber : Rekod Jabatan Negeri*

**4.3** Peruntukan yang disediakan pada tahun ini adalah untuk membiayai 206 projek. Sebahagian daripada projek tersebut merupakan projek sambungan daripada RMK7. Daripada jumlah tersebut, pihak Audit mendapati 163 projek atau 79% telah siap dilaksanakan sepenuhnya. Antara projek besar yang telah siap dilaksanakan ialah Projek Menaiktaraf Jalan-jalan Negeri. Sebanyak 35 projek lagi sedang dilaksana mengikut jadual. Selain itu, sebanyak 6 projek masih belum dimulakan lagi kerana ketiadaan peruntukan, masalah tanah dan tender. Antara projek yang belum bermula ialah projek membina bangunan baru Sekolah Menengah Agama Gemas dan pembinaan Sekolah Menengah Agama Rantau. Satu projek Jabatan Kerja Raya iaitu membaikpulih jalan dalam kawasan perindustrian Senawang, Daerah Seremban telah dimulakan lewat daripada jadual. Status pelaksanaan projek RMK8 adalah seperti di **Jadual 9**.



**Jadual 9**  
**Status Pelaksanaan Projek RMK 8 Setakat 31 Disember 2004**

Bil.	Jabatan	Bil Projek	Status Pelaksanaan				
			SS	S	BM	DJ	LJ
1.	P51- Jabatan Pertanian	12	6	6	-	-	-
2.	P52- Jabatan Perkhidmatan Haiwan	62	62	-	-	-	-
3.	P53- Pengara Tanah Dan Galian	8	8	-	-	-	-
4.	P54- Jabatan Pengairan Dan Saliran	23	18	5	-	-	-
5.	P55- Jabatan Kerja Raya	12	5	3	2	1	1
6.	P56- Kerja Kerja Kecil	2	2	-	-	-	-
7.	P57- Pelbagai	8	1	6	1	-	-
8.	P58- Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan	5	5	-	-	-	-
9.	P59- Bangunan Kerajaan	11	6	5	-	-	-
10..	P60- Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	6	-	6	-	-	-
11.	P61- Kawasan Perusahaan	18	18	-	-	-	-
12.	P62- Pelancongan	11	11	-	-	-	-
13.	P63- Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	16	10	3	3	-	-
14.	P72- Jabatan Bekalan Air	12	11	1	-	-	-
<b>Jumlah</b>		<b>206</b>	<b>163</b>	<b>35</b>	<b>6</b>	<b>1</b>	<b>1</b>

SS – Sudah Siap, SL- Sedang Laksana, BM – Belum Mula, DJ – Mendahului Jadual, LJ – Lewat Jadual  
Sumber : *Rekod Jabatan Negeri*

## 5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya pihak Audit berpendapat dengan terlaksananya SPEKS, Kerajaan Negeri diharap dapat mempertingkatkan lagi tahap pengurusan kewangan dan mempercepatkan penyediaan Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri. Pada tahun 2004, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri adalah kurang memuaskan kerana asetnya yang berjumlah RM100.45 juta tidak dapat menampung tanggungan sejumlah RM288.89 juta. Bagi jangka panjang pula kemampuan membayar balik hutang adalah diragukan. Bagi mempertingkatkan kedudukan kewangan, Kerajaan Negeri hendaklah berusaha mengurangkan defisit serta mengutip tunggakan hasil yang masih tinggi di samping meneruskan perbelanjaan berhemah.

***BAHAGIAN II***  
***PENGURUSAN KEWANGAN***  
***JABATAN NEGERI***

## **BAHAGIAN II**

### **PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN NEGERI**

#### **6. PENDAHULUAN**

Selain mengesahkan Penyata Akaun Awam, Jabatan Audit Negara juga menjalankan pengauditan pengurusan kewangan terhadap beberapa Jabatan yang dipilih. Pengauditan pengurusan kewangan adalah untuk menentukan sama ada Jabatan mematuhi peraturan kewangan dan rekod berkaitan diselenggarakan dengan baik. Bagi Jabatan yang tidak terpilih untuk pengauditan pengurusan kewangan, pihak Audit melaksanakan Penampilan Audit. Program Penampilan Audit ini memberi penekanan kepada kawalan dalaman dan penyelenggaraan rekod kewangan. Pemilihan Jabatan untuk Penampilan Audit dibuat mengikut keutamaan iaitu Jabatan yang belum pernah dilawati atau tidak diaudit melebihi 3 tahun. Dari pemeriksaan dan lawatan Audit ke Jabatan adalah didapati ada di antaranya mempunyai berbagai masalah dan kelemahan pengurusan kewangan. Jabatan ini perlu dibantu dan diberi bimbingan supaya tahap pengurusan kewangannya dapat diperbaiki.

#### **PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI**

#### **7. LATAR BELAKANG**

**7.1** Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri adalah Jabatan yang bertanggungjawab menetapkan dasar dan peraturan kewangan Kerajaan Negeri. Tanggungjawab ini juga termasuk mengawal selia Jabatan Negeri dengan memastikan segala bayaran dan terimaan dibuat mengikut peraturan kewangan. Selain itu, Perbendaharaan Negeri juga memantau dan membuat tindakan susulan terhadap Jabatan bagi memastikan rekod hasil, perbelanjaan, akaun amanah dan rekod kewangan lain diselenggarakan dengan lengkap dan teratur. Pada tahun 2003, Perbendaharaan Negeri menggunakan sistem perakaunan berkomputer yang baru iaitu Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS). Tujuan sistem ini diguna pakai ialah untuk melicinkan pengurusan kewangan dan mempercepatkan penyediaan Penyata Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri mengikut masa yang ditetapkan. Sistem ini juga diharap dapat mempertingkatkan kualiti Penyata Akaun Awam dan mengurangkan kelemahan pengurusan kewangan Negeri yang sering dibangkitkan oleh Ketua Audit Negara.

**7.2** Struktur organisasi Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri tahun 2004 diketuai oleh Pegawai Kewangan Negeri dan dibahagikan kepada 3 aktiviti utama iaitu Khidmat

Pengurusan, Pengurusan Kewangan dan Pengurusan Perakaunan. Antara Aktiviti Pengurusan Kewangan ialah mengawal dan menyelia supaya peraturan kewangan dipatuhi oleh Jabatan Negeri serta bertanggungjawab menyediakan bajet Kerajaan Negeri. Beberapa bahagian dan unit telah diwujudkan di bawah Aktiviti ini seperti Bahagian Perkhidmatan Dan Kewangan, Bahagian Belanjawan, Analisis Pemantauan Pelaburan, Unit Hasil dan Unit Perolehan Dan Pengurusan Aset. Aktiviti Pengurusan Perakaunan pula bertanggungjawab terhadap operasi dan perakaunan bagi semua urusan kewangan Kerajaan Negeri termasuk menyimpan dan menyelenggara akaun hasil dan perbelanjaan serta menyediakan Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri. Di bawah Aktiviti ini diwujudkan Unit Pengurusan Pejabat, Bayaran, Gaji, Semakan, Akaun dan Komputer.

**7.3** Sejumlah 73 daripada keseluruhan 86 perjawatan yang diluluskan bagi Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri telah diisi manakala kekosongan 13 jawatan tetap masih belum diisi. Bahagian Perkhidmatan Dan Pentabiran telah menyediakan carta organisasi dengan menunjukkan secara lengkap struktur dan perjawatannya. Selain itu, pegawai yang terlibat dengan tugas kewangan telah diberi latihan sewajarnya. Sepanjang tahun 2004, Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun telah bermesyuarat hanya satu kali.

## **8. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada undang-undang dan peraturan telah dipatuhi serta wujud kawalan dalaman yang berkesan bagi mengawal pengurusan kewangan Kerajaan Negeri. Selain itu, pengauditan juga adalah untuk menentukan sama ada rekod kewangan telah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Bagi mencapai objektif pengauditan, rekod kewangan dan daftar bagi tahun 2004 di Pejabat Perbendaharaan Negeri dan beberapa Jabatan lain telah disemak. Antaranya ialah laporan serta daftar berkaitan hasil, perbelanjaan, amanah, pelaburan dan pinjaman. Pengauditan terhadap penyata pemungut, baucar bayaran, baucar jurnal dan transaksi perakaunan lain dibuat berdasarkan persampelan dengan mengambil kira materialiti sesuatu urusan niaga. Selain itu, perbincangan dan temu bual dengan pegawai Perbendaharaan Negeri telah diadakan.

## **9. PENEMUAN AUDIT**

### **9.1 KAWALAN BAJET**

Mengikut Undang-undang Tubuh Negeri Sembilan dan Seksyen 15 Akta Acara Kewangan 1957, bajet hendaklah disediakan dan dibentangkan di Dewan Undangan Negeri untuk kelulusan. Kawalan bajet yang baik dapat melicinkan perancangan dan pelaksanaan projek

pembangunan dan pengurusan kewangan Negeri. Sejak tahun 2003, Kerajaan Negeri telah melaksanakan Sistem Bajet Ubahsuai bagi mempertingkatkan pengurusan program kerajaan selaras dengan konsep *Let Managers Manage*. Bagi memudahkan pengurusan kawalan bajet tahunan, Pejabat Kewangan telah mengeluarkan arahan penyediaan bajet 2004 pada bulan April 2003 .

#### **9.1.1 Kedudukan Bajet**

Pada tahun 2004, Kerajaan Negeri mengambil pendekatan yang sama dengan Kerajaan Pusat merancang perbelanjaan dan merangka tindakan pengurusan secara strategik dan berkesan bagi meransang pertumbuhan serta mengembalikan keyakinan rakyat terhadap ekonomi negara. Belanjawan berimbang atau sekurang-kurangnya mengurangkan defisit adalah pendekatan yang disarankan kepada Pegawai Pengawal bagi menguruskan perbelanjaan Kerajaan Negeri. Mengikut bajet 2004 Kerajaan Negeri menganggarkan perolehan hasil berjumlah RM191.14 juta iaitu terdiri daripada Hasil Cukai sejumlah RM95.03 juta, Hasil Bukan Cukai RM61.50 juta dan Terimaan Bukan Hasil RM34.60 juta. Perbelanjaan mengurus tahun 2004 dianggarkan berjumlah RM254.21 juta. Anggaran ini merangkumi perbelanjaan emolumen sejumlah RM68.52 juta dan perbelanjaan lain berjumlah RM185.69 juta. Anggaran Pembangunan bagi tahun 2004 berjumlah RM76.59 juta. Sebahagian besar sumber perbelanjaan pembangunan adalah daripada caruman Kumpulan Wang Hasil Disatukan sejumlah RM69.59 juta dan Kumpulan Wang Pinjaman berjumlah RM7.00 juta.

#### **9.1.2 Pembentangan Bajet**

Bajet 2004 telah dibentang dan diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada akhir bulan November 2003. Waran Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan telah ditandatangani oleh Menteri Besar pada akhir bulan Disember 2003 bagi membolehkan pengeluaran wang daripada Kumpulan Wang Disatukan. Pada tahun 2004, sebanyak 3 peruntukan tambahan bagi perbelanjaan mengurus berjumlah RM15.35 juta dan 3 peruntukan tambahan bagi perbelanjaan pembangunan berjumlah RM54.40 juta telah dibentang dan diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri.

**Pada pendapat Audit, kawalan bajet Kerajaan Negeri tahun 2004 telah dilaksanakan dengan sempurna.**

### **9.2 KAWALAN HASIL**

Pada tahun 2004, Kerajaan Negeri telah mengutip hasil berjumlah RM205.74 juta iaitu menurun sejumlah RM28.11 juta berbanding hasil pada tahun 2003 yang berjumlah RM233.85 juta. Antara sumber hasil yang utama ialah cukai tanah dan premium tanah. Semakan Audit terhadap kawalan hasil mendapati perkara berikut:

### **9.2.1 Penyerahan Akaun Tunai Bulanan**

Pada tahun 2004, Perbendaharaan Negeri telah menyelenggara dan merekodkan penerimaan Akaun Tunai Bulanan daripada 143 Pemungut Hasil. Perbendaharaan Negeri adalah bertanggungjawab memeriksa Akaun Tunai Bulanan yang telah dikemukakan oleh setiap Pemungut Hasil. Arahan Perbendaharaan 145 menetapkan bahawa Pemungut Hasil atau Pegawai Perakaunan hendaklah mengemukakan Akaun Tunai Bulanan kepada Bendahari Negeri dalam tempoh 10 hari selepas akhir setiap bulan. Ini adalah untuk memastikan bahawa semua kutipan hasil dapat diakaunkan dengan segera dan tepat pada masanya. Pemeriksaan Audit bagi sepanjang tahun 2004 mendapati hampir keseluruhan Pemungut Hasil mengemukakan Akaun Tunai mereka menepati masa yang telah ditetapkan. Ini adalah disebabkan Unit Hasil Perbendaharaan Negeri sentiasa memantau dan menghantar surat peringatan kepada kesemua Pemungut Hasil.

### **9.2.2 Penyerahan Penyata Pemungut**

Arahan Perbendaharaan 79(c) menetapkan bahawa setiap Pejabat yang memungut hasil hendaklah mengemukakan Penyata Pemungut kepada pihak Bendahari Negeri secepat yang mungkin selewatnya 2 hari selepas hasil pungutan dibankkan. Walaupun pihak bank telah diarahkan untuk mengemukakan Penyata Pemungut setiap hari namun hasil analisis dan semakan Audit terhadap 15 Penyata Pemungut berjumlah RM86,600 masih berlaku kelewatan antara 1 hingga 3 minggu yang mana mengakibatkan hasil kutipan lewat diakaunkan ke Buku Tunai Perbendaharaan Negeri. Penyata Pemungut yang selalu lewat diterima adalah serahan daripada bank yang terletak di Daerah Jempol dan Kuala Pilah. Namun begitu, Perbendaharaan Negeri telah mengambil tindakan dengan memberi peringatan kepada pihak bank melalui panggilan telefon dan juga mengadakan perbincangan dari semasa ke semasa untuk mengatasi masalah kelewatan ini.

### **9.2.3 Penyata Penyesuaian Hasil**

Arahan Perbendaharaan 143(b) menetapkan bahawa Pemungut Hasil hendaklah menyesuaikan dan mengesahkan rekod hasil Jabatannya dengan Laporan Terperinci Hasil yang dicetak di Perbendaharaan masing-masing. Penyesuaian perlu disediakan supaya hasil yang dipungut telah diakaunkan dengan tepat. Penyata Penyesuaian tersebut perlu dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh 14 hari dari tarikh Laporan Terperinci Hasil diterima. Hasil pengauditan bagi sepanjang tahun 2004 mendapati sebanyak 81 pemungut hasil telah gagal atau langsung tidak mengemukakan penyata penyesuaian hasil bagi tempoh 1 hingga 12 bulan ke Perbendaharaan Negeri. Manakala sebilangan daripada 62 Pemungut Hasil mengemukakan penyata penyesuaian yang tidak lengkap.

### **9.2.4 Penyata Penyesuaian Bank ( Akaun Terimaan )**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 146, Perbendaharaan Negeri hendaklah menyediakan penyata penyesuaian bank bulanan yang ditandatangani oleh Bendahari Negeri dan

mengemukakan salinan kepada pihak Audit selewat-lewatnya 2 minggu selepas akhir setiap bulan. Semakan Audit mendapati Perbendaharaan Negeri telah menyediakan penyata penyesuaian bank berserta dokumen sokongan yang lengkap. Walaupun begitu, berlaku kelewatan menyediakan penyata tersebut antara 2 hingga 7 bulan. Kelewatan ini berlaku kerana pada tahun 2004 pihak Perbendaharaan Negeri baru memulakan penyediaan penyata penyesuaian bank menggunakan Sistem Perakaunan Standard Kerajaan Negeri (SPEKS) mengakibatkan pegawai mengambil sedikit masa untuk memahirkan diri dengan sistem baru.

#### **9.2.5 Cek Tidak Laku**

Cek tidak laku adalah merupakan cek terimaan yang tidak dapat ditunaikan oleh Perbendaharaan Negeri kerana kesilapan pihak pembayar seperti akaun bank tidak mempunyai baki tunai yang mencukupi, cek tidak ditandatangani dan juga berlaku kesilapan lain pada cek berkenaan. Hasil semakan Audit terhadap Daftar Cek Tidak Laku mendapati sejumlah RM613,622 cek tidak laku masih belum dipelaraskan. Cek tersebut adalah bagi tahun 2003 dan 2004 berjumlah RM236,700 dan RM376,922. Semakan Audit terhadap Daftar Cek Tidak Laku juga mendapati jenis terimaan hasil yang terlibat tidak dapat dikenal pasti. Selain itu jumlah cek tidak laku yang telah diganti setakat bulan Disember 2004 juga tidak dapat disahkan. Kegagalan melaraskan cek tidak laku tersebut akan mengakibatkan kedudukan baki Buku Tunai terlebih dinyatakan.

#### **9.2.6 Tunggakan Hasil**

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 1986, semua Pemungut Hasil dikehendaki mengemukakan Penyata Tunggakan Hasil setiap tahun kepada Perbendaharaan Negeri sebelum akhir bulan Februari tahun berikutnya. Hasil semakan Audit mendapati kesemua Pemungut Hasil telah mengemukakan Penyata Tunggakan Hasil kepada Pejabat Perbendaharaan Negeri. Berdasarkan Penyata Tunggakan Hasil yang diterima, tunggakan hasil pada akhir tahun 2004 berjumlah RM62.16 juta. Ini menunjukkan peningkatan sejumlah RM1.80 juta berbanding RM60.38 juta pada tahun 2003. Sebahagian besar daripada tunggakan hasil tersebut adalah merupakan tunggakan cukai tanah berjumlah RM53.21 juta.

**Pada pendapat Audit, secara amnya kawalan hasil adalah memuaskan. Walaupun begitu, tindakan yang berkesan perlu diambil bagi menangani kelemahan yang masih berulang dan dilaporkan dalam Laporan Audit terdahulu.**

### **9.3 KAWALAN PERBELANJAAN**

Perbendaharaan Negeri bertanggungjawab mengawal perbelanjaan mengurus dan pembangunan yang dilakukan oleh semua Jabatan Negeri. Pada tahun 2004, sejumlah RM210 juta telah dibelanjakan untuk perbelanjaan mengurus. Manakala sejumlah RM182.37 juta telah dibelanjakan untuk projek pembangunan.



### 9.3.1 Kawalan Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan mengurus terdiri daripada bayaran Emolumen, Perkhidmatan Bekalan, Pemilikan Harta Modal, Pemberian Dan Bayaran Tetap dan Pelbagai Perbelanjaan. Sejumlah RM269.63 juta telah diperuntukkan bagi perbelanjaan tahun 2004. Daripada jumlah tersebut sejumlah RM253.25 juta atau 93.9 % telah dibelanjakan. Butiran adalah seperti di **Jadual 10**.

**Jadual 10**  
**Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2004**

Bil.	Maksud Perbelanjaan	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus Perbelanjaan (%)
1.	Emolumen	68.13	62.66	92.0
2.	Perkhidmatan Bekalan	50.79	48.35	95.2
3.	Pemilikan Harta Modal	3.09	2.77	89.5
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	146.51	138.53	94.6
5.	Pelbagai Perbelanjaan	1.11	0.94	85.1
<b>Jumlah</b>		<b>269.63</b>	<b>253.25</b>	<b>93.9</b>

Sumber : Rekod Perbendaharaan Negeri

#### a) Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap

Perbelanjaan bagi Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap pada tahun 2004 berjumlah RM138.53 juta iaitu 54.7% daripada keseluruhan perbelanjaan mengurus tahun 2004. Perbelanjaan ini meningkat sejumlah RM21.11 juta berbanding RM117.42 juta pada tahun 2003. Antara punca utama peningkatan perbelanjaan ini adalah pemindahan wang ke Akaun SUKMA X berjumlah RM33.96 juta dan caruman kepada Kumpulan Wang Bekalan Air berjumlah RM13.69 juta. Peningkatan perbelanjaan butiran Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap juga disebabkan oleh bayaran hutang Kerajaan Negeri, pencen dan ganjaran.

#### b) Perbelanjaan Kurang 50% Daripada Peruntukan Yang Dibenarkan

Analisis Audit juga mendapati perbelanjaan yang kurang 50% daripada peruntukannya adalah tidak ketara dan melibatkan jumlah yang kecil.

#### c) Pindah Peruntukan

Mengikut Arahan Perbendaharaan 51 dan Seksyen 15(4) Akta Acara Kewangan 1957, pindah peruntukan boleh dibuat di bawah pelbagai butiran perbelanjaan dengan syarat ia tidak melebihi jumlah yang diperuntukkan. Pada tahun 2004, sebanyak 141 Waran Pindah Peruntukan berjumlah RM12.45 juta telah diluluskan.

Semakan Audit mendapati 6 daripada Waran Pindah Peruntukan tersebut berjumlah RM136,000 merupakan Waran yang diluluskan pada bulan Januari 2005.

### **9.3.2 Kawalan Perbelanjaan Pembangunan**

Perbelanjaan pembangunan yang merangkumi projek pembangunan dan bekalan air bagi tahun 2004 berjumlah RM182.37 juta iaitu 76.4% daripada peruntukan berjumlah RM238.76 juta. Semakan Audit mendapati kawalan peruntukan perbelanjaan pembangunan adalah memuaskan kerana kedudukan peruntukan tidak dibelanja atau perbelanjaan kurang 50% adalah tidak ketara.

### **9.3.3 Kawalan Pembayaran**

#### **a) Pengesahan Perbelanjaan**

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1987, Pegawai Pengawal atau wakilnya hendaklah menyemak setiap bulan rekod perbelanjaannya dengan Laporan Terperinci Perbelanjaan yang diterima daripada Perbendaharaan Negeri. Sijil pengesahan dan penyata penyesuaian perlu disediakan dan dikemukakan ke Perbendaharaan Negeri tidak lewat daripada dua minggu dari tarikh Laporan Terperinci Perbelanjaan dicetak oleh Pusat Tanggugjawab (PTJ) pada setiap akhir bulan. Semakan Audit terhadap Daftar Perbelanjaan Bulanan tahun 2004 mendapati 12 PTJ tidak mengemukakan sijil pengesahan dan penyata penyesuaian manakala 36 PTJ lagi lewat mengemukakannya antara 2 hingga 11 bulan. Bagi PTJ yang tidak mengemukakan penyata penyesuaian, Perbendaharaan Negeri telah menghantar surat peringatan.

#### **b) Kawalan Stok Cek**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 116, stok cek yang tidak digunakan hendaklah disimpan dalam peti besi dan kuncinya dipegang oleh pegawai yang bertanggungjawab. Semakan Audit mendapati Perbendaharaan Negeri telah mematuhi arahan tersebut. Selain itu, sebuah daftar telah disediakan untuk merekod cek yang belum dan telah digunakan. Adalah didapati daftar tersebut telah diselenggarakan dengan sempurna dan kemas kini.

#### **c) Kawalan Cek Batal**

Cek batal adalah cek bayaran yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Negeri yang tidak dapat ditunaikan oleh penerima disebabkan oleh kesilapan tertentu seperti ejaan nama, nombor kad pengenalan dan catatan jumlah cek. Selain itu, cek batal juga berlaku sekiranya cek tidak ditunaikan selepas tamat tempoh lakunya. Bagi tujuan tersebut Perbendaharaan Negeri telah menyelenggarakan satu daftar untuk merekod cek batal. Semakan Audit mendapati sebanyak 638 cek bernilai RM12.55 juta telah dibatalkan pada tahun 2004. Daripada jumlah tersebut sebanyak 97 cek bernilai

RM11.91 juta telah diganti manakala baki cek batal sebanyak 541 bernilai RM3.32 juta masih belum diganti.

**d) Pembayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)**

Peraturan kewangan membenarkan Perbendaharaan Negeri membayar baucar yang dikemukakan selepas bulan Januari tahun kewangan semasa bagi tanggungan yang kena dibayar pada atau sebelum bulan Disember tahun sebelumnya. Arahan Perbendaharaan 58(a) menetapkan pembayaran bagi baucar tersebut boleh dibuat sekiranya Jabatan mempunyai baki peruntukan pada tahun perbelanjaan tersebut kena dibayar. Semakan baki peruntukan akan dilakukan untuk memastikan setiap permohonan untuk pembayaran mempunyai baki peruntukan sebelum kelulusan diberi. Sebuah daftar untuk merekod setiap baucar yang dikemukakan oleh PTJ di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) berjumlah RM669,339 telah diluluskan oleh Bendahari Negeri dan Pejabat Kewangan Negeri. Dari jumlah tersebut, sebanyak 58 baucar bernilai RM534,091 adalah bagi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 11**.

**Jadual 11**  
**Kedudukan Pembayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)**

<b>Bil</b>	<b>Pejabat/Daerah</b>	<b>Bil. Baucar</b>	<b>Amaun (RM)</b>
1.	Setiausaha Kerajaan Negeri	58	534,091
2.	Pejabat Agama Islam Negeri	3	4,529
3.	Pejabat Daerah Seremban	7	13,830
4.	Pejabat Daerah Kecil Gemas	1	10,575
5.	Pejabat Daerah Kuala Pilah	32	16,557
6.	Pejabat Daerah Port Dickson	2	12,450
7.	Jabatan Haiwan	1	9,755
8.	Jabatan Hutan	3	6,369
9.	Pejabat Tanah & Galian	2	362
10.	Pejabat Kewangan Negeri	35	43,294
11.	Perancangan Bandar Dan Desa	6	2,055
12.	Jabatan Pertanian	10	9,469
13.	Jabatan Kerja Raya	3	6,003
<b>Jumlah</b>		<b>163</b>	<b>669,339</b>

*Sumber: Rekod Perbendaharaan Negeri*

Antara sebab bayaran terpaksa dibuat di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) ialah bil lewat diterima daripada pembekal, baki peruntukan tidak mencukupi dan borang tuntutan tidak dihantar pada tarikh yang sepatutnya. Adalah didapati alasan yang diberikan tidak memuaskan kerana pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) dapat dielakkan atau dikurangkan sekiranya pihak Jabatan mengawal perbelanjaannya dan mengambil tindakan susulan terhadap bil yang lewat diterima serta mengemukakan borang tuntutan perjalanan tidak lewat dari 10 hari bulan pada bulan berikutnya seperti kehendak Arahan Perbendaharaan 100(a).

#### **e) Akaun Kena Bayar**

Bagi bil untuk perkhidmatan atau bekalan yang telah disempurnakan pada atau sebelum akhir tahun 2004 adalah dibenarkan dibayar di bawah Akaun Kena Bayar. Perbendaharaan Negeri telah mengeluarkan arahan pada bulan November 2004 membenarkan bayaran bagi perbelanjaan tahun 2004 di bawah Akaun Kena Bayar dibuat sehingga 15 Januari 2005 sahaja. Penerimaan baucar Akaun Kena Bayar selepas tarikh tersebut akan dikembalikan kepada Jabatan berkenaan untuk dibatalkan dan dibayar di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a). Pada tahun 2004, sebanyak 1,404 baucar bayaran berjumlah RM34.58 juta telah dikenakan kepada Akaun Kena Bayar. Perbelanjaan tersebut dijelaskan di bawah Akaun Kena Bayar adalah bayaran bagi projek pembangunan, bayaran gaji bagi pegawai baru dilantik pada penghujung tahun 2004, bayaran imbuhan tahun 2004, pelarasan gaji kerana kenaikan pangkat dan tuntutan elaun lebih masa bulan Disember 2004. Baucar bayaran bagi perbelanjaan tersebut dikemukakan ke Perbendaharaan Negeri pada bulan Januari 2005.

**Pada keseluruhannya kelemahan kawalan perbelanjaan masih berlaku seperti mana yang dibangkitkan pada Laporan Ketua Audit Negara tahun lalu. Perbendaharaan Negeri perlu mengambil tindakan yang lebih berkesan untuk mengatasi kelemahan yang dibangkitkan.**

#### **9.4 PENGURUSAN PINJAMAN**

Kerajaan Negeri tidak boleh meminjam kecuali di bawah kuasa Undang-undang Negeri. Undang-undang Negeri pula tidak boleh membenarkan sesebuah Negeri meminjam kecuali daripada Persekutuan seperti yang dinyatakan oleh Perkara 111(2) Perlembagaan Persekutuan. Semakan Audit terhadap pengurusan pinjaman menunjukkan perkara berikut:

##### **9.4.1 Pinjaman Daripada Kerajaan Persekutuan**

Mengikut rekod yang diselenggara oleh Pejabat Kewangan Negeri, hutang Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan berjumlah RM1.34 bilion. Jumlah tersebut merupakan baki pinjaman yang terhutang oleh Kerajaan Negeri bagi tujuan projek bekalan air, rumah awam kos rendah, pembetulan najis dan pembangunan hutan. Pinjaman sedia ada yang diperolehi telah digunakan untuk maksud Kumpulan Wang Pembangunan seperti yang diluluskan mengikut Jadual Ketiga, Seksyen 10(1)(b) Akta Acara Kewangan 1957. Pada tahun 2004, Kerajaan Negeri telah menjelaskan bayaran balik pinjaman berjumlah RM23.09 juta bagi projek bekalan air, perumahan awam kos rendah dan projek ladang hutan. Tiada sebarang pembayaran balik dilakukan terhadap pinjaman yang lain sedangkan Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM30.00 juta bagi tujuan pembayaran ke atas Hutang Awam Negeri pada tahun 2004. Ini menyebabkan tunggakan bayaran balik pinjaman pada tahun 2004 telah meningkat

menjadi RM116.49 juta berbanding RM79.66 juta pada tahun 2003. Semakan Audit mendapati pengurusan rekod pinjaman pada keseluruhannya adalah baik dan sempurna. Rekod berkaitan pinjaman seperti jadual bayaran balik dan semua perjanjian pinjaman sentiasa dikemas kini.

#### 9.4.2 Pinjaman Kepada Badan Berkanun Dan Agensi Lain

Kerajaan Negeri Sembilan sentiasa berusaha membantu Agensi yang memerlukan bantuan kewangan untuk meningkatkan taraf pembangunan dan kemajuan penduduk di negeri ini. Sehingga tahun 2004, baki pinjaman yang boleh dituntut oleh Kerajaan Negeri daripada dua Badan Berkanun Negeri, satu Pihak Berkuasa Tempatan dan satu badan lain berjumlah RM107.26 juta seperti di **Jadual 12**.

**Jadual 12**  
**Baki Pinjaman Badan Berkanun Dan Badan Lain**  
**Pada 31 Disember 2004**

Peminjam	Jumlah Pinjaman (RM Juta)	Baki Hutang	
		Tahun 2003 (RM Juta)	Tahun 2004 (RM Juta)
<i>Badan Berkanun</i>			
• Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	60.77	54.87	54.87
• Yayasan Negeri Sembilan	8.27	6.90	5.63
<i>Pihak Berkuasa Tempatan</i>			
• Majlis Perbandaran Seremban	41.35	38.12	38.12
<i>Badan Lain</i>			
• Syarikat Imapro Sdn. Bhd.	22.64	8.64	8.64
<b>Jumlah</b>	<b>133.03</b>	<b>108.53</b>	<b>107.26</b>

Sumber : Rekod Perbendaharaan Negeri

#### a) Penyelenggaraan Rekod

Pemeriksaan Audit mendapati pinjaman yang dikeluarkan adalah mengikut peraturan yang telah ditetapkan. Rekod berkaitan pinjaman tersebut seperti salinan perjanjian pinjaman dan surat menyurat termasuk keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah diselenggara dengan sempurna. Bagaimanapun, penyesuaian baki antara rekod Perbendaharaan Negeri dengan Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan terlibat bagi tahun 2004 tidak dibuat.

#### b) Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman

Pada tahun 2004, tunggakan bayaran balik pinjaman yang belum dijelaskan kepada Kerajaan Negeri oleh 4 Agensi berjumlah RM58.12 juta. Sebahagian besar tunggakan ini adalah daripada Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan berjumlah RM38.97 juta dan Majlis Perbandaran Seremban berjumlah RM19.14 juta. Bagi tahun 2004, Yayasan Negeri Sembilan telah menjelaskan ansuran bayaran balik berjumlah RM1.27 juta manakala peminjam lain tidak menjelaskan sebarang ansuran

bayaran balik. Bagaimanapun, pihak Perbendaharaan Negeri telah menghantar surat peringatan kepada peminjam bagi menuntut tunggakan tersebut.

**Pada pendapat Audit, Kerajaan Negeri perlu mengambil tindakan yang lebih berkesan bagi mengutip tunggakan bayaran balik pinjaman daripada Agensi yang terlibat.**

## **9.5 PENGURUSAN PELABURAN**

Seksyen 8 Akta Acara Kewangan 1957 menyatakan Kerajaan Negeri boleh membuat pelaburan di bank, institusi kewangan dan syarikat sekiranya mempunyai lebihan wang. Pelaburan yang dibuat melalui wang lebihan Akaun Kumpulan Wang Hasil Disatukan ditunjuk di Lembaran Imbangan. Manakala pelaburan melalui peruntukan belanja mengurus ditunjuk di Penyata Akaun Memorandum. Pada tahun 2004, pelaburan Kerajaan Negeri berjumlah RM103.87 juta terdiri daripada simpanan tetap dan saham.

### **9.5.1 Unit Pelaburan**

Pada tahun 2002, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Unit Pelaburan. Unit ini bertanggungjawab merancang serta membantu pihak pengurusan membuat keputusan mengenai pelaburan dan mengawal serta menyelenggara rekod perakaunan pelaburan Kerajaan Negeri. Selain itu unit ini bertindak sebagai urus setia kepada Jawatankuasa Pelaburan Negeri. Bagaimanapun, tiada Jawatankuasa Pelaburan Negeri ditubuhkan bagi memantau aktiviti pelaburan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri.

### **9.5.2 Simpanan Tetap**

Sehingga akhir bulan Disember 2004, simpanan tetap Kerajaan Negeri berjumlah RM52.5 juta. Pelaburan ini dibuat dengan mematuhi undang-undang. Daftar Simpanan Tetap diselenggarakan dengan teratur dan sijil simpanan tetap disimpan dengan selamat. Simpanan tetap telah diperbaharui mengikut tempoh yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati simpanan tetap berjumlah RM28.1 juta telah dikeluarkan sebelum tempoh matang. Pengeluaran ini bertujuan menampung perbelanjaan Kerajaan Negeri.

### **9.5.3 Saham**

Pada tahun 2004, pelaburan saham oleh Kerajaan Negeri berjumlah RM51.37 juta. Sejumlah RM24.34 juta daripada jumlah tersebut adalah pelaburan saham melalui Perbadanan Menteri Besar dalam 15 syarikat. Rekod berkaitan saham dan penerimaan dividen telah diselenggara dengan memuaskan. Daftar Pelaburan Saham telah dikemas kini dengan teratur. Sijil saham disimpan dengan selamat berserta penyata saham *Malaysian Central Depository System (MCDS)*.

**Pada pendapat Audit, pengurusan pelaburan adalah baik di mana rekod serta daftar saham dan simpanan tetap telah diselenggarakan dengan kemas kini .**

## **9.6 PENGURUSAN KUMPULAN WANG AMANAH, AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT**

Mengikut Seksyen 10 Akta Acara Kewangan 1957, Kumpulan Wang Amanah Negeri bagi maksud tertentu adalah ditubuhkan melalui resolusi Dewan Undangan Negeri. Kumpulan Wang ini mendapat peruntukan kewangan daripada Kerajaan dan perlu dikendalikan mengikut peraturan yang ditetapkan selaras dengan tujuan Kumpulan Wang berkenaan. Akaun Amanah pula diwujudkan di bawah Seksyen 9, Akta Acara Kewangan 1957 untuk mengakaunkan sumbangan wang daripada Badan-badan dan orang perseorangan kepada Kerajaan bagi tujuan tertentu. Pengurusan akaun ini perlu dibuat mengikut Arahan Amanah yang diluluskan oleh Perbendaharaan Negeri. Manakala Deposit merupakan wang yang diterima oleh sesebuah Jabatan bagi maksud yang dinyatakan mengikut undang-undang atau syarat tertentu dan perlu dikembalikan sebaik sahaja selesai maksudnya. Penyata Akaun Amanah hendaklah disediakan setiap akhir tahun dan dikemukakan untuk diaudit sebelum akhir bulan Mac tahun berikutnya. Semakan Audit terhadap pengurusan akaun amanah mendapati perkara berikut:

### **9.6.1 Kumpulan Wang Amanah Kerajaan**

Perbendaharaan Negeri menyelenggara Kumpulan Wang Amanah Kerajaan yang terdiri daripada 32 Akaun Penyelesaian, 3 Akaun Perniagaan, 19 Akaun Pinjaman, satu Akaun Kumpulan Wang Luar Jangka dan 5 akaun Pelbagai. Baki Kumpulan Wang ini pada akhir tahun 2004 adalah berjumlah RM41.18 juta.

#### **a) Kumpulan Wang Pendahuluan Kenderaan**

Sejumlah RM4 juta diperuntukkan kepada Kumpulan Wang Pendahuluan Kenderaan dengan tujuan memberi kemudahan pinjaman kepada kakitangan awam membeli kenderaan. Pejabat Kewangan Negeri bertanggungjawab meluluskan pinjaman kenderaan serta menyelenggara Daftar Pinjaman Kenderaan untuk merekod pinjaman yang telah diluluskan. Perbendaharaan Negeri bertanggungjawab terhadap bayaran balik pinjaman dan penyimpanan rekod. Pada tahun 2004 sejumlah RM1.04 juta telah dikeluarkan daripada Kumpulan Wang ini. Semakan Audit terhadap 36 Akaun Lejar Perseorangan mendapati kesemua peminjam berkenaan mempunyai baki hutang berjumlah RM632,228 yang tidak bergerak semenjak bulan November 1996 disebabkan peminjam telah bertukar ke Jabatan Persekutuan atau bersara. Sungguh pun surat peringatan telah dihantar kepada mereka yang terlibat, tiada maklum balas diterima. Semakan Audit mendapati daftar yang diselenggarakan oleh Pejabat Kewangan Negeri tidak dikemas kini di mana maklumat seperti nombor kad pendaftaran kenderaan, nombor resit pembelian serta nombor polisi dan nama syarikat insurans untuk 19 orang pegawai bagi tempoh 2003 hingga 2004 tidak dicatat. Maklumat berkenaan perlu bagi memudahkan pegawai yang meluluskan pinjaman membuat pemantauan terhadap kemudahan yang telah diluluskan kepada peminjam seperti kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 1993.

**b) Kumpulan Wang Pendahuluan Komputer**

Sejumlah RM750,000 telah diperuntukkan kepada Kumpulan Wang ini. Pada tahun 2004, sejumlah RM84,844 telah dikeluarkan dan sejumlah RM224,169 bayaran balik telah dikutip. Semakan Audit mendapati secara amnya pemberian pinjaman adalah teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan. Bagaimanapun, Buku Daftar Pembiayaan Pembelian Komputer bagi merekod pinjaman yang telah diluluskan tidak dilengkapi dengan maklumat seperti kehendak perenggan 12.4 Pekeliling Perbendaharaan Bil 8 Tahun 1992. Bayaran balik pinjaman melalui potongan gaji dibuat dengan segera dan dikemaskinikan pada Penyata Akaun Lejar Perseorangan.

**c) Kumpulan Wang Pendahuluan Diri Dan Pelbagai**

Sejumlah RM230,000 telah diperuntukkan kepada Kumpulan Wang Pendahuluan Diri Pegawai Awam bagi tujuan memberi pendahuluan kepada anggota kerajaan untuk menampung perbelanjaan semasa menjalankan tugas rasmi. Bagi Kumpulan Wang Pendahuluan Pelbagai sejumlah RM325,000 telah diperuntukkan bagi memudahkan pegawai awam membuat perbelanjaan aktiviti rasmi. Pendahuluan Diri/Pelbagai ini perlu dijelaskan mengikut tempoh yang ditetapkan. Semakan Audit terhadap Daftar Pendahuluan Diri/Pelbagai yang diselenggarakan bagi tahun 2004 mendapati sebanyak 3 Pendahuluan Diri berjumlah RM54,481 dan 16 Pendahuluan Pelbagai berjumlah RM302,169 telah diluluskan. Daripada 19 permohonan yang telah diluluskan, sebanyak 17 Pendahuluan Diri/Pelbagai telah diselesaikan dalam tempoh satu hingga tiga bulan. Bagi 2 Pendahuluan Diri/Pelbagai yang belum diselesaikan masih lagi dalam siasatan berikutan kes kehilangan berjumlah RM639 dan pecah amanah berjumlah RM51,281 yang telah dilaporkan.

**9.6.2 Kumpulan Wang Amanah Awam**

Kumpulan Wang ini terdiri daripada 3 Akaun Amanah Khas dan 28 Wang Amanah yang lain yang ditubuhkan mengikut Seksyen 9 Akta Acara Kewangan 1957. Pada akhir tahun 2004, Kumpulan Wang Amanah Awam ini berbaki RM89.66 juta. Hasil semakan Audit terhadap Akaun Amanah adalah seperti berikut.

**a) Akaun Amanah Sukma**

Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) ke X Tahun 2004 berlangsung di Negeri Sembilan pada bulan Mei hingga Jun 2004. Akaun Amanah SUKMA telah ditubuhkan pada awal bulan Januari 2004 di bawah Seksyen 9, Akta Acara Kewangan 1957. Tujuannya adalah untuk memperakaunkan semua terimaan dan sumbangan yang diperolehi serta perbelanjaan yang dilakukan oleh semua Jawatankuasa SUKMA yang melaksanakan aktiviti, acara dan program tertentu. Semakan Audit terhadap Akaun Amanah adalah seperti berikut:



**i) Peruntukan Kewangan**

Bagi tujuan mengendalikan akaun amanah ini satu akaun telah dibuka di sebuah bank. Peruntukan berjumlah RM33.96 juta daripada Kerajaan Negeri telah dipindahkan ke Akaun SUKMA ini. Selain itu, sumbangan berjumlah RM1.07 juta diterima daripada syarikat/badan kewangan dan sejumlah RM0.56 juta daripada Majlis Sukan Negeri menjadikan jumlah keseluruhan yang diakaunkan ke Akaun Amanah SUKMA ini berjumlah RM35.59 juta.

**ii) Penyata Terimaan dan Perbelanjaan**

Penyata Terimaan dan Perbelanjaan bagi Akaun ini tidak disediakan sebagaimana Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 18 Tahun 2001 – Tatacara Pengurusan Akaun Amanah yang ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Acara Kewangan 1957. Jumlah perbelanjaan sebenar tidak dapat dipastikan kerana rekod kewangan tidak diselenggara dengan lengkap dan teratur. Semakan Audit terhadap fail bagi setiap Jawatankuasa mendapati dokumen sokongan bagi terimaan dan bayaran adalah tidak lengkap, penyimpanan baucar tidak tersusun dan kebanyakan surat tidak difailkan mengikut turutan dan ini membolehkan surat berkenaan tercicir atau hilang.

Mengikut penyata yang diterima jumlah perbelanjaan bagi 20 Jawatankuasa ialah RM35.58 juta. Buku Akaun Amanah masih mempunyai baki pada 31 Disember 2004 sejumlah RM1,280 manakala baki di bank pula berjumlah RM31,044. Pelarasan atau penyesuaian terhadap kedua baki tersebut tidak dibuat dan cek yang belum ditunaikan setakat 31 Disember 2004 berjumlah RM29,764.

**iii) Penutupan Akaun Amanah**

Akaun Amanah yang telah mencapai maksud penubuhannya hendaklah ditutup dan baki akaun hendaklah disifarkan, iaitu lebihan baki dipindahkan ke Akaun Hasil Disatukan Kerajaan Negeri seperti Arahan 14 Surat Ikatan Amanah. Pihak Audit mendapati Akaun Amanah ini masih belum ditutup lagi dan tindakan perlu diambil bagi menutup akaun ini.

**Pada pendapat Audit, penyediaan akaun ini adalah tidak memuaskan dan tidak mematuhi peraturan.**

**9.6.3 Penyerahan Penyata Untuk Diaudit**

Arahan Amanah menetapkan penyata akaun hendaklah disediakan pada akhir setiap tahun dan dikemukakan untuk diaudit sebelum akhir bulan Mac tahun berikutnya. Adalah didapati sehingga bulan Mei 2005, sebanyak 7 penyata akaun amanah tahun 2004 gagal diserahkan untuk diaudit walaupun peringatan telah dikeluarkan oleh pihak Perbendaharaan Negeri.

#### **9.6.4 Senarai Baki Deposit Individu**

Arahan Perbendaharaan 159 menetapkan Pegawai Pengawal hendaklah menyedia dan mengemukakan senarai baki deposit individu pada akhir bulan Disember setiap tahun kepada Bendahari Negeri dan salinan kepada Jabatan Audit Negara. Sehingga akhir bulan Mei 2005, Jabatan/Pejabat yang mengendalikan 8 akaun deposit tidak menyerahkan senarai baki deposit individu.

**Pada amnya, pengurusan Kumpulan Wang Amanah, Akaun Amanah dan Deposit adalah kurang memuaskan. Walaupun begitu, pengurusan dan penyelenggaraan rekodnya masih boleh diperbaiki dan diperkemaskan.**

### **10. PELAKSANAAN SISTEM PERAKAUNAN BERKOMPUTER STANDARD BAGI KERAJAAN NEGERI**

#### **10.1 LATAR BELAKANG**

Pada bulan Januari tahun 2003, Kerajaan Negeri Sembilan telah mula melaksanakan sistem perakaunan berkomputer yang baru iaitu Sistem Perakaunan Berkomputer Standard bagi Kerajaan Negeri (SPEKS). Sistem ini dibangunkan bagi membolehkan Kerajaan Negeri mengeluarkan Penyata Kewangan yang standard, berkualiti dan disediakan pada masa yang ditetapkan. Sistem ini juga bertujuan untuk mempertingkatkan prestasi pengurusan kewangan, memperbaiki kelemahan pentadbiran kewangan Kerajaan Negeri dan menjadi sumber rujukan bagi mendapatkan maklumat kewangan negeri. Selain itu, Sistem ini juga bertujuan mempersiapkan Kerajaan Negeri ke era Kerajaan Elektronik.

Pengauditan telah dijalankan pada tahun 2004 untuk menentukan kewujudan dan keberkesanan kawalan umum yang perlu ada pada sesuatu sistem pengkomputeran. Di samping itu, pengauditan ini juga untuk menilai kemajuan pelaksanaan Sistem ini di peringkat Kerajaan Negeri Sembilan. Pengauditan ditumpukan terhadap kawalan umum sahaja dan dijalankan melalui menemu bual pihak Konsultan IT, pegawai dan pengguna yang terlibat dengan Sistem ini. Lawatan ke bilik *server* dan terminal pengguna juga dijalankan dari semasa ke semasa.

#### **10.2 STATUS PELAKSANAAN SPEKS**

Jadual pelaksanaan adalah merupakan mekanisme perancangan yang perlu disediakan sebelum memulakan sesuatu sistem. Selain itu, jadual pelaksanaan juga penting sebagai pengukur kepada prestasi pelaksanaan sesuatu sistem. Pihak Audit mendapati jadual pelaksanaan tersebut ada disediakan bagi Sistem ini. Mengikut perancangan, projek SPEKS di Negeri Sembilan bermula pada bulan Oktober 2002 dan akan berakhir pada bulan Jun 2004. Bagaimanapun, berlaku kelewatan pelaksanaan beberapa modul SPEKS. Kelewatan ini adalah disebabkan oleh masalah kemudahan rangkaian dan juga masalah berkaitan

kemahiran pegawai yang akan berinteraksi dengan sistem SPEKS. Modul Lejar Am telah dilaksanakan di Pejabat Bendahari Negeri mulai bulan Januari 2003. Modul Buku Vot dan Modul Belanjawan telah dilaksanakan pada bulan Januari 2004. Modul Gaji mula dilaksanakan pada bulan November 2003 manakala Modul Pinjaman/Pelaburan, Maklumat Pengurusan Kewangan PTJ dan Lejar Subsidiari dilaksanakan mulai bulan Februari 2005. Jadual Pelaksanaan adalah seperti di **Jadual 13**.

**Jadual 13**  
**Jadual Pelaksanaan SPEKS**

Bil.	Modul	Tempoh Pelaksanaan	Perlaksanaan Sebenar
1.	Lejar Am	Oktober 2002 - Mac 2003	Januari 2003
2.	Buku Vot	Februari 2003 - Jun 2003	Januari 2004
3.	Belanjawan	Jun 2003 - Disember 2003	Januari 2004
4.	Pengurusan Dokumen	April 2003 - September 2003	Belum Mula
5.	Gaji	Jun 2003 - Disember 2003	November 2003
6.	Pengurusan Kewangan PTJ	Oktober 2003 - Disember 2003	Mac 2005
7.	Pinjaman/Pelaburan	Januari 2004 – Mei 2004	Februari 2005
8.	Aset	Februari 2004 – Julai 2004	Belum Mula
9.	Lejar Subsidiari	Oktober 2003 – Mac 2004	Februari 2005 (Pejabat SUK)

*Sumber: Rekod Perbendaharaan Negeri*

### 10.3 STATUS PELAKSANAAN MODUL BUKU VOT

Mengikut perancangan pelaksanaan yang dirangka pada awal tahun 2003, pelaksanaan Modul Buku Vot akan dibuat di semua Pusat Tanggungjawab (PTJ). Semakan Audit mendapati Modul ini telah dilaksanakan pada bulan Januari 2004, di Pejabat Perbendaharaan Negeri dan semua PTJ. Pihak Audit dimaklumkan bahawa salah satu penyebab utama kepada kelewatan tersebut ialah masalah kemudahan rangkaian dan masalah berkaitan dengan kemahiran pegawai yang berinteraksi dengan sistem. Sistem ini boleh dilaksanakan seperti yang telah dirancang sekiranya penambahbaikan dilakukan terhadap kemudahan rangkaian dan latihan yang diberi kepada pegawai terlibat. Pihak Audit juga dimaklumkan bahawa tempoh pelaksanaan sistem ini di peringkat nasional juga telah dilanjutkan sehingga bulan Julai 2005 dan secara langsung memberi peluang kepada Kerajaan Negeri untuk memperbaiki kelewatan pelaksanaan.

### 10.4 KAWALAN UMUM SPEKS

Kawalan umum adalah penting bagi persekitaran sistem berkomputer untuk memastikan sistem tersebut mencapai objektif ia dibangunkan. Selain itu, ia juga penting bagi menjamin kerahsiaan, keutuhan, kebolehsediaan dan kebolehpercayaan terhadap data serta pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan. Kelemahan kawalan umum akan menyebabkan kegagalan sistem pengkomputeran tersebut untuk mencapai tujuan dan

mendedahkannya kepada ancaman pencerobohan. Ada beberapa aspek kawalan umum yang perlu dipraktikkan bagi menjamin kejayaan sesuatu pengkomputeran sistem, antaranya termasuklah Kawalan Pengurusan dan Organisasi, Kawalan Akses Logikal, Kawalan Fizikal dan Persekitaran, Kawalan Pelan Meneruskan Operasi serta Kawalan Perkhidmatan yang diberikan oleh pihak ketiga.

#### **10.4.1 Kawalan Pengurusan Dan Organisasi**

Kawalan Pengurusan dan Organisasi adalah perlu bagi memastikan pihak pengurusan peringkat tertinggi terlibat secara langsung dengan pelaksanaan Sistem. Adalah diperhatikan bahawa penglibatan pegawai peringkat tertinggi dari aspek perancangan dan pelaksanaan sistem adalah memuaskan. Ini adalah kerana pegawai tersebut bertanggungjawab berurusan dengan pihak pembangun sistem iaitu Jabatan Akauntan Negara mengenai hal yang berkaitan Sistem ini. Di peringkat Pusat Tanggungjawab pula, Ketua Jabatan juga adalah pegawai yang memainkan peranan penting kerana terlibat secara langsung meluluskan transaksi yang akan diproses oleh sistem. Selain itu, satu Jawatankuasa Perlaksanaan SPEKS telah ditubuhkan bagi membincangkan isu berhubung Sistem ini. Bagaimanapun, Jawatankuasa tersebut hanya bermesyuarat sekali sahaja pada tahun 2002. Bagi tahun 2003 dan 2004 Jawatankuasa tersebut tidak pernah bersidang. Isu berhubung Sistem ini lebih banyak diselesaikan secara perbincangan antara pengguna di peringkat Pejabat Perbendaharaan Negeri dengan Bendahari Negeri sebagai pengerusinya.

#### **10.4.2 Kawalan Akses Logikal**

Kawalan Akses Logikal adalah langkah dan tatacara yang bersistematik bagi mengawal sumber komputer (data, program dan terminal) daripada pencerobohan. Kelemahan kawalan ini akan mengakibatkan sistem boleh diakses oleh orang yang tidak dibenarkan dan pindaan dibuat tanpa kelulusan. Kawalan ini terbahagi kepada dua mengikut fungsinya iaitu Kawalan Akses Logikal bagi pencegahan pencerobohan dan Kawalan Akses Logikal bagi pengesanan pencerobohan.

##### **a) Kawalan Akses Logikal Bagi Pencegahan Pencerobohan**

Kawalan Pencegahan terdiri daripada pelbagai jenis. Bagaimanapun, untuk tujuan Sistem ini ada 4 kawalan yang perlu diberi penekanan iaitu pengenalan pengguna, pengesahan, perlindungan sumber dan beberapa jenis kawalan tambahan.

- i) Pewujudan pengenalan pengguna bagi Sistem ini dikawal oleh Akauntan di Pejabat Perbendaharaan Negeri. Semakan Audit mendapati prosedur bagi pewujudan pengenalan pengguna ada dibuat. Pengenalan pengguna diwujudkan menggunakan nama Jabatan tempat bertugas dan nama pertama pegawai berkenaan.
- ii) Sistem ini menggunakan kata laluan sebagai pengesahan kepada identiti penggunanya. Kawalan terhadap kata laluan adalah penting kerana kelemahan

kawalan kata laluan akan mendedahkan Sistem ini kepada pelbagai ancaman pencerobohan. Oleh itu, satu prosedur rasmi perlu diwujudkan oleh Kerajaan Negeri untuk mengawal kata laluan seperti mendedahkan pengguna kepada keperluan menjaga kerahsiaan kata laluan dan prosedur bagi menghapuskan kata laluan pegawai yang meninggalkan perkhidmatan. Sistem ini juga haruslah dibangunkan dengan kawalan terhadap pembentukan kata laluan termasuklah komposisi kata laluan dan kombinasi kata laluan serta had minimum sesuatu kata laluan. Selain itu, Sistem ini juga haruslah mampu mewajibkan penukaran kata laluan melalui cara menghalang pengguna daripada mencapai Sistem sekiranya mereka tidak menukar kata laluan pada tempoh yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati Sistem ini tidak dibangunkan dengan kawalan tersebut, umpamanya pengguna boleh mewujudkan kata laluan semimumum yang mungkin. Ini adalah merupakan kelemahan pada kawalan kata laluan kerana ia akan memudahkan penceroboh untuk meneka kata laluan tersebut. Semakan Audit juga mendapati tidak ada prosedur khas diwujudkan bagi menghapuskan kata laluan pegawai yang meninggalkan perkhidmatan. Perkara ini telah dibangkitkan dalam Laporan Audit yang lalu dan setakat ini belum ada perubahan yang dibuat.

- iii) Kawalan perlindungan sumber bermaksud menghadkan akses sesuatu pengguna kepada sesuatu aplikasi yang berkaitan sahaja. Semakan Audit mendapati kawalan perlindungan sumber adalah memuaskan bagi Sistem ini. Setiap pengguna diberi kebenaran akses mengikut kuasa yang ada pada jawatan yang dipegang oleh pengguna berkenaan. Contohnya, pegawai penyemak hanya dibenarkan mengakses untuk menyemak transaksi sahaja dan tidak boleh menambah, meminda atau meluluskan transaksi begitu juga sebaliknya. Selain itu, pengguna bagi sesuatu Sistem Gaji umpamanya, adalah dihadkan akses kepada Sistem Gaji sahaja dan tidak diberi kebenaran untuk membuat akses kepada sistem lain.
- iv) Lain-lain kawalan tambahan adalah seperti kawalan terminal capaian khas, *automatic terminal time out*, menghadkan waktu membuat akses dan mengawal percubaan mengakses Sistem. Semakan Audit mendapati kawalan tersebut tidak ada bagi Sistem ini. Kawalan tersebut seharusnya ada bagi memastikan Sistem adalah selamat dan terkawal.

**Pada pendapat Audit, kelemahan kawalan tersebut di atas perlu diperbaiki, umpamanya prosedur khas bagi pewujudan kata laluan pengguna dan menghapuskan kata laluan pengguna yang meninggalkan perkhidmatan atau yang telah bertukar.**

**b) Kawalan Akses Logikal Bagi Pengesanan Pencerobohan**

Segala kawalan yang dimaklumkan di atas adalah berunsur pencegahan bagi memastikan orang yang tidak sepatutnya tidak mengakses sistem. Kawalan seterusnya yang perlu ditekankan juga adalah kawalan pengesanan percubaan

menceroboh dan aktiviti orang yang tidak dibenarkan. Kebiasaannya kawalan pengesanan ini dilakukan melalui cara menjejaki kronologi aktiviti yang telah dilakukan menerusi Log Audit. Sistem yang baik mesti memiliki dua Log Audit iaitu Log Audit Sekuriti dan Log Audit Transaksi. Log Audit Sekuriti merekodkan maklumat berkenaan aktiviti pengguna seperti kegagalan mengakses yang dibuat terhadap fail terkawal dan penggunaan utiliti sistem dan aplikasi umpamanya aplikasi mana yang diguna, bila dan oleh siapa. Semakan Audit mendapati sistem ini tidak mempunyai Log Audit Sekuriti yang menyebabkannya gagal mengesan aktiviti pengguna mahupun penceroboh di dalam sistemnya. Log Audit yang kedua ialah Log Audit Transaksi yang berfungsi merekodkan transaksi yang diproses oleh Sistem. Sistem ini juga tidak mempunyai Log Audit Transaksi dan ini akan menyukarkan sistem mengesan semula pemrosesan transaksi yang telah dilakukan oleh Sistem.

#### **10.4.3 Kawalan Fizikal dan Persekitaran**

Kawalan Fizikal dan Persekitaran adalah perlu bagi memastikan aset komputer (perkakasan, perisian dan dokumen) sentiasa terkawal dari pencerobohan fizikal dan selamat dari ancaman persekitaran demi menjaga keutuhan prosesan data. Kawalan fizikal yang perlu adalah terdiri daripada kawalan lokasi fizikal bagi bilik *server* dan kawalan keselamatan di pintu keluar masuk bilik *server*. Kawalan persekitaran pula adalah terdiri daripada kawalan mengelak daripada ancaman kebakaran, banjir, serangga perosak dan seterusnya cara untuk mengatasi sekiranya berlaku ancaman tersebut seperti peruntukan *back-up* dan pelan menghadapi kecemasan. Lawatan ke bilik *server* mendapati lokasi fizikal bilik *server* adalah dalam pejabat Perbendaharaan Negeri dan pada kedudukan *raised floor*, memiliki pencahayaan lampu yang mencukupi, kedudukan bilik yang terasing dan hanya memiliki satu pintu keluar masuk sahaja. Manakala bagi kawalan keselamatan di pintu masuk bilik *server* pula, adalah didapati bilik *server* tidak pernah dikunci. Daftar keluar masuk bilik *server* juga tidak diselenggara. Pihak Audit mendapati bilik *server* tidak dilengkapi dengan kemudahan mengesan dan mencegah kebakaran seperti alat pengesan asap dan kepanasan atau alat semburan kebakaran yang berasaskan gas halon. Pemeriksaan terhadap peralatan tersebut dibuat sekali pada setiap satu bulan bagi memastikan ia berfungsi dengan baik. Di samping itu, bagi menghadapi ancaman tersebut, pihak Perbendaharaan ada membuat *back-up* harian, mingguan dan bulanan terhadap data dan disimpan di Pejabat Bendahari. Walaupun begitu, tidak ada pelan atau latihan menghadapi kecemasan yang pernah dibuat bagi menghadapi pencerobohan atau kebakaran.

#### **10.4.4 Kawalan Perancangan Operasi Berterusan**

Kawalan perancangan operasi berterusan adalah jaminan kepada keupayaan sesuatu sistem untuk terus melaksanakan pemrosesan ICT sekiranya berlaku sesuatu yang tidak diingini kepada aset komputer dan persekitarannya. Ada dua kawalan yang penting iaitu *offsite back-up* bagi data dan program komputer serta prosedur menghadapi kecurian, kehilangan, kerosakan yang disengajakan atau sebaliknya. Bagi pelaksanaan

Sistem ini, *offsite back-up* bagi data adalah penting kerana data kewangan adalah sangat perlu untuk meneruskan pemprosesan jika berlaku gangguan di bilik *server*. Manakala *offsite back-up* bagi program komputer bukanlah keutamaan kerana Sistem ini adalah menggunakan program yang sama di setiap negeri di Semenanjung Malaysia. Oleh itu sekiranya berlaku gangguan kepada program komputer di Negeri Sembilan, pemprosesan masih boleh dibuat menggunakan program yang sama di negeri lain. Prosedur *back-up* dan pemulihan yang sempurna haruslah ada bagi Sistem ini untuk membolehkan *back-up* yang dibuat lengkap dan boleh diguna pakai untuk pemulihan semula sistem apabila berlaku gangguan pada sistem komputer. Pelan atau prosedur luar jangka bagi menghadapi sebarang kemungkinan kerosakan pada data juga harus dibuat secara rasmi yang mana setiap pegawai tahu peranan masing-masing bagi membolehkan pemulihan berjalan lancar. Semakan Audit mendapati *back-up* Sistem ini dibuat secara harian, mingguan dan bulanan. Walaupun begitu, *back-up* data disimpan di bilik *server* dan di Pejabat Yayasan Negeri Sembilan. Pelan luar jangka yang rasmi tidak disediakan bagi menghadapi pemulihan data.

#### **10.4.5 Kawalan Terhadap Perkhidmatan Yang Diberikan Oleh Pihak Ketiga**

Kawalan terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh pihak ketiga adalah perlu bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan adalah mengikut perjanjian. Oleh itu, Kerajaan Negeri hendaklah merujuk kepada surat perjanjian dan dokumen lain yang berkaitan untuk memastikan segala perkhidmatan yang diterima adalah berdasarkan apa yang telah dipersetujui dalam surat perjanjian tersebut. Semakan Audit mendapati pihak Kerajaan Negeri tidak ada salinan perjanjian berhubung pelaksanaan Sistem ini. Tindakan hendaklah diambil untuk mendapatkan salinan surat perjanjian tersebut dan dokumen lain yang berkenaan bagi memastikan Kerajaan Negeri mendapat perkhidmatan yang sepatutnya.

**Pada pendapat Audit, penambahbaikan perlu dibuat terhadap kemudahan rangkaian dan kawalan akses serta meningkatkan latihan kepada pengguna supaya pelaksanaan sistem menjadi lebih cekap dan berkesan.**

### **11. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pada keseluruhannya pengurusan kewangan Perbendaharaan Negeri adalah memuaskan. Walaupun begitu, tindakan yang berkesan perlu diambil bagi menangani kelemahan yang masih berulang dan dilaporkan dalam Laporan Audit terdahulu. Selain itu, Perbendaharaan Negeri perlu menjalankan pemantauan yang berterusan dari semasa ke semasa bagi memastikan Jabatan mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan.

## PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN NEGERI

### 12. LATAR BELAKANG

Seksyen 15(A) Akta Acara Kewangan 1957 dan Arahan Perbendaharaan telah menetapkan secara khusus tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di setiap Jabatan/Pejabat agar dapat menjamin wujudnya akauntabiliti awam dalam pengurusan kewangan kerajaan. Antara tanggungjawab Pegawai Pengawal adalah untuk mengawal perbelanjaan dan memastikan hasil dipungut dan diperakaunkan mengikut peraturan dan undang-undang yang ditetapkan. Pada tahun 2004, pengauditan pengurusan kewangan telah dijalankan di Pejabat Daerah Dan Tanah Port Dickson, Pejabat Daerah Dan Tanah Jelebu, Jabatan Perhutanan Negeri dan Jabatan Mufti Negeri. Sehingga 31 Disember 2004, jumlah hasil, perbelanjaan dan akaun amanah/deposit bagi 4 Jabatan/Pejabat yang diaudit adalah seperti di **Jadual 14**.

**Jadual 14**  
**Jumlah Hasil, Perbelanjaan Dan Deposit Bagi**  
**Tahun 2004**

<b>Bil</b>	<b>Jabatan/Pejabat</b>	<b>Hasil (RM Juta)</b>	<b>Perbelanjaan (RM Juta)</b>	<b>Deposit (RM Juta)</b>
1.	Pejabat Daerah Dan Tanah Port Dickson	38.72	2.11	0.56
2.	Pejabat Daerah Dan Tanah Jelebu	3.95	2.30	0.15
3.	Jabatan Perhutanan Negeri	8.47	4.90	2.91
4.	Jabatan Mufti Negeri Sembilan	-	0.76	-
<b>Jumlah</b>		<b>51.14</b>	<b>10.07</b>	<b>3.62</b>

*Sumber : Rekod Jabatan*

### 13. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan dilaksanakan dengan mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan serta wujud kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil, pengurusan perbelanjaan, amanah dan deposit serta pengurusan aset. Selain itu, ia juga bertujuan untuk menentukan sama ada penyelenggaraan rekod kewangan adalah lengkap dan kemas kini. Pemeriksaan telah dijalankan dengan menyemak rekod kewangan bagi tahun 2004, antaranya Buku Tunai, Buku Vot, Penyata Pemungut, Daftar Pemeriksaan Mengejut, Daftar Harta Modal dan Inventori dan Buku Log. Perbincangan juga diadakan dengan pegawai yang terlibat bagi mendapatkan penjelasan terhadap perkara berbangkit. Selain itu, pengesahan terhadap aset juga dijalankan untuk menentukan kewujudannya.



## 14. PENEMUAN AUDIT

### 14.1 KAWALAN PENGURUSAN

**14.1.1** Pihak pengurusan bertanggungjawab menentukan operasi Jabatan dijalankan dengan teratur dan sistematik. Struktur organisasi yang baik, penurunan kuasa yang teratur, panduan dan prosedur kerja yang kemas kini serta latihan dan bimbingan kerja kepada kakitangan akan membantu meningkatkan produktiviti Jabatan. Semakan Audit mendapati ada Jabatan tidak mematuhi peraturan berhubung dengan penyediaan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja. Kedua dokumen tersebut tidak lengkap dan kemas kini. Semua Jabatan telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun. Bagaimanapun, Jawatankuasa tersebut tidak mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya 3 bulan sekali mengikut kehendak Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 2004 kecuali Pejabat Daerah Dan Tanah Port Dickson dan Jabatan Mufti Negeri yang bermesyuarat setiap 3 bulan sekali. Kedudukan kawalan pengurusan Jabatan yang diaudit adalah seperti di **Jadual 15**.

**Jadual 15**  
**Kedudukan Kawalan Pengurusan**

Jabatan/ Pejabat	Kawalan Pengurusan					
	a	b	c	d	e	f
Pejabat Daerah Dan Tanah Port Dickson	/	x	/	/	/	/
Pejabat Daerah Dan Tanah Jelebu	/	/	/	/	/	x
Jabatan Perhutanan Negeri	/	/	x	x	/	x
Jabatan Mufti Negeri Sembilan	x	x	/	/	/	/

*Nota : / - Mematuhi X - Tidak Mematuhi*

- a. Manual Prosedur Kerja disediakan di setiap pejabat
- b. Manual Prosedur Kerja adalah lengkap dan kemas kini
- c. Fail Meja disediakan bagi setiap anggota
- d. Fail Meja adalah lengkap dan kemas kini
- e. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun telah ditubuhkan
- f. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun bermesyuarat setiap bulan atau sekurang-kurangnya 3 bulan sekali

**14.1.2** Penyediaan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja adalah penting supaya kakitangan awam dapat mengetahui tugas dan tanggungjawab masing-masing dan bagaimana tugas itu dilaksanakan. Selain itu, pusingan kerja kakitangan juga perlu dilaksanakan bagi menambah pengetahuan dan pengalaman mereka. Pusingan kerja ini tidak terhad kepada mereka yang menjalankan tugas am sahaja tetapi juga meliputi bidang pengkhususan kerana pelbagai aspek perlu diketahui dengan mendalam oleh seseorang kakitangan. Pemeriksaan Audit mendapati Pejabat/Jabatan ada membuat pusingan kerja bagi kakitangan sokongan. Bagaimanapun, adalah didapati seramai 7 orang kakitangan di Pejabat Daerah Dan Tanah Port Dickson serta Pejabat Daerah Dan

Tanah Jelebu yang melaksanakan tugas kewangan belum pernah mengikuti kursus atau latihan berkaitan dengan pengurusan kewangan. Kursus dan latihan adalah penting bagi membolehkan mereka menjalankan tugas dengan cekap dan berkesan.

**Pada pendapat Audit, Jabatan perlu mengemas kini Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja sebagai panduan kakitangan menjalankan tugas dengan cekap dan teratur. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun perlu memantau pengurusan kewangan Jabatan menerusi mesyuarat yang telah di tetapkan.**

#### 14.2 KAWALAN HASIL

Tanggungjawab Pemungut Hasil adalah untuk memungut, menyimpan dan mengakaunkan kutipan hasil dengan sempurna dan teratur. Daripada 4 Jabatan yang diaudit, tiga Jabatan/Pejabat yang memungut hasil iaitu Pejabat Daerah Dan Tanah Port Dickson, Pejabat Daerah Dan Tanah Jelebu dan Jabatan Perhutanan Negeri. Pada umumnya kawalan hasil telah dilaksanakan dengan memuaskan di mana rekod dan dokumen kewangan telah diselenggarakan mengikut peraturan kewangan yang ditetapkan. Bagaimanapun, beberapa peraturan mengenai kawalan hasil tidak dipatuhi sepenuhnya seperti pemeriksaan mengejut terhadap wang tunai tidak dijalankan dan penyata penyesuaian hasil tidak disediakan. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan kawalan hasil adalah seperti di **Jadual 16**.

**Jadual 16**  
**Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan**  
**Berhubung Dengan Kawalan Hasil**

Jabatan/ Pejabat	Peraturan Kawalan Hasil							
	a	b	c	d	e	f	g	h
Pejabat Daerah Dan Tanah Port Dickson	/	/	/	/	/	/	/	TB
Pejabat Daerah Dan Tanah Jelebu	/	/	/	x	/	/	/	/
Jabatan Perhutanan Negeri	/	/	/	/	/	/	/	/

*Nota : / - Mematuhi X - Tidak Mematuhi TB - Tidak Berkenaan*

- a. Resit ditulis dan ditandatangani oleh 2 orang pegawai yang berasingan
- b. Semakan harian dibuat antara Buku Tunai dan resit
- c. Kebenaran bertulis diberi untuk pegawai yang menerima wang
- d. Notis mengenai keperluan meminta resit dipamerkan untuk pengetahuan awam
- e. Kemasukan wang ke bank dibuat dengan segera
- f. Pemeriksaan mengejut terhadap wang dan barang berharga dijalankan
- g. Penyata Penyesuaian Hasil dibuat dengan betul dan kemas kini
- h. Kebenaran khusus diberi kepada seseorang pegawai yang perlu menguruskan sendiri semua aktiviti pungutan hasil

**Pada pendapat Audit, tahap kawalan hasil Jabatan/Pejabat yang diaudit adalah memuaskan.**

### 14.3 KAWALAN PERBELANJAAN

Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa setiap perbelanjaan yang dibuat mempunyai peruntukan, disokong dengan sewajarnya, diluluskan oleh pegawai yang diberi kuasa dan diperakaunkan dengan betul. Semakan Audit terhadap kawalan perbelanjaan bagi 4 Jabatan yang diaudit mendapati pada keseluruhannya adalah memuaskan dan mematuhi peraturan yang ditetapkan. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan kawalan perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 17**.

**Jadual 17**  
**Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan Berhubung**  
**Dengan Kawalan Perbelanjaan**

Jabatan/ Pejabat	Peraturan Kawalan Perbelanjaan						
	a	b	c	d	e	f	g
Pejabat Daerah Dan Tanah Port Dickson	/	/	x	/	/	/	/
Pejabat Daerah Dan Tanah Jelebu	/	/	/	/	/	/	/
Jabatan Perhutanan Negeri	/	/	x	/	/	/	/
Jabatan Mufti Negeri Sembilan	/	/	/	/	/	/	/

*Nota : / - Mematuhi      X - Tidak Mematuhi*

- a. Transaksi di Buku Vot ditandatangani oleh pegawai bertanggungjawab
- b. Buku Vot disemak oleh pegawai penyelia
- c. Penyata Penyesuaian Perbelanjaan disediakan dengan lengkap dan kemas kini
- d. Maklumat di Pesanan Tempatan adalah lengkap
- e. Surat kuasa dikeluarkan untuk tandatangan Pesanan Tempatan
- f. Daftar Bil diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini
- g. Daftar Bil diperiksa oleh pegawai kanan

**Pada pendapat Audit, kawalan perbelanjaan bagi Jabatan yang diaudit adalah memuaskan. Rekod perakaunan berkaitan diselenggarakan baik dan kemas kini. Langkah pemantauan dan penyeliaan yang berkesan akan dapat meningkatkan tahap pengurusan perbelanjaan.**

### 14.4 PENGURUSAN AKAUN AMANAH/ DEPOSIT

**14.4.1** Akaun amanah diwujudkan untuk membiayai sesuatu tujuan mengikut Arahan Amanah yang diluluskan oleh Perbendaharaan. Deposit pula merupakan wang yang diterima bagi maksud yang dinyatakan mengikut undang-undang atau syarat tertentu dan perlu dikembalikan sebaik sahaja selesai maksudnya. Jabatan yang mempunyai akaun amanah/ deposit perlu menguruskan akaun berkenaan mengikut arahan dan peraturan yang berkaitan. Daripada 4 Jabatan/Pejabat yang diaudit, tiga Pejabat ada menyelenggara akaun deposit iaitu Pejabat Daerah Dan Tanah Port Dickson, Pejabat

Daerah Dan Tanah Jelebu dan Jabatan Perhutanan Negeri. Pemeriksaan Audit terhadap pengurusan akaun amanah dan deposit bagi 3 Pejabat ini adalah seperti berikut :

#### **14.4.2 Pengurusan Akaun Amanah**

Jabatan Perhutanan Negeri menyelenggara satu Akaun Amanah iaitu Akaun Amanah Kumpulan Wang Pembangunan Hutan. Akaun Amanah ini bertujuan untuk mengakaunkan semua kutipan ses bagi membiayai perbelanjaan aktiviti pemuliharaan dan pembangunan hutan. Semakan Audit di Jabatan Perhutanan Negeri mendapati Akaun Amanah ini telah diselenggarakan dengan memuaskan. Penyata penyesuaian bagi akaun ini juga telah disediakan. Sehingga akhir bulan Disember 2004, baki Akaun ini berjumlah RM448,551.

#### **14.4.3 Pengurusan Deposit**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 156, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan akaun deposit di bawah jagaannya. Pejabat Daerah Dan Tanah Port Dickson serta Pejabat Daerah Dan Tanah Jelebu ada menerima deposit iaitu terdiri daripada deposit Wang Jaminan Pelaksanaan dan Deposit Am, manakala Jabatan Perhutanan Negeri pula menyelenggara Akaun Deposit Am. Semakan Audit mendapati Daftar Deposit Jabatan Perhutanan Negeri telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini, manakala Pejabat Daerah Dan Tanah Jelebu rekodnya tidak diselenggara dengan teratur dan baki lejar deposit tidak kemas kini sejak tahun 2001. Bagi Pejabat Daerah Dan Tanah Port Dickson pula baki deposit berbeza antara rekod Pejabat dan rekod di Perbendaharaan Negeri.

Mengikut Arahan Perbendaharaan 162, deposit yang tidak dituntut selepas 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan hendaklah diberitahu dalam warta kerajaan. Jika deposit masih tidak dituntut pada masa 3 bulan selepas pemberitahuan, deposit tersebut hendaklah dikreditkan kepada hasil. Pemeriksaan Audit di Pejabat Daerah Dan Tanah Port Dickson mendapati deposit bagi tahun 1980 hingga 2002 berjumlah RM446,784 telah diwartakan dan dikreditkan ke hasil kerajaan.

**Pada pendapat Audit, Akaun Amanah dan Deposit bagi ketiga Jabatan/Pejabat ini telah diuruskan dengan teratur. Bagaimanapun, Pejabat Daerah Dan Tanah Jelebu & Port Dickson perlu mengambil tindakan bagi mengemas kini rekod deposit.**

### **14.5 PENGURUSAN ASET**

**14.5.1** Urusan perolehan, penggunaan, penyelenggaraan, penyimpanan dan pelupusan aset hendaklah dibuat dengan cekap, berhemat dan selaras dengan peraturan kewangan. Rekod berhubung dengannya juga perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini seperti yang dikehendaki oleh Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2

Tahun 1991. Antara jenis aset yang dimiliki oleh Jabatan/Pejabat yang diaudit ialah kenderaan, komputer, mesin fotostat, telefon bimbit, perabot dan lain-lain.

**14.5.2** Semakan Audit di Jabatan/Pejabat yang dipilih mendapati kebanyakan peraturan berkaitan pengurusan aset seperti penyelenggaraan daftar, Buku Log, pemeriksaan fizikal dan tindakan pelupusan masih tidak dipatuhi sepenuhnya. Kedudukan mengenai pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan pengurusan aset adalah seperti di **Jadual 18**.

**Jadual 18**  
**Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan**  
**Berhubung Dengan Pengurusan Aset**

Jabatan/ Pejabat	Peraturan Pengurusan Aset								
	a	b	c	d	e	f	G	h	i
Pejabat Daerah Dan Tanah Port Dickson	x	x	x	x	/	/	X	/	x
Pejabat Daerah Dan Tanah Jelebu	x	x	x	x	/	/	/	x	x
Jabatan Perhutanan Negeri	/	/	/	/	/	/	/	x	x
Jabatan Mufti Negeri Sembilan	x	x	x	x	/	/	X	x	x

*Nota : / - Mematuhi X - Tidak Mematuhi TB - Tidak Berkenaan*

- a. Daftar Harta Modal dan Inventori diselenggara dengan lengkap dan kemas kini
- b. Pemeriksaan fizikal dijalankan terhadap harta modal dan inventori
- c. Aset mempunyai tanda pengenalan 'Hak Milik Kerajaan'
- d. Verifikasi stok dijalankan
- e. Pelantikan Pegawai Pengangkutan dibuat secara bertulis
- f. Kenderaan diguna dengan kelulusan Pegawai Pengangkutan
- g. Buku Log kenderaan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini
- h. Aset usang diambil tindakan pelupusan
- i. Pelupusan aset disegerakan

**14.5.3** Selain dari perkara yang dinyatakan di atas, semakan lanjut telah dijalankan terhadap beberapa aspek lain seperti berikut :

**a) Penggunaan Kad Inden Minyak Dan Kad *Touch 'N' Go***

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 dan 8 Tahun 1999 telah memberikan garis panduan untuk mengawal penggunaan kedua kad tersebut. Menurut pekeliing tersebut, pegawai yang bertanggungjawab hendaklah menyelenggara satu daftar untuk merekod penggunaan kad tersebut. Selain itu, kad ini hendaklah disimpan dan dikembalikan kepada pegawai bertanggungjawab selepas digunakan. Semakan Audit mendapati hanya Jabatan Perhutanan Negeri sahaja yang telah mematuhi kehendak pekeliing yang dinyatakan di atas, manakala Pejabat Daerah Dan Tanah Jelebu menyelenggara daftar kad touch 'n' go dengan memuaskan. Bagi 3 Jabatan/ Pejabat yang lain daftar tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Daftar tersebut juga tidak diperiksa oleh pegawai bertanggungjawab dan beberapa peraturan berkaitan penggunaan Kad Inden Minyak dan Kad *touch 'n' go* tidak dipatuhi.

## **b) Pelupusan Aset**

Menurut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1995, tujuan pelupusan aset dilakukan adalah untuk memastikan bahawa proses keusangan stok/ aset tidak berlaku. Tindakan pelupusan perlu disegerakan supaya tidak timbul masalah kesesakan ruang stor dan nilai aset merosot. Semakan Audit mendapati 4 Jabatan/Pejabat ini belum mewujudkan Jawatankuasa Pelupusan diperingkat Jabatan/Pejabat dan proses pelupusan belum dilaksanakan. Bagi Pejabat Daerah Dan Tanah Port Dickson adalah didapati tindakan melupuskan sebuah kenderaan tidak diambil walaupun kelulusan telah diperolehi disebabkan kenderaan tidak mencukupi dan amat diperlukan. Bagi Jabatan/Pejabat yang lain, pelupusan terhadap harta atau peralatan adalah kurang berkesan dan tidak menepati kehendaki peraturan yang berkaitan.

**Pada pendapat Audit, pengurusan aset di beberapa Jabatan/ Pejabat adalah kurang memuaskan. Tindakan yang lebih serius perlu diambil terhadap keperluan mengemas kini rekod berkaitan agar pengurusannya menjadi lebih teratur dan kemas. Pegawai Pengawal hendaklah menjalankan pemeriksaan terhadap aset yang tidak boleh digunakan lagi supaya tindakan pelupusan dapat dijalankan.**

## **15. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan mendapati masih ada Jabatan/Pejabat yang tidak mematuhi beberapa peraturan berhubung dengan kawalan hasil, perbelanjaan, akaun amanah/ deposit dan pengurusan aset. Bagi meningkatkan tahap pengurusan kewangan, adalah disyorkan supaya Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun memainkan peranan yang lebih aktif bagi memantau urusan kewangan Jabatan/Pejabat. Sehubungan dengan ini, pihak pengurusan juga perlu mengawasi, mengesan dan menyelia semua urusan kewangan serta rekod berkaitan agar menepati kehendak peraturan kewangan yang sedia ada. Selain itu, latihan dan bimbingan yang berterusan perlu diberikan kepada pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan bagi meningkatkan kecekapan mereka.

## **16. PROGRAM PENAMPILAN AUDIT**

### **16.1 LATAR BELAKANG**

Program Penampilan Audit mula dilaksanakan pada tahun 2003. Program ini merupakan pemeriksa Audit terhadap Jabatan yang tidak terpilih untuk pengauditan pengurusan kewangan. Program Penampilan Audit memberi penekanan kepada kawalan dalaman dan penyediaan rekod kewangan terutamanya mengenai pengurusan perbelanjaan termasuk pengendalian wang panjar. Dengan Penampilan Audit ini Jabatan akan merasa bahawa

Jabatannya kerap mendapat perhatian dan nasihat daripada pihak Audit bagi mempertingkatkan tahap akauntabiliti dan pengurusan kewangan Jabatan.

## **16.2 OBJEKTIF PROGRAM PENAMPILAN AUDIT**

Tujuan Penampilan Audit dijalankan adalah sebagai langkah pencegahan daripada berlaku kelemahan pengurusan kewangan yang berterusan di Jabatan yang dilawati. Ianya dapat mewujudkan kesedaran di kalangan kakitangan auditi mengenai pentingnya mengurus kewangan dan menyelenggara harta benda kerajaan dengan cermat dan berhemat. Selain itu, pihak Audit dapat melaksanakan tanggungjawabnya dengan lebih berkesan serta menasihati pihak auditi bagi menangani kelemahan pengurusan kewangan.

## **16.3 PELAKSANAAN DAN PENDEKATAN**

Untuk melaksanakan program Penampilan Audit bagi tahun 2004, Jabatan Audit telah memilih beberapa Jabatan. Pemilihan ini dibuat mengikut keutamaan dan lebih tertumpu kepada Jabatan/Pejabat yang tidak pernah diaudit atau sudah melebihi 3 tahun tidak dilawati dan merupakan cawangan yang terletak jauh dari Ibu Pejabat. Tatacara pelaksanaan Penampilan Audit dimulakan dengan memaklumkan kepada Jabatan tujuan lawatan bagi Penampilan Audit serta berbincang dengan pihak auditi terhadap masalah yang dihadapi berhubung dengan pengurusan kewangan Jabatan. Pengauditan dilakukan dengan menilai kawalan dalaman serta menyemak rekod kewangan dan pematuhan kepada kehendak undang-undang dan peraturan kewangan. Fokus pengauditan pada tahun 2004 adalah bertumpu kepada kawalan perbelanjaan. Pengauditan ini hanya untuk 1 hingga 2 hari dan akan disusuli dengan surat pemerhatian audit serta perbincangan bersama pihak auditi terhadap hasil pemeriksaan. Semasa perbincangan tersebut punca kelemahan dan masalah serta cara mengatasinya akan dikenal pasti. Sejumlah 37 cawangan Jabatan/Pejabat di daerah telah dipilih dan dilawati.

## **16.4 PENEMUAN AUDIT**

Pada tahun 2004, penampilan Audit dijalankan terhadap kawalan perbelanjaan. Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan menunjukkan pengurusan kewangan di Jabatan/Pejabat yang dilawati adalah bertambah baik. Mulai tahun 2004, semua Jabatan/Pejabat di Negeri Sembilan telah menggunakan sistem SPEKS bagi membuat pembayaran. Oleh kerana sistem ini masih baru dilaksanakan, kelemahan dari aspek kawalan perbelanjaan dan penyimpanan dokumen perlu penambahbaikan. Ringkasan penemuan Audit mengenai kawalan perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 19**.

**Jadual 19**  
**Ringkasan Penemuan Penampilan Audit**

Bil.	Jabatan/Pejabat	Bilangan Cawangan Dilawati	Pematuhan Terhadap Peraturan	
			Kawalan Perbelanjaan	
			M	TM
1.	Pejabat Daerah Dan Tanah dan Pejabat Tanah Dan Galian	7	7	-
2.	Jabatan Pertanian	4	4	-
3.	Jabatan Kebajikan Masyarakat	3	3	-
4.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	3	3	-
5.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Bah. Pentadbiran Dan Kewangan	1	1	-
6.	Jabatan Perkhidmatan Haiwan	3	3	-
7.	Jabatan Kerja Raya	5	5	-
8.	Jabatan Perhutanan	1	1	-
9.	Jabatan Pengairan dan Saliran	3	2	1
10.	Jabatan Kehakiman Syariah	3	3	-
11.	Jabatan Bekalan Air	3	3	-
12.	Jab Perancang Bandar Dan Desa	1	1	-
<b>Jumlah</b>		<b>37</b>	<b>36</b>	<b>1</b>

*M* = Memuaskan

*TM* = Tidak Memuaskan

#### 16.4.1 KELEMAHAN YANG DIKENAL PASTI

Pada keseluruhannya, analisis Audit mendapati sebahagian besar mematuhi elemen kawalan perbelanjaan. Di bawah sistem SPEKS semua baucar bayaran yang asal bersama dokumen untuk menyokong bayaran adalah disimpan di Pejabat. Adalah didapati semua baucar bayaran dan dokumen sokongan yang asal ini tidak dicop 'telah jelas/telah bayar' sebagai kawalan dalaman dan bagi mengelakkan berlakunya pembayaran dua kali.

#### 16.5 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pemeriksaan Penampilan Audit menunjukkan tahap pematuhan terhadap peraturan kewangan berkaitan kawalan perbelanjaan di Jabatan/Pejabat yang dilawati adalah baik. Pegawai Pengawal perlu menjalankan pemantauan yang berterusan untuk memastikan pengurusan kewangan Jabatannya sentiasa teratur dan kemas kini.



## **17. PROGRAM ANAK ANGKAT**

### **17.1 PENDAHULUAN**

Ketua Audit Negara adalah bertanggungjawab untuk mengaudit dan melaporkan pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Kerajaan. Berdasarkan kepada pengauditan yang telah dijalankan adalah didapati kelemahan pengurusan kewangan Jabatan/ Agensi Kerajaan masih berlaku sungguhpun telah sering kali ditegur oleh pihak Audit. Sehubungan dengan ini, Jabatan Audit Negara telah memutuskan untuk membantu Jabatan/Agensi berkenaan dengan melaksanakan program Anak Angkat. Melalui program Anak Angkat beberapa Jabatan/Agensi akan dipilih untuk diberi bimbingan dan nasihat bagi memantapkan lagi pengurusan kewangannya.

### **17.2 OBJEKTIF PROGRAM**

Objektif program ini adalah untuk membantu Jabatan/Agensi Negeri meningkatkan tahap pengurusan kewangannya terutamanya berhubung penyelenggaraan rekod kewangan dan perakaunan.

### **17.3 PELAKSANAAN/PENDEKATAN**

Pemilihan Anak Angkat dibuat berdasarkan Jabatan/Agensi yang mempunyai kelemahan dalam pengurusan kewangan yang dikenal pasti melalui pemerhatian Audit yang sering dibangkitkan dan cadangan daripada Ketua Jabatan/Agensi yang menunjukkan inisiatif untuk memperbaiki kelemahan pengurusan kewangan Jabatannya. Pada tahun 2004, sebanyak 5 pejabat telah dipilih untuk dijadikan Anak Angkat iaitu 2 Jabatan Negeri, 2 Badan Berkanun Negeri dan 1 Pihak Berkuasa Tempatan. Jabatan dan Agensi tersebut ialah Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Pilah, Jabatan Bekalan Air Port Dickson, Majlis Perbandaran Nilai, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan dan Lembaga Muzium Negeri Sembilan. Dua agensi iaitu Perbadanan Perpustakaan Awam dan Lembaga Muzium Negeri adalah yang dibawa dari tahun 2003 yang belum ditamatkan status sebagai Anak Angkat.

### **17.4 TATACARA PELAKSANAAN**

Jabatan/Agensi yang dipilih dimaklumkan melalui surat pelantikan rasmi dan satu *entrance conference* diadakan bagi memberi penjelasan lanjut mengenai program ini. Pihak Audit juga akan mendapatkan pandangan dan maklum balas Jabatan/Agensi berkenaan mengenai aspek kelemahan yang patut diberi penekanan. Satu perancangan diadakan bagi memastikan program ini dapat dilaksanakan secara sistematik dan mencapai objektifnya. Jadual Lawatan Program Anak Angkat disediakan meliputi aktiviti Audit, tarikh dan tempoh

masa lawatan serta pegawai Audit yang terlibat. Seterusnya melalui lawatan pertama, penilaian secara menyeluruh dibuat terhadap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi yang dipilih untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi dan puncanya. Tumpuan akan diberikan kepada kelemahan paling ketara dan punca utama wujudnya masalah pengurusan kewangan. Kelemahan yang dikenal pasti dibincang bersama pihak pengurusan Jabatan/Agensi dengan mencadangkan langkah pembetulan/pembaikan. Pegawai dan kakitangan juga diberi bimbingan melaksanakan tugas pengurusan kewangan yang baik selaras dengan peraturan yang ditetapkan. Bagi memastikan langkah pembaikan dan pembetulan diambil secara berterusan, lawatan ke Jabatan/Agensi dibuat sekurang-kurangnya sekali pada setiap 3 bulan sekali.

### **17.5 KELEMAHAN YANG DIKENAL PASTI**

Hasil lawatan Audit ke Jabatan/Agensi di bawah program Anak Angkat beberapa kelemahan telah dikenal pasti seperti berikut:

- a) Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja tidak disediakan;
- b) Jawatankuasa Kewangan Dan Akaun ada ditubuhkan tetapi tidak bermesyuarat seperti yang ditetapkan.;
- c) Rekod hasil tidak kemas kini atau tidak disemak oleh pegawai penyelia, antaranya buku tunai, penyata penyesuaian hasil, buku resit dan borang hasil;
- d) Rekod perbelanjaan tidak lengkap atau tidak disemak oleh pegawai penyelia, antaranya Buku Vot, penyata penyesuaian perbelanjaan dan Daftar Bil;
- e) Penyelenggaraan rekod aset iaitu Daftar Harta Modal dan Inventori tidak memuaskan dan aset tidak mempunyai tanda pengenalan 'Hak Milik Kerajaan';
- f) Pemeriksaan aset tidak dijalankan;
- g) Aset yang tidak diperlukan atau usang belum dilupuskan; dan
- h) Buku log kenderaan tidak kemas kini.

### **17.6 TINDAKAN PEMBETULAN OLEH JABATAN/AGENSI**

Secara keseluruhannya Jabatan/Agensi menyambut baik program Anak Angkat dan telah memberi komitmen dan kerjasama yang sepenuhnya. Tindakan pembetulan dan penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh Jabatan/Agensi antaranya adalah seperti berikut:

**17.6.1** Jabatan/Agensi telah mengemas kini struktur organisasi terutamanya di Bahagian Kewangan bagi mewujudkan pengasingan dan pembahagian tugas yang jelas. Selain itu, pegawai dan kakitangan dihantar menghadiri kursus mengenai kewangan bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran menjalankan tugas kewangan. Penyeliaan dan pemantauan oleh pegawai atasan terhadap pengurusan hasil, perbelanjaan dan aset Jabatan/Agensi dipertingkatkan.

**17.6.2** Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Pilah telah mengaktifkan semula Jawatankuasa ini dengan mengadakan mesyuarat setiap 3 bulan bagi memantau pengurusan kewangannya. Selain itu Pejabat ini juga telah mengemas kini Manual Prosedur Kerja, Fail Meja serta senarai tugasnya. Pejabat juga telah mengambil tindakan menyemak semua buku resit yang diterima serta membuat perakuan terhadapnya.

**17.6.3** Jabatan Bekalan Air Port Dickson telah membuat penambahbaikan dengan melengkapkan Daftar Mel, menjalankan pemeriksaan mengejut dan membuat semakan terhadap Buku Tunai. Ini adalah bagi meningkatkan kawalan dalaman dan mengelakkan penyelewengan dari berlaku. Jabatan ini juga sedang mengemas kini Daftar Harta Modal dan Inventori dan seterusnya telah mengambil tindakan pelupusan aset yang tidak diperlukan lagi.

**17.6.4** Majlis Perbandaran Nilai telah mengambil tindakan dengan menyediakan Fail Meja dan senarai tugas untuk setiap kakitangannya. Dari aspek kawalan hasil pula Majlis Perbandaran Nilai telah mengambil tindakan mengemas kini Buku Tunai, menyediakan penyata penyesuaian bank, menyemak semua borang hasil dan menyelenggara rekod perakaunan dengan kemas kini. Selain itu Majlis juga sedang menyediakan senarai tunggakan mengikut tahun, senarai deposit, Daftar Simpanan Tetap, Daftar Lesen, menyelenggara Akaun Amanah dengan kemas kini dan mengemas kini Daftar Harta Modal dan Inventori. Majlis dalam proses melantik Lembaga Pemeriksa.

**17.6.5** Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri dan Lembaga Muzium Negeri mengambil tindakan bagi mengemas kini rekod kewangannya. Antaranya adalah mencatatkan nombor slip bank pada Buku Tunai, menyemak buku resit yang belum digunakan, menyediakan Daftar Bil, menyelenggara Daftar Simpanan Tetap, Daftar Pemeriksaan Mengejut. Selain itu kedua agensi ini juga sedang mengemas kini Daftar Harta Modal dan Inventori.

## **17.7 PENCAPAIAN**

Pada akhir tahun 2004, semua ke empat Jabatan/Agensi ini telah menunjukkan tahap pengurusan kewangan yang bertambah baik berbanding tahun sebelumnya. Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Pilah dan Majlis Perbandaran Nilai menganggap program ini telah membantunya mewujudkan pengurusan kewangan yang baik. Memandangkan semua Jabatan/Agensi ini telah menunjukkan pencapaian yang baik dan memuaskan, ianya akan dilepaskan sebagai anak angkat.

## **17.8 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pada keseluruhannya tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi di bawah program 'Anak Angkat' adalah jauh lebih baik berbanding tahun sebelumnya. Jabatan/Agensi berkenaan memberi jaminan akan lebih komited untuk menangani kelemahan pengurusan kewangan. Bagi Jabatan/Agensi yang telah berjaya mempertingkatkan pengurusan kewangannya melalui program Anak Angkat adalah diharapkan Jabatan/Agensi tersebut mengekalkan prestasinya.

***BAHAGIAN III***  
***AKTIVITI JABATAN DAN***  
***KAJIAN KHAS***

### **BAHAGIAN III AKTIVITI JABATAN DAN KAJIAN KHAS**

#### **18. PENDAHULUAN**

Seksyen 6 Akta Audit 1957 menghendaki Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap program/aktiviti untuk menentukan sama ada ia dilaksanakan dengan cekap dan berhemat. Pada tahun 2004, dua kajian telah dijalankan terhadap program/aktiviti di Pejabat Daerah Dan Tanah Jempol dan Jabatan Kerja Raya. Kajian ini bertujuan untuk menilai sama ada aktiviti yang dilaksanakan mencapai matlamat yang ditetapkan. Hasil kajian tersebut telah dimaklumkan kepada Jabatan yang berkenaan dan hanya isu yang ketara dilaporkan dalam **Bahagian** ini.

#### **PEJABAT DAERAH DAN TANAH JEMPOL**

#### **PENGURUSAN PENGELUARAN BAHAN BATUAN**

#### **19. LATAR BELAKANG**

**19.1** Mengikut Kanun Tanah Negara (KTN), bahan batuan bermaksud segala jenis batu dan segala jenis tanah serta apa jua yang terhasil daripada keduanya. Pihak Berkuasa Negeri boleh mengeluarkan permit atau kebenaran bagi maksud mengambil, mengalih dan mengangkut bahan batuan dari tanah kerajaan, tanah milik, tanah lombong dan tanah rizab. Walaupun begitu permit yang dikeluarkan ini tidak termasuk untuk mendapatkan logam atau galian daripada bahan batuan berkenaan. Mana-mana individu atau badan boleh memohon permit untuk tujuan mengambil, mengalih dan mengangkut bahan batuan ini. Hasil daripada pengeluaran permit ini, Pejabat Tanah akan mengutip royalti berdasarkan kuantiti pengeluaran dan pemindahan bahan batuan yang dilakukan. Kadar royalti yang dipungut adalah seperti yang ditetapkan oleh *Negeri Sembilan Land Rules* 1966 (Pindaan 2002).

**19.2** Pada tahun 2002 hingga 2004, royalti yang dipungut daripada pengeluaran permit ini oleh semua Pejabat Tanah telah menyumbang sejumlah RM17.95 juta kepada hasil Kerajaan Negeri. Royalti yang dipungut oleh Pejabat Tanah Jempol sahaja bagi tempoh tahun 2002 hingga 2004 adalah berjumlah RM4.14 juta. Sebanyak 160 permit telah dikeluarkan oleh Pejabat Tanah Jempol kepada 32 pengusaha sepanjang tempoh tahun 2002 hingga 2004 .

## **20. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan pengeluaran bahan batuan telah diurus dengan cekap dan berkesan serta penguatkuasaan terhadap syarat permit dijalankan dengan sempurna.

## **21. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN**

Skop pengauditan tertumpu kepada perancangan, pelaksanaan dan pemantauan aktiviti pengeluaran bahan batuan bagi tempoh tahun 2002 hingga tahun 2004. Aktiviti ini dipilih untuk kajian kerana kutipan royalti merupakan salah satu hasil utama Kerajaan Negeri dan Pejabat Tanah Jempol merupakan antara penyumbang terbesar hasil bahan batuan. Pengauditan dijalankan di Pejabat Tanah Jempol dengan memeriksa, meneliti dan menyemak dokumen serta rekod yang berkaitan pengusaha, kadar royalti, deposit, doket, penyata dan laporan yang berkaitan dengan aktiviti ini. Manakala di Pejabat Tanah Dan Galian Negeri pula pengauditan dijalankan dengan menyemak fail penguatkuasaan dan pemantauan yang dijalankan. Selain pemeriksaan dokumen, lawatan ke lokasi pengeluaran bahan batuan juga dilakukan untuk melihat aktiviti yang dijalankan dan dokumen yang di selenggara oleh pengusaha. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai yang bertanggungjawab di Pejabat Tanah Jempol dan Pejabat Tanah Dan Galian juga dijalankan.

## **22. PENEMUAN AUDIT**

### **22.1 PERANCANGAN**

Perancangan yang rapi dan teratur adalah penting bagi memastikan semua aktiviti dapat dilaksanakan dengan lancar dan mencapai objektif yang telah ditetapkan. Aspek perancangan yang dilaksanakan oleh pihak pengurusan adalah seperti berikut:

#### **22.1.1 Dasar Kerajaan Negeri**

Aktiviti pengeluaran bahan batuan di Negeri Sembilan adalah berdasarkan kepada Kanun Tanah Negara. Pihak Berkuasa Negeri tidak menetapkan sebarang dasar kecuali dari segi kelulusan pengeluaran bahan batuan selain daripada tanah merah akan di bawa kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk kelulusan. Mana-mana orang atau badan boleh memohon permit bahan batuan ini. Kerajaan Negeri juga tidak menetapkan lokasi bagi pengeluaran bahan batuan ini dan bergantung pada lokasi yang dipohon.

### **22.1.2 Undang-undang Dan Peraturan**

Garis Panduan dan prosedur permohonan pemindahan bahan batuan adalah tertakluk kepada Kanun Tanah Negara, *Negeri Sembilan Land Rules 1966(Pindaan 2002)*, Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Galian dan Pekeliling Pengarah Tanah Galian Negeri.

- a) Seksyen 70 hingga 75 Kanun Tanah Negara memperuntukkan bahawa mana-mana orang atau badan yang ingin mendapat hak untuk mengambil, mengalih atau mengangkut bahan batuan perlulah mendapat kebenaran bertulis daripada pihak berkuasa negeri atau dipanggil permit. Pihak Berkuasa Negeri boleh mengeluarkan permit untuk mengambil, mengalih dan mengangkut bahan batuan dari tanah kerajaan, tanah milik, tanah lombong yang pada masa itu tidak digunakan untuk tujuan melombong dan tanah rizab awam yang pada masa itu tidak digunakan bagi maksud dirizabkan.
- b) *Negeri Sembilan Land Rules 1966 (Pindaan 2002)* pula menerangkan dengan lebih terperinci mengenai perundangan, pelaksanaan dan menetapkan kadar bagi setiap aktiviti tanah di seluruh Negeri Sembilan. Undang-undang ini ada menetapkan kadar royalti bahan batuan seperti tanah merah, tanah liat, pasir sungai, batu bata dan lain-lainnya.
- c) Bagi tujuan menyeragamkan pengurusan bahan batuan di seluruh Pejabat Tanah di Negeri Sembilan, Pihak Berkuasa Negeri juga mengeluarkan pekeliling dan peraturan sebagai panduan dan penjelasan dengan lebih terperinci. Antara pekeliling yang dikeluarkan oleh Pengarah Tanah Dan Galian Negeri adalah Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Bil. 3 Tahun 1991 mengenai perwakilan kuasa kepada Pentadbir Tanah Daerah di bawah Seksyen 13 Kanun Tanah Negara dan Bil.2 Tahun 1991 mengenai pindaan perwakilan kuasa kepada Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Sembilan untuk meluluskan permit serta Arahan Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Sembilan Bil. 4 Tahun 2002 mengenai pengeluaran permit pasir.

### **22.1.3 Sasaran Hasil Royalti Bahan Batuan**

Kutipan hasil pengeluaran bahan batuan ini bermula apabila bahan batuan dikeluarkan atau dipindahkan dari satu lot ke lot yang lain. Kuantiti pengeluaran atau pemindahan akan dikira berdasarkan meter padu dan royalti akan dibayar mengikut kadar yang ditetapkan. Pejabat Tanah Daerah Jempol (Pejabat Tanah) menetapkan bahan batuan yang akan dikenakan royalti adalah terdiri daripada pasir sungai, pasir lombong, batu kapur, tanah liat bagi tujuan mengeluarkan batu bata, batu granit dan pemindahan tanah merah. Setakat ini tidak ada kuari bagi pengeluaran batu pepejal di daerah ini.

Pejabat Tanah menganggarkan akan mengutip hasil royalti sejumlah RM1.00 juta pada tahun 2002, sejumlah RM1.41 juta pada tahun 2003 dan sejumlah RM1.47 juta pada tahun 2004.



#### **22.1.4 Syarat Permit**

Setiap pemohon yang akan diluluskan permit hendaklah mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Bagi pengeluaran pasir sungai pengusaha hendaklah mematuhi syarat permit yang dikenakan oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) serta syarat permit oleh Pejabat Tanah Daerah. Antara syarat teknikal yang akan dikenakan oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran adalah seperti berikut:

- a)** Pengambilan pasir adalah tertakluk kepada penggunaan kaedah/ jentera/jengkaut;
- b)** Memastikan pengambilan pasir dari dasar sungai dengan kedalaman tidak melebihi 0.5 meter dan memastikan pengambilan pasir berdasarkan cara lapisan dan bukan secara tompok-tompok;
- c)** Pengusaha hendaklah memastikan pengambilan pasir tidak melebihi 500 meter padu sebulan;
- d)** Pengusaha adalah bertanggungjawab untuk melaporkan kepada JPS segala kerosakan tebing sungai akibat pengambilan pasir dan hendaklah membaikinya atas tanggungan sendiri;
- e)** Pengusaha bertanggungjawab terhadap apa-apa pencemaran seperti tumpahan minyak dan hendaklah mengatasinya;
- f)** Pengambilan pasir hanya dibenarkan 1/3 bahagian tengah sungai sahaja;
- g)** Pengusaha hendaklah memastikan aktiviti pengambilan pasir sungai tidak mendatangkan bahaya kepada harta awam seperti struktur hidraulik, jambatan, jeti, bangunan dan sebagainya.

Manakala syarat pentadbiran yang akan dikenakan oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran yang kena dipatuhi oleh pengusaha adalah seperti berikut:

- a)** Pengusaha adalah dikenakan wang cagaran sejumlah RM6,000 dalam bentuk Bank Draf. Wang cagaran ini hanya diserahkan kembali kepada pengusaha apabila tamat tempoh permit dan Kerajaan berpuas hati tiada kerosakan sungai yang terlibat;
- b)** Papan kenyataan bersaiz 1.5 m x 2.0 m menunjukkan dengan jelas butiran mengenai pengusaha seperti nama, alamat, nombor telefon, rujukan permit dan tempoh sah laku, hendaklah didirikan di tapak pasir dikeluarkan;
- c)** Permit yang dikeluarkan dihadkan tempoh sahnya selama 6 bulan sahaja dan JPS perlu dirujuk terlebih dahulu sekiranya permit perlu diperbaharui;
- d)** Pengusaha hendaklah menyelesaikan sendiri sebarang masalah seperti aduan, bantahan dan lain-lain yang timbul berhubung dengan kegiatannya itu;

Selain daripada syarat tersebut, Pejabat Tanah Jempol juga akan mengenakan syarat tambahan seperti berikut:

- a)** Tempoh pengeluaran permit hendaklah dibuat sebulan sekali bagi memudahkan Pejabat Tanah mengawal pengeluarannya. Bayaran royalti juga akan dipungut sebulan sekali;
- b)** Pemegang permit hendaklah dibekalkan doket yang disahkan oleh Pentadbir Tanah kepada semua kenderaan yang membawa bahan batuan;

- c) Pengusaha tidak dibenarkan mengangkut bahan batuan keluar dari kawasan sebelum jam 8 pagi dan selepas jam 5 petang pada hari Isnin hingga Jumaat dan pada hari Sabtu dari jam 8 pagi hingga 12.45 tengah hari;
- d) Pemegang permit hendaklah membayar 3 bulan deposit berdasarkan anggaran pengeluaran;
- e) Pemegang permit hendaklah menghantar 3 salinan penyata pengeluaran pada atau sebelum 10 hari bulan ke Pejabat;
- f) Permit boleh ditarik balik sekiranya pengusaha melanggar syarat yang dikenakan; dan
- g) Permit boleh ditamatkan dengan bayaran pampasan mengikut Seksyen 434 Kanun Tanah Negara.

Setelah mendapat ulasan dari Jabatan Teknikal, Pentadbir Tanah atau Timbalan Pentadbir Tanah akan membuat syor sama ada menyokong atau menolak permohonan berkenaan. Bagi permit tanah merah kelulusan akan dikeluarkan oleh Pentadbir Tanah Daerah dan akan mengambil masa satu minggu. Manakala bagi permit pasir sungai, tanah liat dan batu pepejal, kelulusan akan dikeluarkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dalam tempoh 3 bulan.

#### **22.1.5 Proses Permohonan Permit**

Mengikut Seksyen 43 Kanun Tanah Negara, permit mengambil, mengeluarkan dan mengalih bahan batuan boleh dikeluarkan kepada mana-mana orang atau badan. Permohonan untuk mendapat permit ini adalah percuma. Pemohon dikehendaki mengisi borang permohonan yang disediakan dan dikemukakan bersama dengan pelan tanah/lokasi bahan batuan yang akan dikeluarkan. Satu fail akan dibuka bagi setiap pemohon. Pentadbir Tanah Daerah akan mengarahkan Pelukis Pelan untuk menandakan di atas pelan kawasan yang dipohon. Seterusnya Penolong Pegawai Tanah akan membuat siasatan tanah dan menyediakan Laporan Tanah.

Selain daripada peraturan yang ditetapkan melalui pekeliling, pengurusan bahan batuan ini juga perlu mematuhi peraturan dan mendapat kelulusan daripada Jabatan Teknikal seperti Jabatan Pengairan Dan Saliran bagi pengeluaran pasir sungai, Jabatan Mineral Dan Geosains bagi batu pepejal dan juga Jabatan Alam Sekitar.

#### **22.1.6 Lokasi Pengeluaran Bahan Batuan**

Pemilihan lokasi atau tapak yang bersesuaian amat penting bagi memastikan jenis bahan batuan yang akan dikeluarkan, kesesuaian bentuk muka bumi dan mengawal pencemaran alam sekitar. Pihak Pejabat Tanah atau Kerajaan Negeri tidak menetapkan sebarang lokasi bagi tujuan pengeluaran bahan batuan. Ia adalah bergantung pada lokasi yang dipohon oleh pengusaha. Dengan mengenal pasti lokasi yang sesuai, permohonan pengeluaran bahan batuan akan dapat dibuat dengan teratur. Oleh yang demikian pihak Pejabat Tanah perlu pasti dan menetapkan lokasi bagi pengeluaran bahan batuan.

### **22.1.7 Guna Tenaga Dan Latihan**

Pengurusan sumber manusia yang teratur membolehkan sesuatu objektif yang telah ditetapkan tercapai. Bagi memperkemaskan sumber guna tenaga, Jabatan merancang untuk menambah kakitangan dan mewujudkan satu Unit Penguatkuasaan bertujuan bagi memantau aktiviti berkenaan. Pengurusan pengeluaran bahan batuan ini akan melibatkan tiga Unit seperti berikut:

- a) Unit Pelupusan Tanah yang akan mengeluarkan dan menerima borang permohonan serta memprosesnya termasuk menerima bayaran dan mengeluarkan permit;
- b) Unit Penempatan akan memeriksa lokasi dan membuat laporan tanah bagi kawasan yang dipohon; dan
- c) Unit Penguatkuasaan akan bertanggungjawab menentukan syarat dan peraturan dipatuhi oleh pengusaha.

Bagi mengurus aktiviti pengeluaran bahan batuan serta menjalankan tugas penguatkuasaan dengan cekap dan berkesan, pegawai perlu menjalani latihan dengan sewajarnya. Bagi pegawai penguat kuasa dan pegawai penempatan yang baru dilantik perlu memahirkan diri dengan undang-undang dan prosedur tanah. Bagi memahirkan diri dengan perundangan tanah, pegawai ini akan mengikut program latihan yang akan disediakan. Pejabat tidak menyediakan programnya sendiri tetapi akan mengikuti program latihan yang disediakan oleh Institut Latihan Tanah.

### **22.1.8 Keperluan Peralatan Dan Kemudahan Sokongan**

Bagi meningkatkan kecekapan operasi penguatkuasaan, keperluan peralatan yang cukup dan lengkap adalah diperlukan. Aktiviti penguatkuasaan memerlukan pegawai menjalankan operasi secara bergerak, menjalankan sekatan jalan raya serta mengadakan lawatan ke tempat atau lokasi pengeluaran bahan batuan. Keperluan utama Unit ini adalah kenderaan yang sesuai dengan tugas yang dijalankan, selain itu Unit ini juga memerlukan peralatan seperti kon untuk sekatan jalan raya, kamera, peralatan perhubungan seperti *walkie talkie*, payung, papan tanda, lampu picit, jaket keselamatan dan uniform yang lengkap bagi menjalankan tugas penguatkuasaan.

**Pada pendapat Audit, Pejabat Tanah Jempol mempunyai perancangan yang memuaskan bagi mengurus dan mengawal aktiviti pengeluaran bahan batuan di Daerah Jempol.**

## **22.2 PELAKSANAAN**

Di peringkat pelaksanaan pengurusan pengeluaran bahan batuan, semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

### 22.2.1 Dasar Kerajaan Negeri

Aktiviti pengeluaran bahan batuan dilaksanakan mengikut Kanun Tanah Negara memandangkan Pihak Berkuasa Negeri tidak menetapkan dasarnya sendiri. Bagaimanapun, pada tahun 2004 Pihak Berkuasa Negeri telah mengeluarkan arahan kepada Pentadbir Tanah Daerah supaya semua permohonan pasir sungai yang baru hendaklah dibekukan sehingga Kerajaan mengeluarkan satu garis panduan tetap mengenainya.

**Pada pendapat Audit, Kerajaan Negeri perlu mempunyai dasar dan mengadakan garis panduan mengenai pengeluaran bahan batuan bagi memudahkan pengawalannya.**

### 22.2.2 Undang-undang Dan Peraturan

Mengikut Seksyen 43 Kanun Tanah Negara, permit boleh dikeluarkan kepada mana-mana orang atau badan. Permit yang dikeluarkan adalah melalui Borang 4C KTN bagi tujuan mengambil, mengalih dan mengangkut bahan batuan. Manakala Borang 4B KTN digunakan bagi permit dan lesen pendudukan sementara yang dikeluarkan bersama. Ia adalah untuk kegunaan permit yang dikeluarkan bagi pengeluaran bahan batuan di atas tanah kerajaan. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2002 hingga tahun 2004, sejumlah 160 permit ini telah dikeluarkan kepada 32 pengusaha yang terdiri daripada individu dan badan. Daripada jumlah pengusaha ini, 10 adalah untuk pasir sungai, satu untuk pasir lombong, satu batu kapur, satu batu granite, 4 tanah liat/batu bata dan 15 adalah pemindahan tanah merah. Butirannya adalah seperti **Jadual 20**.

**Jadual 20**  
**Bilangan Pengusaha Bahan Batuan Daerah Jempol**  
**Bagi Tempoh Tahun 2002 Hingga 2004**

Bil	Jenis Bahan Batuan	Bil. Pengusaha	Bil. Permit
1.	Pasir Lombong	1	23
2.	Pasir Sungai	10	29
3.	Tanah Liat/Batu Bata	4	44
4.	Tanah Merah	15	32
5.	Batu Kapur	1	32
6.	Batu Granite	1	-
	<b>Jumlah</b>	<b>32</b>	<b>160</b>

Sumber : Rekod Pejabat Tanah Jempol

**Pada pendapat Audit, Pejabat telah mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan bagi pengeluaran bahan batuan.**

### **22.2.3 Lokasi Pengeluaran Bahan Batuan**

Pejabat Tanah Jempol tidak menetapkan sebarang lokasi bagi pengeluaran bahan batuan. Setiap tempat yang diluluskan adalah bergantung kepada lokasi yang diminta oleh pemohon dan ulasan daripada Jabatan Teknikal. Sekiranya lokasi yang dipohon tidak mendapat sokongan daripada Jabatan Teknikal maka Pentadbir Tanah Daerah tidak akan menyokong permohonan ini. Manakala status tanah yang boleh dipohon bagi pengeluaran bahan batuan ini pula sama ada di atas tanah kerajaan, tanah milik, tanah bekas lombong atau pun tanah rizab. Sehingga tahun 2004, ada 11 lokasi pengeluaran bahan batuan yang terdiri daripada 2 pasir sungai, satu pasir lombong dan 5 tanah liat, satu batu kapur dan 2 batu granite. Bagi pasir sungai, lokasi yang dipohon dan diluluskan adalah di sepanjang Sungai Muar dan Sungai Jempol. Lokasi pasir lombong adalah di Rezab Asli Sg. Lui. Tanah liat di Mahsan, Kg. Anak Air Denai, Ladang. Jeram Padang, Kg. Panchor dan Palong. Lokasi bagi pengeluaran batu kapur adalah di Mukim Jelai dan 2 lokasi bagi pengeluaran batu granite adalah di Felda Pasoh dan di Kampung Bayai.

**Pada pendapat Audit, Pejabat Tanah perlu menetapkan lokasi yang sesuai bagi pengeluaran bahan batuan untuk memudahkan kawalan pengeluaran bahan batuan dibuat.**

### **22.2.4 Proses Permohonan Permit**

Pejabat Tanah menetapkan tempoh satu minggu untuk memproses permohonan permit bagi pemindahan tanah merah memandangkan Pentadbir Tanah Daerah berkuasa untuk meluluskan permit ini. Manakala bagi permit selain daripada tanah merah, adalah di bawah bidang kuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan dan memerlukan tempoh selama 3 bulan untuk kelulusan. Kelulusan yang diberi bagi setiap permit adalah untuk tempoh satu tahun atau sehingga 31 Disember setiap tahun. Pemohon dikehendaki membaharui kelulusan permit sebelum tamat tempoh berkenaan.

Bagi tempoh tahun 2002 hingga 2004, sejumlah 40 permohonan permit baru telah diterima dan didaftarkan serta diproses, manakala bagi pembaharuan permit ianya tidak didaftarkan. Semakan Audit mendapati permohonan tidak dibuat kepada Pihak Berkuasa Negeri bagi pembaharuan permit mengeluarkan batu kapur dan tanah liat kecuali pembaharuan permit pasir sungai sahaja yang dihantar ke Majlis Mesyuarat Kerajaan untuk kelulusan pada setiap tahun. Adalah didapati tidak ada kelewatan memproses permit bagi pemindahan tanah merah yang memerlukan kelulusan di peringkat Pentadbir Tanah sahaja. Bagaimanapun, berlaku kelewatan memproses permit yang memerlukan ulasan Jabatan Teknikal yang lain dan bagi permit yang diluluskan di peringkat Majlis Mesyuarat Kerajaan. Ini adalah disebabkan kelewatan mengemukakan ulasan, laporan dihantar ke Jabatan Teknikal yang lain atau pun

pemohon membuat rayuan kerana permohonan pertamanya telah ditolak. Adalah didapati kelulusan untuk pengeluaran batu granite mengambil masa 1 tahun 6 bulan. Butirannya adalah seperti di **Jadual 21**.

**Jadual 21**  
**Tempoh Memproses Permit Bahan Batuan Bagi Tahun 2002 Hingga 2004**

Bil	Jenis Bahan Batuan	Bil. Permohonan	Tempoh Proses
1.	Pasir Lombong	1	-
2.	Pasir Sungai	11	2 – 6 bulan
3.	Tanah Liat/ Batu Bata	3	1 – 2 bulan
4.	Tanah Merah	22	2 - 5 hari
5.	Batu Granite	3	1 tahun 6 bulan
	<b>Jumlah</b>	<b>40</b>	

*Sumber: Rekod Daftar Permohonan Permit Pejabat Tanah Jempol*

**Pada pendapat Audit, permohonan permit telah diproses mengikut prosedur dan mematuhi syarat.**

#### **22.2.5 Pengeluaran Permit**

Permohonan permit bagi mengeluarkan bahan batuan tertentu memerlukan ulasan daripada Jabatan Teknikal. Bagi permit pasir sungai, pihak JPS akan membuat siasatan bagi menentukan sama ada aktiviti pengambilan pasir sungai ini tidak mendatangkan bahaya kepada harta awam seperti struktur hidraulik, jambatan, jeti, bangunan dan sebagainya. Sekiranya permohonan untuk mengambil pasir sungai ini akan mendatangkan bahaya atau menjejaskan harta awam permohonan berkenaan tidak akan disokong. Sekiranya aktiviti pengambilan pasir sungai ini dapat membantu mendalamkan sungai atau dapat mengurangkan masalah banjir di kawasan sekitar, JPS akan memaklumkan bahawa pihaknya tiada apa-apa halangan terhadap permohonan tersebut. Bagi permit batu pepejal pula, ulasan daripada Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Mineral Dan Geosains adalah diperlukan.

Semakan Audit mendapati sejumlah 40 permohonan permit diterima bagi tempoh tahun 2002 hingga 2004. Daripada 40 permohonan yang diterima, sebanyak 27 diluluskan dan 9 permohonan adalah ditolak kerana tidak mendapat sokongan daripada Jabatan Teknikal atau tidak diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Manakala 4 permohonan bagi tahun 2004 telah dikemukakan ke Pejabat Tanah Dan Galian Negeri untuk dibawa kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan. Butiran permohonan yang dilulus dan ditolak adalah seperti **Jadual 22**.

**Jadual 22**  
**Permohonan Dilulus Dan Ditolak**  
**Bagi Tempoh Tahun 2002 Hingga 2004**

Butiran	Permohonan			Dalam Tindakan
	Terima	Lulus	Tolak	
Pasir Lombong	1	-	-	1
Pasir Sungai	11	1	8	2
Tanah Liat/ Batu Bata	3	2	1	-
Tanah Merah	22	22	-	-
Batu Granite	3	2	-	1
<b>Jumlah</b>	<b>40</b>	<b>27</b>	<b>9</b>	<b>4</b>

*Sumber: Rekod Pejabat Tanah Jempol*

**Pada pendapat Audit, permohonan yang diluluskan dan ditolak adalah selaras dengan peraturan dan undang-undang yang ditetapkan.**

#### **22.2.6 Sasaran Hasil**

Pungutan hasil terdiri daripada bayaran royalti yang dikira berdasarkan kiraan meter padu kecuali batu bata yang dikira mengikut keping dan granite mengikut tan metrik. Kadar bayaran bagi setiap meter padu seperti yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri pada tahun 2002 adalah RM2.20 bagi pasir sungai, RM1.50 bagi tanah liat, RM1.20 tanah merah dan RM0.0015 bagi setiap keping batu bata yang dikeluarkan. Pungutan hasil royalti bahan batuan bagi tempoh tahun 2002 adalah berjumlah RM1.4 juta meningkat menjadi RM1.62 juta pada tahun 2003 dan pada tahun 2004 pula berjumlah RM1.28 juta. Antara sebab royalti bahan batuan ini menurun pada tahun 2004 adalah arahan daripada Pihak Berkuasa Negeri supaya permit pasir sungai dibekukan. Memandangkan pembangunan yang pesat di daerah ini dan permintaan kepada bahan pasir adalah tinggi Pihak Berkuasa Negeri mungkin menimbang untuk menarik balik pembekuan permit baru. Butiran pungutan hasil dan pengeluaran permit bagi tempoh tahun 2002 hingga 2004 adalah seperti di **Jadual 23**.

**Jadual 23**  
**Pungutan Hasil Dan Pengeluaran Permit**  
**Bagi Tempoh 2002 Hingga 2004**

Tahun	Jumlah Pungutan Hasil (RM)	Bil. Permit Dikeluarkan
2002	1,235,375	57
2003	1,622,767	56
2004	1,277,509	47

*Sumber: Rekod Pejabat Tanah Jempol*

**Pada keseluruhannya pihak Audit berpendapat sasaran hasil telah tercapai.**

#### **22.2.7 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan**

Pada bulan Disember 2003, struktur organisasi Pejabat telah disusun semula setelah mendapat pertambahan kakitangan dan Bahagian Penguatkuasaan diwujudkan. Mengikut Carta organisasi Pejabat pada masa ini, pengurusan aktiviti pengeluaran bahan batuan melibatkan unit seperti berikut:

- a) Unit Pelupusan Tanah yang diketuai oleh Pembantu Tadbir Gred N26 dan dibantu oleh 2 Pembantu Tadbir Gred N22 dan N17 adalah bertanggungjawab menerima dan mengeluarkan borang permohonan, memproses serta menerima bayaran dan mengeluarkan permit. Selain itu Unit ini juga menyelenggarakan Daftar Permit Bahan Batuan.
- b) Unit Penempatan pula bertanggungjawab memeriksa dan membuat lawatan ke lokasi bagi menyediakan laporan tanah bagi kawasan yang dipohon. Unit ini diketuai oleh Penolong Pegawai Tanah Gred NT22 dan dibantu oleh 4 Penolong Pegawai Tanah Gred NT17. Ada satu kekosongan jawatan NT17 di Unit ini sejak tahun 2002;
- c) Unit Penguatkuasaan pula adalah bertanggungjawab menentukan semua syarat dan peraturan yang ditetapkan adalah dipatuhi oleh semua pengusaha. Bahagian ini mula diwujudkan pada bulan Disember 2003 dan mempunyai 3 jawatan yang diketuai oleh Penolong Pegawai Tanah NT22, dua Penolong Pegawai Tanah NT17 dan seorang Pemandu Kenderaan Motor R3. Semua jawatan di Unit ini telah diisi pada tahun 2004.

Pejabat Tanah Jempol telah mengadakan kursus dan latihan dalaman dan juga menghantar pegawai yang berkaitan mengikuti kursus anjuran pihak Kerajaan Negeri dan Institut Latihan Tanah. Program latihan dan kursus berkaitan dengan urusan tanah dan penguatkuasaan telah disediakan oleh Institut Latihan Tanah. Bagi tempoh tahun 2002 hingga 2004, seramai 8 pegawai telah dihantar menjalani pelbagai kursus berkaitan urusan tanah antaranya adalah Kursus Perundangan dan Pembangunan Tanah. Manakala bagi pegawai penguatkuasaan pula mengikuti Kursus Penggunaan



Alat *Total Station* dan Perisian Alat *Civilkad* yang memberi pendedahan kepada pegawai berkenaan tentang cara penggunaan peralatan untuk penguatkuasaan.

**Pihak Audit berpendapat guna tenaga adalah mencukupi dan terlatih.**

#### **22.2.8 Keperluan Peralatan Dan kemudahan Asas**

Peralatan yang cukup dan lengkap adalah perlu bagi meningkatkan kecekapan operasi penguatkuasaan. Namun pihak Audit mendapati Bahagian Penguatkuasaan tidak mempunyai kenderaan sendiri untuk menjalankan tugas. Kenderaan yang digunakan pada masa ini adalah kenderaan guna sama dengan Pejabat Daerah. Kenderaan ini diperolehi pada tahun 1989, telah lama dan berusia hampir 15 tahun. Peralatan lain seperti peralatan perhubungan, jaket keselamatan serta uniform juga tidak mencukupi. Kekurangan ini menyebabkan tugas penguatkuasaan tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna dan berkesan.

**Pada pendapat Audit, untuk memantapkan lagi Bahagian ini, pihak pengurusan perlu memberi keutamaan dengan menyediakan kenderaan dan peralatan yang sesuai dan mencukupi.**

#### **22.2.9 Aktiviti Penguatkuasaan**

Bahagian Penguatkuasaan Pejabat Tanah Jempol tidak menyediakan jadual bagi menjalankan aktiviti penguatkuasaan bagi tempoh tahun 2002 hingga 2004. Semakan mendapati Bahagian ini ada membuat rondaan bagi membanteras pengeluaran bahan batuan tanpa permit. Bagaimanapun, tiada rekod atau laporan dibuat pada setiap kali operasi dijalankan. Operasi juga dijalankan pada waktu luar pejabat dan hari kelepasan. Tindakan penguatkuasaan dijalankan secara berterusan secara lawatan berterusan sepanjang tahun bagi menentukan penguasa kuari telah mematuhi syarat kelulusan dan pengeluaran permit. Bagaimanapun lawatan tidak dapat dijalankan seperti dirancang kerana tenaga kerja yang kurang dan kenderaan serta peralatan yang tidak lengkap.

**Pihak Audit berpendapat aktiviti penguatkuasaan perlu dipertingkatkan dan Bahagian Penguatkuasaan perlu menyediakan jadual kerja yang teratur .**

#### **22.2.10 Kadar Bayaran Royalti**

Kadar bayaran royalti bagi pemindahan bahan batuan telah ditetapkan mengikut Jadual Ketujuh, *Negeri Sembilan Land Rules 1966 (Pindaan 2002)*. Kadar ini telah disemak semula dan dipinda pada tahun 2002 dan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2003. Pihak Audit mendapati pindaan kadar tersebut hanya melibatkan bayaran lesen pendudukan sementara yang dinaikkan daripada RM500 satu hektar menjadi RM1,500 satu hektar. Manakala kadar bayaran royalti bagi bahan batuan yang lain kekal dengan kadar lama.

Perbandingan telah dibuat dengan kadar bayaran royalti di Negeri Melaka. Adalah didapati kadar yang diguna pakai di Negeri Sembilan adalah rendah berbanding dengan

Negeri Melaka. Perbandingan kadar bayaran antara kedua negeri tersebut adalah seperti di **Jadual 24**.

**Jadual 24**  
**Perbandingan Kadar Bayaran Royalti Bahan Batuan**

Bil	Jenis Bahan	Kadar Di Negeri Sembilan (meter padu)	Kadar Di Negeri Melaka (meter padu)
1.	Tanah Merah	1.20	2.00
2.	Pasir Sungai/ Lombong	2.20	2.60
3.	Tanah Liat	1.50	2.00
4.	Batu Bata( 1000 kpg)	1.50	2.00
5.	Batu Kapur	2.20	2.60
6.	Batu Granite	1.90 (tan)	2.60

*Sumber: Rekod Pejabat Tanah Jempol*

**Pada pendapat Audit kajian teliti perlu dibuat supaya kadar bayaran royalti yang dikenakan adalah bersesuaian dan tidak banyak berbeza dengan negeri lain.**

#### **22.2.11 Pengeluaran Lesen Pendudukan Sementara (LPS)**

Mengikut seksyen 65 Kanun Tanah Negara, Lesen Pendudukan Sementara (LPS) boleh dibenarkan di atas tanah kerajaan, tanah lombong dan tanah rizab tertakluk kepada syarat yang ditetapkan. Pemilik LPS akan dikenakan sejumlah bayaran yang ditetapkan. Bagaimanapun syarat pengeluaran pasir sungai adalah dengan pengeluaran permit 4C KTN sahaja. Semakan Audit di daerah Jempol mendapati hanya satu pengusaha yang memperolehi LPS bersekali dengan permit bahan batuan. Syarikat ini memohon LPS bagi mengeluarkan tanah liat untuk tujuan memproses batu bata. Pihak Berkuasa Negeri telah meluluskan LPS ini bagi tanah yang dipohon seluas 8.1 hektar (20 ekar) pada tahun 1997. Tanah kerajaan yang diluluskan LPS ini adalah bersebelahan dengan tanah milik yang telah didirikan kilang untuk memproses batu bata. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

- a) Syarikat tersebut telah mendapat kelulusan LPS bagi lot PT 3763 seluas 8.1 hektar di Mukim Jelai dengan kadar bayaran ditetapkan RM500 sehektar atau RM4,049 setahun. Kelulusan ini diberi untuk tempoh 5 tahun iaitu daripada tahun 1997 hingga 2001. Syarikat juga dikenakan bayaran deposit sejumlah RM50,000 bagi tujuan pemulihan kerosakan atas tanah berkenaan selepas tamat tempoh LPS. Walaupun kelulusan diberi untuk 5 tahun, mengikut syarat LPS, syarikat perlu memohon kelulusan pembaharuan LPS pada setiap tahun. Adalah didapati peraturan ini tidak dipatuhi dan tidak ada permohonan dibuat setiap tahun.

- b) LPS ini diluluskan untuk tempoh 5 tahun sahaja iaitu dari tahun 1997 hingga 2001 dan LPS untuk tahun 2002 pengusaha hendaklah memohon semula melalui Pentadbir Tanah Daerah dan seterusnya membuat permohonan baru kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan sama ada untuk melanjutkan lagi tempoh lesen ini atau sebaliknya. Syarikat sepatutnya membuat permohonan untuk melanjutkan tempoh LPS ini sebelum tempoh tamat. Adalah didapati permohonan hanya dikemukakan pada tahun 2004 dan belum lagi mendapat kelulusan, walaupun begitu aktiviti mengeluarkan bahan batuan berjalan seperti biasa.
- c) Syarikat hendaklah membaharui LPS pada setiap tahun serta menjelaskan bayaran sebelum aktiviti mengambil, mengalih atau mengeluarkan bahan batuan dijalankan. Kadar bayaran LPS adalah RM500 setahun bagi setiap hektar manakala pada tahun 2003, kadar ini telah dinaikkan menjadi RM1,500 sehektar. Adalah didapati bayaran LPS bagi tahun 2001 dan 2002 hanya dijelaskan pada bulan Jun 2003 bersama dengan bayaran bagi tahun 2003 yang berjumlah RM12,138 iaitu pada kadar lama. Syarikat sepatutnya menjelaskan bayaran bagi tahun 2003 dan 2004 pada kadar RM1,500 sehektar atau RM24,294. Oleh itu aktiviti mengeluarkan, mengambil dan mengalih bahan batuan yang dijalankan sepanjang tahun 2001 hingga bulan Jun 2003 adalah tanpa LPS yang sah. Juga adalah didapati syarikat telah terkurang membayar bayaran LPS bagi tahun 2003 berjumlah RM8,098 dan bayaran bagi tahun 2004 belum dijelaskan.
- d) Permit 4C KTN dikeluarkan bagi pemindahan bahan batuan dari satu lot ke lot yang lain. Dalam hal ini adalah didapati pemindahan bahan batuan (tanah liat) dari tanah kerajaan secara LPS ke lot di mana kilang memproses batu bata dijalankan dibuat tanpa doket. Selain itu, doket tidak dikeluarkan oleh Pejabat Tanah terhadap pemindahan tanah liat dari lot 3763 ke lot kilang memproses. Bayaran royalti dibuat dengan cara mengikut anggaran yang dicatat di atas permit. Oleh itu kuantiti sebenar pemindahan tanah tidak dapat ditentukan.

**Pada pandangan Audit, penyeliaan dan pemantauan perlu ditingkatkan bagi memastikan hasil kerajaan dikutip apabila cukup tempoh dan tunggakan perlu dijelaskan dengan segera.**

#### **22.2.12 Pengeluaran Pasir Di Tanah Kerajaan**

Mengikut Seksyen 65 Kanun Tanah Negara, semua aktiviti pemindahan, pengeluaran dan mengalih bahan batuan dari tanah kerajaan iaitu bekas lombong hendaklah mempunyai LPS. Pihak Pentadbir Tanah Daerah hendaklah memastikan permit 4C KTN yang dikeluarkan bagi aktiviti di atas tanah bekas lombong hendaklah mempunyai LPS. Semasa lawatan pihak Audit bersama dengan pegawai Pejabat Tanah ke lombong pasir di Sungai Lui Jempol mendapati aktiviti pengeluaran pasir lombong sedang dijalankan di atas tanah kerajaan iaitu bekas lombong. Adalah didapati tidak ada kelulusan LPS dipohon atau dikeluarkan kepada syarikat yang menjalankan aktiviti di atas tanah kerajaan ini yang seluas lebih kurang 88 hektar. Bagaimanapun,

mengikuti Pegawai Penempatan keluasan untuk pengambilan pasir lombong ini adalah lebih kurang 3 hektar sahaja. Pihak syarikat hanya memohon permit bagi melombong pasir dan permit 4C KTN telah diluluskan sejak tahun 1997. Semakan Audit bagi tempoh tahun 2002 hingga 2004 mendapati kuantiti pasir yang dikeluarkan mengikut permit adalah berjumlah 15,465 meter padu dengan bayaran royalti berjumlah RM34,023. Tindakan hendaklah diambil oleh Pejabat Tanah supaya pengusaha memohon LPS untuk mengeluarkan pasir di atas tanah kerajaan ini. Pengusaha juga sepatutnya dikenakan deposit bagi memulihkan kerosakan tanah akibat aktiviti ini. **Foto 1** adalah lombong mengeluarkan pasir beroperasi di atas tanah kerajaan.

**Foto 1**  
**Pengeluaran Pasir Di atas Tanah Kerajaan**  
**Bekas Lombong Di Sungai Lui**



*Sumber: Foto Jabatan Audit Negara*

*Tarikh : 16 Jun 2004*

*Lokasi: Lombong Pasir Sungai Lui*

**Pihak Audit berpendapat pengusaha perlu memohon LPS bagi tanah bekas lombong yang dikeluarkan pasir dan membayar deposit yang sepatutnya dikenakan**

#### **22.2.13 Jumlah Pengeluaran Permit**

Pihak Berkuasa Negeri meluluskan permit untuk tempoh satu tahun atau sehingga 31 Disember setiap tahun. Pengeluaran permit bergantung pada permintaan dan lokasi yang ditentukan oleh pengusaha. Walaupun kelulusan diberi untuk tempoh satu tahun, permit dikeluarkan oleh Pejabat setiap bulan atau 3 bulan sekali. Pada masa ini pihak pengusaha sendiri yang mengenal pasti kawasan yang akan dikeluarkan pasir atau bahan batuan. Pada tahun 2002, sebanyak 57 permit telah dikeluarkan berbanding tahun 2003 sejumlah 56 permit dan tahun 2004 pula berkurang menjadi 47 permit. Ini

adalah kesan daripada arahan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri pada tahun 2004 supaya Pentadbir Tanah Daerah mengambil tindakan seperti berikut:

- a) Menolak permohonan permit baru mengambil pasir sungai;
- b) Mengadakan pemantauan bersama dengan Jabatan Pengairan Dan Saliran supaya pengeluaran pasir tidak menjejaskan alam sekitar;
- c) Mengambil tindakan tegas terhadap pemegang permit yang melanggar syarat;
- d) Meningkatkan operasi penguatkuasaan untuk membanteras pengeluaran pasir secara tidak sah.
- e) Mengkaji permit pasir yang sedia ada dan hanya tempat yang bersesuaian dan disyorkan oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran sahaja diteruskan.

**Pada pendapat Audit, arahan ini telah mengurangkan aktiviti pengeluaran pasir secara tidak sah. Bagaimanapun, Kerajaan Negeri perlu mengenal pasti dan menentukan kawasan yang berpotensi untuk pengeluaran pasir bagi memudahkan pemantauan dan mencegah perbuatan mengambil pasir tanpa kebenaran.**

#### **22.2.14 Pengiraan Bayaran Royalti**

Adalah didapati dua syarikat di Daerah Jempol menghantar penyata bulanan mengenai jumlah sebenar pengeluaran bahan batuan bagi tujuan bayaran royalti. Pihak Pejabat Tanah tidak membuat semakan dengan dokumen lain seperti doket dan sebagainya untuk menentukan kebetulan jumlah ini. Pejabat hanya menerima sahaja kuantiti pengeluaran seperti yang dicatat di penyata berkenaan. Pungutan hasil royalti yang dikutip bagi tanah liat dan batu kapur adalah berdasarkan kepada meter padu sedangkan penyata keluaran bagi kedua syarikat ini adalah berdasarkan kepada tan metrik. Semakan Audit mendapati kadar bagi pertukaran daripada tan metrik kepada meter padu oleh dua syarikat ini adalah berbeza. Oleh itu Pejabat Tanah perlu menentukan satu kadar yang seragam bagi pertukaran dari tan metrik kepada meter padu.

**Pada pendapat Audit, pihak Pejabat perlu mengambil tindakan untuk menentukan kadar sebenar pertukaran daripada tan metrik kepada meter padu bagi membuat kiraan royalti yang tepat dan dapat mengelakkan kekurangan pungutan. Pihak Pejabat juga perlu mengkaji ukuran berat ini kerana ukuran tan metrik adalah digunakan lebih luas oleh pengusaha.**

#### **22.2.15 Aktiviti Pengeluaran Pasir Tanpa Permit**

Mengikut rekod aduan yang diterima, di Daerah Jempol ada 2 lokasi pengeluaran pasir sungai di atas tanah milik yang dilakukan tanpa permit. Antara lokasi yang diadukan oleh penduduk adalah di Kg Bukit Sempit Batu Kikir. Pihak Audit telah membuat lawatan bersama pihak penguat kuasa Pejabat Tanah Jempol di lokasi yang berkenaan. Antara sebab lokasi ini dipilih adalah kerana kedudukan yang berdekatan dengan jalan raya dan memudahkan pihak yang tidak bertanggungjawab menjalankan operasi mengeluarkan pasir sungai tanpa permit. Bagaimanapun, setakat ini tidak ada

tangkapan atau dakwaan dibuat terhadap pihak yang terlibat dengan pengeluaran pasir tanpa permit. **Foto 2** adalah lokasi pengeluaran pasir sungai berkenaan.

**Foto 2**  
**Lokasi Bagi Pengeluaran Pasir Sungai Tanpa Permit**  
**Di atas Tanah Milik Di Kg. Bukit Sempit Batu Kikir**



*Sumber: Foto Jabatan Audit Negara*  
*Tarikh : 16 Jun 2004*  
*Lokasi: Kg. Bukit Sempit Batu Kikir*

#### **22.2.16 Lawatan Ke Tapak Pengusaha**

Pegawai penguat kuasa atau pegawai penempatan hendaklah membuat lawatan yang kerap ke tapak pengusaha yang mempunyai permit 4C KTN. Lawatan tapak ada dibuat oleh Pegawai Penempatan sebelum pengusaha diluluskan permit 4C KTN bagi tujuan membuat laporan siasatan bagi menentukan lokasi pengeluaran bahan batuan. Selain daripada lawatan ini pihak Pentadbir Tanah juga sepatutnya membuat lawatan secara mengejut bagi menentukan semua pengeluaran bahan batuan telah dikeluarkan doket. Selain itu, lawatan ini juga bagi memeriksa sama ada laporan atau penyata pengeluaran yang dihantar ke Pejabat adalah tepat dan benar. Pihak Pentadbir Tanah perlu menyemak dokumen pengeluaran di pejabat pengusaha bagi menentukan pengeluaran yang dibuat adalah mengikut kuantiti seperti yang dicatatkan pada permit 4C KTN. Pihak Audit mendapati semasa lawatan bersama pihak Pejabat Tanah ke lokasi pengeluaran batu kapur, pihak Pejabat Tanah tidak pernah membuat lawatan ke syarikat ini dan hanya bergantung pada penyata pengeluaran yang dikeluarkan oleh syarikat pengusaha berkenaan.

**Pihak Audit berpendapat lawatan mengejut perlu dilakukan ke syarikat pengusaha dari semasa ke semasa untuk menyemak butiran pengeluaran bahan batuan dan menentukan royalti yang dibayar adalah tepat mengikut pengeluaran yang dibuat.**

### **22.2.17 Penyerahan Semula Docket Yang Telah Digunakan**

Mengikut syarat pengeluaran permit, docket akan dikeluarkan bersama dengan permit 4C KTN. Docket ini mengandungi maklumat nombor docket, muatan yang dibawa, nombor kenderaan, tarikh dan nombor permit. Docket ini adalah dokumen yang diguna semasa membuat pemindahan bahan batuan dan hendaklah dibawa oleh pemandu lori. Adalah menjadi kesalahan dan boleh dikenakan denda mengikut Seksyen 426 Kanun Tanah Negara sekiranya lori yang membawa bahan batuan tidak mempunyai docket. Mengikut peraturan, salinan pendua docket ini hendaklah dikembalikan ke Pejabat untuk semakan dan rujukan kuantiti bahan yang dipindahkan. Walaupun begitu penggunaan docket ini mempunyai kelemahan dan boleh disalahgunakan oleh pengusaha seperti berikut:

- a) Pihak Pejabat tidak memantau pengembalian docket ini. Docket yang dikembalikan diletakkan dalam kotak dan tidak ada semakan dibuat terhadapnya. Pejabat hanya bergantung pada laporan daripada pengusaha dan tidak menggunakan docket sebagai bahan semakan untuk memastikan kebetulan laporan pengusaha;
- b) Docket ini juga tidak mempunyai tarikh tamat/luput. Oleh itu pengusaha boleh mengambil kesempatan menggunakan docket yang belum habis walaupun telah tamat tempoh permit; dan
- c) Pengusaha tidak meletakkan tarikh semasa menggunakan docket atau menggunakan docket kosong supaya satu docket boleh digunakan beberapa kali.

Mengikut rekod Pejabat, sebanyak 387 buah buku docket yang mengandungi 19,350 helai docket telah dikeluarkan bagi tempoh tahun 2002 hingga bulan Jun 2004. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan jumlah yang dikembalikan kerana Pejabat tidak menyimpannya dengan teratur. Semakan Audit juga mendapati docket yang dikembalikan hanya oleh 3 syarikat yang mengeluarkan batu bata dan sebuah syarikat mengambil tanah liat. Manakala docket yang dikeluarkan kepada pengusaha pasir sungai, pasir lombong dan tanah merah tidak dikembalikan.

**Pada pendapat Audit, semua docket yang dikeluarkan hendaklah dicap tarikh luput sama seperti tarikh luput pada permit 4C KTN. Selain itu nombor permit juga perlu dicatat pada docket berkenaan untuk memudahkan pihak penguat kuasa menjalankan penguatkuasaan. Salinan nombor docket yang dikeluarkan juga perlu dikemukakan kepada Unit Penguatkuasaan untuk tindakan pemantauan selanjutnya.**

### **22.3 PEMANTAUAN**

Bagi memastikan pengurusan permit bahan batuan mencapai matlamatnya, pihak Pejabat Tanah Jempol hendaklah mengambil langkah bagi memantau pengurusannya. Bahagian Penguatkuasaan hendaklah meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang tanah seperti yang diperuntukkan oleh KTN. Ini adalah kerana pelanggaran

undang-undang yang tidak dikawal boleh mengakibatkan kehilangan hasil dan menjejaskan kredibiliti kerajaan dalam menguatkuasakan undang-undang. Oleh itu semua penguat kuasa hendaklah berperanan lebih proaktif dan bertanggungjawab untuk mengurang atau membendung pelanggaran undang-undang ini. Langkah pemantauan yang diambil oleh Bahagian Penguatkuasaan adalah seperti berikut:

### **22.3.1 Program Penguatkuasaan**

Penguatkuasaan bagi pelanggaran syarat permit dan juga lain-lain pelanggaran syarat tanah adalah di bawah bidang kuasa Bahagian Penguatkuasaan. Ada 2 peringkat penguatkuasaan bagi pelanggaran syarat ini iaitu di peringkat Pentadbir Tanah Jempol dan juga di Bahagian Penguatkuasaan di peringkat Pejabat Tanah Dan Galian. Bahagian Penguatkuasaan Pejabat Tanah Jempol hanya menjalankan operasi di peringkat Daerah Jempol sahaja manakala Bahagian Penguatkuasaan di Pejabat Tanah Dan Galian boleh menjalankan operasi di seluruh Negeri Sembilan.

Bahagian Penguatkuasaan adalah bertanggungjawab menyediakan program bagi menjalankan operasi untuk mengurang atau membendung pelanggaran syarat seperti mengadakan rondaan, sekatan jalan raya dan juga lawatan ke lokasi pengusaha. Walaupun begitu Bahagian Penguatkuasaan Pejabat Tanah Dan Galian mempunyai jadual kerja sepanjang tahun yang lebih teratur berbanding dengan Bahagian Penguatkuasaan di Pejabat Tanah Jempol. Semakan Audit mendapati Unit Penguatkuasaan di Pejabat Tanah Jempol tidak mempunyai jadual penguatkuasaannya. Oleh itu tidak dapat dipastikan kekerapan operasi penguatkuasaan dijalankan. Adalah disyorkan supaya jadual penguatkuasaan disediakan bagi merancang operasi yang akan dijalankan dengan teratur dan dengan kekerapan yang konsisten. Pentadbir Tanah Jempol perlu memastikan Bahagian ini mempunyai jadual kerja yang teratur.

### **22.3.2 Rondaan**

Selain daripada tugas penguatkuasaan, Pegawai Penguat Kuasa juga perlulah membuat rondaan secara berkala ke tempat yang ada kecenderungan tinggi berlakunya kes pelanggaran undang-undang seperti pengambilan dan pemindahan bahan batuan tanpa permit dan pencerobohan tanah kerajaan. Tugas ini perlu dijalankan dari semasa ke semasa dengan kekerapan yang konsisten. Kekerapan tugas penguatkuasaan hendaklah dijalankan berdasarkan kepada keperluan seperti sasaran kawasan pengeluaran dan sekatan jalan raya sepanjang laluan. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada rondaan ada dijalankan atau sebaliknya kerana tidak ada sebarang laporan disediakan oleh Bahagian Penguatkuasaan Pejabat Tanah Jempol.

### **22.3.3 Penyediaan Rekod Dan Laporan**

Setiap lawatan, rondaan atau penguatkuasaan yang dijalankan oleh Pegawai Penguat Kuasa hendaklah dilaporkan secara bertulis. Unit ini perlu menyediakan satu format laporan penguatkuasaan yang standard dan mudah bagi pegawai penguatkuasaan



membuat laporan selepas setiap kali tugas penguatkuasaan dijalankan. Laporan ini juga penting supaya tindakan susulan dapat diambil dari masa ke masa bagi kes yang belum selesai. Laporan penguatkuasaan hendaklah mempunyai maklumat mengenai bilangan kenderaan yang diperiksa, lokasi, bilangan kompaun dikeluarkan dan sebagainya. Pemeriksaan Audit mendapati tidak ada laporan disediakan selepas tugas penguatkuasaan dijalankan.

Bagi Bahagian Penguatkuasaan Pejabat Tanah Dan Galian mempunyai laporan yang lengkap setiap penguatkuasaan dijalankan. Adalah didapati pihak Pejabat Tanah dan Galian telah mengeluarkan arahan dan format laporan penguatkuasaan kepada semua Pejabat Tanah bagi tujuan memantau tugas ini di peringkat daerah. Namun begitu tiada maklum balas yang diterima daripada Pejabat Tanah Daerah hingga kini.

**Pada pendapat Audit, Bahagian Penguatkuasaan di Pejabat Tanah Jempol perlu diperkemaskan lagi dari segi tugas dan penyeliaan seperti penyediaan jadual, rekod dan laporan penguatkuasaan. Selain itu kekerapan penguatkuasaan perlu ditingkatkan lagi. Pihak pengurusan juga perlu menyediakan keperluan peralatan yang cukup dan lengkap bagi meningkatkan keberkesanan Bahagian ini.**

### **23. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pada keseluruhannya, pengurusan dan kawalan pengeluaran bahan batuan perlu dipertingkatkan dari segi penyeliaan dan penguatkuasaan. Bahagian Penguatkuasaan perlu menjalankan tugas dengan lebih cekap dan berkesan untuk memastikan tidak berlaku pelanggaran terhadap undang-undang dan peraturan yang ditetapkan dan sekiranya ada, tindakan sewajarnya perlulah diambil. Dengan wujudnya penyeliaan dan pemantauan yang baik, pungutan hasil daripada aktiviti pengeluaran bahan batuan dapat dipertingkatkan lagi.

## **JABATAN KERJA RAYA**

### **PROJEK MENGGANTI JAMBATAN DI JALAN NEGERI**

#### **24. LATAR BELAKANG**

Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan (Jabatan) adalah bertanggungjawab untuk memberi khidmat nasihat teknikal kepada Jabatan pelanggan. Sebagai sebuah Jabatan Teknikal yang mempunyai kepakaran dan kemahiran memberikan perkhidmatan kejuruteraan, ia bertanggungjawab untuk meningkatkan tahap mutu kerja kepada pengguna selaras dengan piawaian dan spesifikasi kejuruteraan bagi melaksanakan pelbagai projek pembangunan serta menyediakan kemudahan prasarana kepada rakyat. Projek Kerajaan seperti kemudahan awam yang merangkumi pembinaan dan penggantian jambatan, jalan raya dan pelbagai projek awam yang lain adalah penting kepada rakyat untuk menjana pembangunan ekonomi Negeri. Selaras dengan itu Kerajaan Negeri menerusi Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8) telah memperuntukkan sejumlah RM48.3 juta untuk mengganti 17 jambatan. Sehingga akhir tahun 2004 sejumlah RM11.8 juta telah dibelanjakan untuk mengganti 6 jambatan.

#### **25. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan projek penggantian jambatan telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi mencapai matlamatnya.

#### **26. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN**

Skop kajian ini meliputi tempoh pelaksanaan projek bagi tahun 2002 sehingga akhir tahun 2004. Semakan rekod berkaitan dengan perancangan projek, proses tender, pemilihan kontraktor, pelaksanaan dan pemantauan projek ini dilakukan di Bahagian Jalan, Pejabat Jabatan Kerja Raya dan juga Pejabat Jabatan Kerja Raya Daerah Seremban (JKR Daerah). Dalam menjalankan kajian ini, projek jambatan yang dipilih adalah jambatan di Jalan Batang Benar, Ladang Cairo (N36) dan jambatan di Sungai Ulu Beranang, Jalan Lenggeng Pakej 1 (N34). Jambatan yang dipilih terletak di Daerah Seremban. Pemilihan sampel projek adalah berdasarkan kepada kos pembinaan yang tinggi dan projek disiapkan bagi tempoh tahun 2002 hingga akhir tahun 2004. Lawatan tapak dan perbincangan dengan pegawai yang terlibat dengan pelaksanaan projek ini juga diadakan.

## **27. PENEMUAN AUDIT**

### **27.1 PERANCANGAN**

Perancangan yang baik merupakan aspek yang penting untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan oleh Jabatan. Berikut adalah perancangan yang telah dibuat oleh Jabatan bagi memastikan projek dapat dilaksanakan dengan cekap.

#### **27.1.1 Matlamat Kerajaan Negeri**

Kerajaan Negeri telah merancang beberapa projek mengganti jambatan sedia ada dengan hasrat untuk memperbaiki sistem rangkaian jalan penghubung. Sekiranya projek penggantian jambatan ini dapat dilaksanakan maka dijangka akan dapat meningkatkan tahap keselesaan kepada pengguna di samping memberi kemudahan pengangkutan hasil penduduk kampung seterusnya menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan sosial penduduk di persekitaran.

#### **27.1.2 Prosedur/Peraturan**

Sebelum sesuatu projek penggantian jambatan itu dilaksanakan, pihak Jabatan perlu menentukan keperluan teknikal iaitu berkaitan dengan reka bentuk kejuruteraan dan kerja lain serta peraturan berkaitan dengan pembinaan sesuatu jambatan. Jabatan perlu mematuhi peraturan berkaitan dengan reka bentuk jambatan berdasarkan kepada kehendak Jabatan teknikal lain seperti Jabatan Bekalan Air dan Jabatan Pengairan Dan Saliran serta piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan Kerja Raya.

#### **27.1.3 Penyelenggaraan Rekod**

Mengikut Manual Pemeriksaan Tahunan Jambatan (*Annual Bridge Inspection Manual*), pemeriksaan Inventori hendaklah dibuat oleh JKR Daerah selepas kerja pembinaan baik pulih naik taraf penggantian jambatan selesai dibuat. Daftar Inventori Jambatan perlu diisi dengan lengkap mengikut format yang ditetapkan, dikembalikan bersama gambar jambatan serta lukisan teknikal dan dikemukakan kepada Jabatan.

#### **27.1.4 Keperluan Kewangan**

Anggaran kos untuk sesuatu projek mengganti jambatan di jalan Negeri yang dirancang setiap tahun disediakan oleh pihak Bahagian Jalan, JKR Negeri Sembilan dan dimajukan kepada Pejabat Kewangan Negeri untuk mendapat kelulusan dan peruntukan. Untuk melaksanakan projek penggantian jambatan ini, pihak Jabatan telah memohon peruntukan berjumlah RM48.3 juta untuk mengganti 17 jambatan semasa tempoh RMK8. Bagaimanapun, terpulung kepada pihak Jabatan sendiri untuk menentukan keutamaan jambatan yang hendak diganti. Anggaran kos untuk sesuatu projek adalah bergantung kepada saiz iaitu dengan mengambil kira panjang dan lebar jambatan, kerja menanam cerucuk, kerja sivil dan kerja perlindungan cerun untuk sesuatu jambatan. Selain daripada itu termasuk juga perancangan keutuhan dan keselamatan jambatan untuk jangka masa panjang. Anggaran kos untuk projek

penggantian jambatan di Jalan Batang Benar, Ladang Cairo (N36) dan jambatan di Sungai Ulu Beranang, Jalan Lenggeng Pakej 1 (N34) yang disediakan oleh Jabatan adalah berjumlah RM4.5 juta.

### 27.1.5 Sasaran Dirancang

Berdasarkan kepada rekod Jabatan, ada sebanyak 114 jambatan di bawah penyeliaan dan tanggungjawabnya. Bagi tempoh RMK8, Jabatan telah merancang untuk membina sebanyak 17 jambatan bagi menggantikan jambatan lama di seluruh jalan negeri. Bagaimanapun, sebelum sesuatu jambatan yang mengalami kerosakan itu diganti, Jabatan akan menjalankan pemeriksaan bagi menentukan tahap kerosakan sebenar jambatan berkenaan. Berdasarkan kepada Manual Pemeriksaan Tahunan Jambatan yang dikeluarkan oleh Unit Jambatan, Cawangan Jalan Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Kuala Lumpur, setiap jambatan hendaklah direkodkan dalam satu sistem inventori yang dipanggil Sistem JKR-BMS. Kad inventori ini perlu disediakan bagi setiap jambatan. Antara maklumat yang perlu direkodkan ialah ukuran dimensi jambatan, lakaran keratan, gambar jambatan, tahun dibina, kos pembinaan, jenis jambatan dan jenis penyenggaraan yang telah dilakukan. Berdasarkan kepada maklumat ini dapatlah pihak JKR Negeri membuat perancangan dan seterusnya mengesyorkan kepada Kerajaan Negeri untuk mengganti atau membina jambatan baru. Jumlah keseluruhan jambatan dan jambatan yang hendak diganti bagi tempoh RMK8 adalah seperti di **Jadual 25**.

**Jadual 25**  
**Jumlah Jambatan Dan Jambatan Yang**  
**Perlu Diganti Bagi Tempoh RMK8**

Bil	JKR Daerah	Jumlah Jambatan	Jambatan Yang Perlu Diganti
1.	Daerah Seremban	20	2
2.	Daerah Kuala Pilah	30	8
3.	Daerah Port Dickson	8	tiada
4.	Daerah Tampin	6	tiada
5.	Daerah Jelebu	15	3
6.	Daerah Jempol	9	3
7.	Daerah Rembau	26	1
	<b>Jumlah</b>	<b>114</b>	<b>17</b>

*Sumber: Rekod JKR Negeri*

Berdasarkan kepada maklumat yang ditunjukkan pada jadual di atas, hanya 17 daripada 114 jambatan atau 14.9% sahaja yang dirancang untuk diganti bagi tempoh RMK8.

#### **27.1.6 Kriteria Penggantian Jambatan**

Program penggantian jambatan dirancang kerana berlakunya kerosakan pada struktur jambatan asal yang dibina daripada berbagai jenis seperti *pipe culvert*, *box culvert* dan *cantilever*. Berdasarkan pekeliing yang dikeluarkan oleh Unit Jambatan, Cawangan Jalan JKR Ibu Pejabat, sebelum Jabatan merancang untuk mengganti jambatan, satu pemeriksaan yang teliti perlu dijalankan untuk menentukan tahap keselamatan jambatan berkenaan. Pemeriksaan ini perlu dilakukan untuk menentukan tahap kekuatan struktur jambatan sebagaimana ditetapkan dalam Manual Pemeriksaan Tahunan Jambatan. Satu laporan lengkap akan disediakan oleh pasukan yang membuat pemeriksaan itu dan dikemukakan kepada Pengarah JKR Negeri untuk pertimbangan. Kriteria pemilihan dan penentuan bagi menggantikan jambatan yang ditetapkan oleh Jabatan adalah mengikut keutamaan dan keadaan sedia ada jambatan tersebut seperti berikut:

- a) Kerja pelebaran jambatan yang perlu dibuat bagi jambatan yang terlalu sempit dan kecil serta tidak sesuai dengan aliran trafik semasa;
- b) Struktur asal jambatan telah rosak dan membahayakan pengguna;
- c) Penukaran penggunaan jambatan besi pada jambatan lama bagi memastikan struktur jambatan yang lebih baik, kukuh dan selamat; dan
- d) Jambatan yang mengalami kerosakan struktur yang teruk atau jambatan runtuh akibat bencana alam seperti dilanda banjir.

#### **27.1.7 Spesifikasi Pembinaan Jambatan**


Satu kaedah atau tatacara pelaksanaan yang kemas dan teratur perlu diwujudkan untuk melaksanakan sesuatu program secara terancang misalnya, garis panduan yang mesti dipatuhi oleh Jabatan. Untuk tujuan ini, Jabatan akan mematuhi standard spesifikasi pembinaan jambatan yang ditentukan mengikut arahan serta Arahan Teknik dan Piawai Cawangan Jalan, JKR Kuala Lumpur. Jabatan juga akan mendapatkan pandangan daripada Jabatan teknik lain seperti Jabatan Pengairan Dan Saliran dan Jabatan Bekalan Air. Selain daripada itu, spesifikasi pembinaan jambatan ini juga dibuat mengikut kesesuaian sesuatu tapak projek yang dibincangkan semasa mesyuarat penilaian reka bentuk.

#### **27.1.8 Keperluan Guna Tenaga**

Berdasarkan carta organisasi, program penggantian jambatan menjadi tanggungjawab Unit Pembangunan Tepi Jalan Dan Selenggaraan Jalan Negeri yang diketuai oleh Penolong Pengarah Jalan Gred J41, dibantu oleh 2 Pembantu Teknik (satu jawatan Pembantu Teknik Gred J29 tidak diisi), seramai 4 Juruteknik Gred J17 dan dua jawatan

pemandu. Struktur organisasi Unit Pembangunan Tepi Jalan Dan Selenggaraan Jalan Negeri ditunjukkan dalam **Carta 1**.

**Carta 1**  
**Carta Organisasi Unit Pembangunan Tepi Jalan**  
**Dan Selenggaraan Jalan Negeri**



Sumber: Bahagian Jalan JKR, NS

Unit ini bertanggungjawab untuk memantau aktiviti pelaksanaan Pembangunan Tepi Jalan Dan Selenggaraan Jalan Negeri, termasuk dalam aktiviti ini ialah penggantian jambatan yang diserahkan kepada JKR Daerah untuk dilaksanakan.

#### 27.1.9 Kaedah Pelaksanaan

Jabatan tidak mempunyai kakitangan yang mencukupi untuk melaksanakan sendiri semua projek yang telah dirancang. Oleh itu semua kerja yang berkaitan telah diserahkan kepada juru perunding dan pihak kontraktor untuk melaksanakannya.

##### a) Pelantikan Juru Perunding

Jabatan selaku agensi pelaksana adalah bertanggungjawab untuk mengurus dan mengawal selia semua projek pembinaan jambatan di jalan negeri di seluruh Negeri Sembilan. Sebagai Jabatan Teknikal ia bertanggungjawab bagi urusan tender, pemilihan kontraktor dan penyeliaan projek. Untuk melaksanakan projek penggantian jambatan dengan lebih teratur, pihak Jabatan akan melantik juru perunding untuk membantu kerja ujian tanah, penyediaan reka bentuk kejuruteraan jambatan dan lukisan perincian. Pejabat Jurutera Daerah bertanggungjawab untuk menyelia kerja pembinaan yang dilaksanakan oleh kontraktor dan kerja penyelarasan dijalankan oleh Ibu Pejabat JKR Negeri Sembilan. Manakala untuk

kerja pembinaan pula, pihak Jabatan menawarkan kerja ini melalui panggilan tender terbuka.

#### **b) Pemilihan Kontraktor**

Untuk melaksanakan projek penggantian jambatan, pihak Jabatan akan melantik kontraktor secara panggilan tender terbuka atau tender terhad. Jawatankuasa yang bertanggungjawab bagi pemilihan kontraktor ialah Jawatankuasa Perakuan Tender Jabatan yang dianggotai oleh Pengarah JKR Negeri, Ketua Penolong Pengarah (Kontrak dan Ukur Bahan) dan Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Jalan). Penilaian tender yang akan dibuat oleh Jawatankuasa ini adalah mengikut garis panduan yang telah ditetapkan. Jawatankuasa akan menilai tender yang diterima dan membuat syor kepada Lembaga Perolehan Negeri yang terdiri daripada Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Kewangan Negeri dan Pengarah Jabatan Pengairan Dan Saliran. Penender yang dipilih akan diberitahu dengan pengeluaran surat tawaran dan kontrak akan ditandatangani antara pihak Kerajaan dengan kontraktor.

#### **27.1.10 Pemantauan Projek**

Semua projek yang akan dilaksanakan memerlukan pengawasan atau pemantauan yang sewajarnya agar projek yang hendak dilaksanakan itu mematuhi kehendak yang telah ditetapkan oleh Jabatan dan dipersetujui dalam kontrak. Oleh itu pengawasan yang rapi adalah penting bagi memastikan projek dilaksanakan dengan cekap serta mematuhi spesifikasi kerja yang ditetapkan. Bagi tujuan ini, Pengarah Kerja Raya Negeri Sembilan sebagai Pegawai Penguasa Projek akan melantik wakilnya sebagai Pegawai Penguasa.

**Pada pendapat Audit, pihak Jabatan tidak dapat menyediakan satu perancangan program yang menyeluruh dan komprehensif kerana data dan maklumat lengkap mengenai jambatan yang kemas kini tidak disimpan. Sepatutnya Jabatan mempunyai Inventori Jambatan yang lengkap dan kemas kini. Tumpuan harus diberi kepada keadaan jambatan dan keperluan untuk menentukan tahap keupayaan dan keselamatan pengguna jambatan berkenaan.**

### **27.2 PELAKSANAAN**

Keupayaan Jabatan untuk melaksanakan semua projek yang dirancang adalah bergantung kepada bajet tahunan yang diterima dan keupayaan Jabatan untuk menguruskannya. Bagi tujuan ini setiap tahun Jabatan akan menyediakan bajet dan mengemukakan kepada Kerajaan.

#### **27.2.1 Peruntukan Kewangan**

Peruntukan kewangan bagi projek penggantian jambatan yang disediakan oleh Jabatan adalah berdasarkan kepada bajet tahunan. Bagi tempoh RMK8, Kerajaan telah

meluluskan bajet berjumlah RM48.3 juta untuk mengganti 17 jambatan di seluruh jalan Negeri. Berdasarkan kepada peruntukan yang diluluskan, sehingga akhir tahun 2004 sebanyak 6 projek mengganti jambatan telah disiapkan dengan kos berjumlah RM11.8 juta. Antara projek yang telah disiapkan adalah projek penggantian jambatan di Jalan Batang Benar, Ladang Cairo (N36) dan projek penggantian jambatan di Sungai Ulu Beranang, Jalan Lenggeng (Pakej 1). Kos bagi pelaksanaan kedua projek ini berjumlah RM4.5 juta. Kos pembinaan jambatan di Jalan Batang Benar, Ladang Cairo bernilai RM2.6 juta dan tempoh siap projek adalah selama 52 minggu. Manakala kos pembinaan jambatan di Sungai Ulu Beranang, Jalan Lenggeng Pakej 1 (N34) bernilai RM1.9 juta dan tempoh siap projek selama 42 minggu. Jumlah kos pembinaan kedua jambatan adalah seperti di **Jadual 26**.

**Jadual 26**  
**Kos Pembinaan Jambatan Ladang Cairo**  
**Dan Jambatan Sungai Ulu Beranang**

Bil	Nama Projek	Harga Tender (RM)	Kos Sebenar (RM)	Catatan
1	Jambatan di Sungai Ulu Beranang, Jalan Lenggeng Pakej 1 (N34)	1,468,697	1,942,656	Projek siap
2	Jambatan jalan Batang Benar - Ladang Cairo	3,016,028	2,598,850	Projek siap
<b>Jumlah</b>		<b>4,484,725</b>	<b>4,541,506</b>	

Sumber: Rekod JKR

**Pada pendapat Audit, peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri adalah mencukupi untuk melaksanakan semua projek penggantian jambatan.**

#### **27.2.2 Lokasi Projek**

Kebiasaannya apabila sesuatu projek hendak dilaksanakan, pihak Jabatan akan berdepan dengan masalah pemilihan tapak atau lokasi projek. Ada kalanya proses pengambilan semula tanah terpaksa dilakukan. Untuk melaksanakan projek penggantian jambatan di Jalan Batang Benar, Ladang Cairo dan jambatan Sungai Ulu Beranang, Jalan Lenggeng pihak Jabatan tidak mengalami masalah berkaitan dengan tapak projek kerana tapak projek yang dilaksanakan ini merupakan tapak jambatan asal.

**Pada pendapat Audit, lokasi yang dipilih adalah sesuai dan menjimatkan kos.**



### **27.2.3 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan**

Berdasarkan kepada perjawatan yang diwujudkan, adalah didapati Unit Pembangunan Tepi Jalan Dan Selenggaraan Jalan Negeri hanya diluluskan 9 perjawatan tetapi hanya 8 jawatan sahaja yang diisi. Unit ini adalah bertanggungjawab memantau aktiviti pelaksanaan pembangunan tepi jalan dan selenggaraan jalan Negeri termasuk juga melaksanakan projek penggantian jambatan. Unit ini adalah kakitangan yang terlibat secara langsung bagi memantau pelaksanaan projek. Mereka yang terlibat dengan projek penggantian jambatan ini telah mengikuti program latihan dan seminar yang dianjurkan oleh pihak Jabatan Kerja Raya dan juga oleh Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM). Namun begitu kursus dan seminar yang diikuti itu tidak menjurus sepenuhnya kepada kaedah pelaksanaan pembinaan jambatan tetapi ia merangkumi kerja kejuruteraan awam.

**Pada pendapat Audit, kakitangan yang terlibat dengan projek penggantian jambatan ini telah dapat melaksanakan tugas mereka dengan memuaskan.**

### **27.2.4 Pelantikan Juru Perunding**

#### **a) Juru Perunding Kejuruteraan**

Untuk melaksanakan projek penggantian jambatan dengan lebih teratur, Jabatan telah melantik juru perunding kejuruteraan untuk menjalankan kerja awal. Pelantikan juru perunding ini adalah untuk tujuan penyediaan reka bentuk jambatan, reka bentuk jajaran dan lukisan perincian jambatan. Pelantikan ini telah dibuat melalui panggilan sebut harga dan dipersetujui oleh Pegawai Kewangan Negeri. Jawatankuasa Perakuan Tender Jabatan telah memilih satu syarikat swasta sebagai juru perunding kejuruteraan untuk projek penggantian jambatan di Jalan Batang Benar, Ladang Cairo manakala satu syarikat swasta yang lain telah dilantik untuk kerja penyediaan reka bentuk kejuruteraan bagi jambatan Sg. Ulu Beranang, Jalan Lenggeng. Semua program kerja ini telah dipersetujui dan diluluskan oleh Pegawai Penguasa Projek.

#### **b) Juru Perunding Kerja Ujian Tanah**

Jabatan telah meminta juru perunding untuk menyediakan program bagi kerja berkaitan dengan ujian tanah untuk menentukan kesesuaian dan keadaan tapak. Bagaimanapun kerja penyiasatan tanah seperti penyediaan kerja awalan, *mobilization, boring dan testing* diserahkan kepada juru perunding lain yang dilantik melalui panggilan sebut harga.

**Pada pendapat Audit, juru perunding telah dilantik dengan teratur.**

### **27.2.5 Pelantikan Kontraktor**

Kerja penggantian jambatan ditawarkan melalui proses tender. Semua tender yang diterima telah dinilai oleh Jawatankuasa Perakuan Tender Jabatan yang dianggotai oleh Pengarah JKR Negeri, Ketua Penolong Pengarah (Kontrak dan Ukur Bahan) dan Ketua

Penolong Pengarah (Bahagian Jalan). Penilaian tender yang dibuat oleh Jawatankuasa ini adalah mengikut garis panduan yang telah ditetapkan. Jawatankuasa telah menilai tender yang diterima dan memberi syor kepada Lembaga Perolehan Negeri yang terdiri daripada Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Kewangan Negeri dan Pengarah Jabatan Pengairan Dan Saliran.

- a)** Tawaran tender bagi projek penggantian jambatan di Jalan Batang Benar, Ladang Cairo dibuat secara panggilan tender terbuka. Tawaran diiklankan pada awal bulan Januari 2001 dan ditutup pada awal bulan Februari 2001. Berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh Jabatan, kontraktor yang dipelawa adalah di kalangan kontraktor Bumiputra yang berdaftar kelas 'C' atau 'BX' serta mestilah berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB). Semakan Audit terhadap fail projek mendapati sebanyak 30 penender telah mengemukakan tawaran mereka. Lembaga Perolehan Negeri yang bermesyuarat pada bulan April 2001 telah memperakukan dan menerima tawaran yang berjumlah RM3.0 juta dan tempoh siap projek adalah selama 52 minggu kepada satu syarikat swasta. Walaupun tawaran yang dikemukakan oleh syarikat ini merupakan yang kelima terendah berbanding dengan anggaran Jabatan tetapi ia telah dapat memenuhi semua syarat lain yang telah ditetapkan oleh Jabatan.
- b)** Projek penggantian jambatan di Sungai Ulu Beranang, Jalan Lenggeng (Pakej 1) diiklankan pada bulan Julai 2002 dan ditutup pada awal bulan Ogos 2002. Kontraktor yang dipelawa adalah di kalangan kontraktor Bumiputra yang berdaftar kelas 'C' serta mestilah berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB). Panggilan tender dibuat secara tender terhad kerana keadaan jambatan sedia ada mengalami kerosakan struktur yang kritikal dan memerlukan tindakan yang segera untuk diganti. Kelulusan untuk membuat panggilan tender terhad telah diberi oleh Pegawai Kewangan Negeri. Sebanyak 12 penender telah mengemukakan tawaran mereka. Jawatankuasa Perakuan Tender Jabatan yang bermesyuarat pada awal bulan September 2002 telah memperakukan tawaran satu syarikat swasta dengan harga tawaran berjumlah RM1.36 juta dan tempoh siap projek selama 32 minggu dan perakuan dikemukakan kepada Lembaga Perolehan Negeri. Tawaran yang diperakui ini merupakan tawaran yang keempat terendah tetapi ia telah memenuhi semua syarat lain yang ditetapkan oleh Jabatan. Bagaimanapun, Lembaga Perolehan Negeri yang bermesyuarat pada tahun 2002 tidak memperakukan tawaran berkenaan sebaliknya telah menawarkan projek ini kepada satu syarikat swasta yang lain yang berdaftar kelas 'BX' dengan harga tawaran RM1.47 juta dan tempoh siap projek selama 42 minggu. Lembaga Perolehan Negeri tidak memberi sebarang ulasan tentang penolakan tawaran syarikat yang diperakukan oleh Jawatankuasa Perakuan Tender Jabatan.

**Pihak Audit berpendapat proses perolehan tender adalah teratur. Bagaimanapun penolakan oleh Lembaga Perolehan Negeri terhadap perakuan oleh Jawatankuasa Perakuan Tender Jabatan perlu disertakan dengan ulasan.**

#### **27.2.6 Syarat Kontrak**

Harga kontrak bagi kedua projek ini adalah berjumlah RM4.7 juta. Antara syarat perjanjian adalah kontraktor dikehendaki mengembalikan Surat Setuju Terima Tender dalam tempoh 14 hari dari tarikh tawaran oleh Kerajaan. Syarat ini telah dipatuhi. Selain itu kontraktor juga telah mengemukakan Bon Pelaksanaan, Polisi Insurans Liabiliti Awam dan Polisi Insurans Kerja. Bon Pelaksanaan yang dikemukakan adalah 5% daripada harga kontrak manakala insurans kerja yang diluluskan adalah atas nama kerajaan dan kontraktor juga telah melindungi Jabatan daripada kerugian akibat kerosakan dan sebagainya. Insurans Liabiliti Awam yang diambil adalah mengikut jumlah harga kontrak dan meliputi tempoh tanggungan kecacatan.

**Pihak Audit berpendapat kandungan syarat kontrak adalah menjamin kepentingan Kerajaan.**

#### **27.2.7 Kajian Tanah**

Sebelum sesuatu projek pembinaan itu dijalankan, pihak Jabatan akan menjalankan kajian tanah untuk menentukan kesesuaian tapak. Untuk tujuan ini pihak Jabatan telah melantik juru perunding bagi menjalankan kerja berkenaan. Berdasarkan kepada kajian tanah ini, pihak juru perunding kejuruteraan akan menyediakan reka bentuk jambatan yang diperlukan berdasarkan kepada kehendak Jabatan. Kajian tanah dibuat bertujuan untuk membantu juru perunding membuat justifikasi dan kesesuaian reka bentuk jambatan.

##### **a) Jambatan Di Jalan Batang Benar, Ladang Cairo**

Semasa menyediakan lukisan kejuruteraan dan reka bentuk jambatan, pihak juru perunding sepatutnya mendapat maklumat yang lengkap berkaitan dengan tapak projek. Maklumat ini diperolehi daripada kerja penyiasatan tanah di tapak projek. Akibat daripada ketidaktelitian pihak juru perunding semasa menjalankan penyiasatan tanah bagi projek penggantian jambatan tersebut menyebabkan berlaku perubahan kerja terutama berkaitan dengan pembinaan cerucuk, longkang dan *beam* jambatan. Perubahan ini menyumbang kepada kelewatan siap projek walaupun mendapat kelulusan daripada Pegawai Penguasa.

##### **b) Jambatan Sungai Ulu Beranang, Jalan Lenggeng**

Pihak Jabatan telah dimaklumkan semasa mesyuarat *design review* bersama juru perunding kejuruteraan yang dilantik tentang perlunya aras ketinggian jambatan dinaikkan tiga meter agar dapat menampung aliran sungai semasa banjir. Perkara ini telah dibangkitkan oleh juru perunding bersesuaian dengan kehendak pihak Jabatan Pengairan Dan Saliran tetapi Jabatan tidak mengambil perhatian tentang

perkara ini. Namun begitu, semasa projek ini dilaksanakan, Jabatan telah menyedari perlunya aras jambatan dinaikkan. Justeru, Jabatan telah bersetuju untuk mengubah aras ketinggian jambatan (*soffit level*) iaitu 58.8 meter menjadi 59.8 meter (aras jambatan dinaikkan 1 meter). Pertambahan ketinggian aras jambatan dan perubahan kerja ini melibatkan kerja tanah. Selain daripada itu, ada perubahan kerja yang melibatkan penukaran penahan tebing sungai daripada *amorflex* kepada *amorloc* dan kerja pengalihan paip JBA. Ini menyebabkan harga kontrak meningkat sejumlah RM409,924 iaitu daripada RM1.47 juta menjadi RM1.94 juta melibatkan tiga Arahan Perubahan Kerja. Penambahan harga ini menjadikan harga projek lebih tinggi iaitu sejumlah RM307,941 berbanding dengan harga tawaran yang tertinggi yang dikemukakan iaitu berjumlah RM1.63 juta semasa penilaian tender dibuat.

#### **27.2.8 Tempoh Siap Kerja**

Tempoh siap kerja biasanya merujuk kepada keupayaan dan kesanggupan yang diberi oleh pihak kontraktor untuk melaksanakan projek. Perkara ini dinyatakan dalam perjanjian seperti yang dipersetujui. Mengikut perjanjian yang ditandatangani bagi pembinaan 2 jambatan baru, tempoh siap projek adalah 42 dan 52 minggu. Pemeriksaan Audit mendapati projek penggantian jambatan di Sungai Ulu Beranang, Jalan Lenggeng Pakej 1 (N34) telah disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan oleh kontrak iaitu 42 minggu. Sijil Perakuan Siap Kerja telah dikeluarkan oleh Jabatan pada tahun 2003. Manakala projek penggantian jambatan di Jalan Batang Benar, Ladang Cairo (N36) yang sepatutnya siap dalam tempoh 52 minggu telah diberi tempoh lanjutan masa selama 60 hari. Pihak Jabatan telah mengeluarkan Sijil Perakuan Siap Kerja pada pertengahan bulan Ogos 2002.

**Pihak Audit berpendapat tempoh penyiapan projek adalah munasabah.**

#### **27.2.9 Tempoh Tanggungan Kecacatan**

Mengikut surat tawaran dan kontrak yang ditandatangani, tempoh tanggungan kecacatan oleh kontraktor terhadap kerja yang dilaksanakan adalah selama 12 bulan dari tarikh Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Semasa tempoh tanggungan kecacatan ini sebarang kecacatan atau kerosakan akibat daripada kualiti kerja yang tidak sempurna akan ditanggung oleh pihak kontraktor. Tempoh tanggungan kecacatan bagi projek penggantian jambatan di Jalan Batang Benar, Ladang Cairo bermula pada awal bulan Julai 2002 dan berakhir pada awal bulan Julai 2003. Pemeriksaan fizikal yang dilakukan oleh Pegawai Penguasa Projek pada akhir bulan Julai 2002 mendapati berlaku beberapa kecacatan pada projek berkenaan yang mesti diperbaiki dengan segera oleh pihak kontraktor. Antara kecacatan yang berlaku adalah seperti pemasangan *railing bridge*, *pavement*, *extention joint sealant*, *road shoulder*, *turfing* dan longkang. Pada awal bulan Julai 2003 iaitu 4 hari selepas tamatnya tempoh tanggungan kecacatan sekali lagi lawatan telah dilakukan oleh wakil Pegawai Penguasa Projek ke lokasi yang sama dan mendapati masih ada beberapa kecacatan yang perlu diperbaiki.

Oleh kerana pemeriksaan yang dilakukan telah melewati tempoh tanggungan kecacatan maka Jabatan tidak dapat mengambil tindakan sewajarnya terhadap kontraktor berkenaan. Semasa lawatan Audit adalah diperhatikan kecacatan yang dinyatakan sangat ketara pada pengadang di kanan dan kiri jambatan berkenaan seperti di **Foto 3 dan 4**.

**Foto 3**  
**Rentasan Keretakan Di Jambatan Jalan**  
**Batang Benar, Ladang Cairo, Nilai**



*Sumber: Foto Jabatan Audit Negara*  
*Tarikh: 29 September 2004*

**Foto 4**  
**Jambatan Jalan Batang Benar,**  
**Ladang Cairo, Nilai**



**Pada pendapat Audit, pemeriksaan yang dibuat terhadap kualiti kerja yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor sebelum Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan adalah wajar. Bagaimanapun hasil semakan Audit mendapati keretakan kekal masih berlaku pada jambatan berkenaan Jalan Batang Benar, Ladang Cairo walaupun selepas dibaiki oleh pihak Kontraktor. Tindakan pembaikan perlu dibuat oleh Kontraktor dengan segera bagi membaiki kecacatan tersebut.**

#### **27.2.10 Arahan Perubahan Kerja Dan Perakuan Pelarasan Harga Kontrak**

Semasa melaksanakan projek ini, pihak Jabatan tidak dapat mengelak daripada membuat beberapa perubahan kerja yang menyebabkan berlakunya perubahan kepada harga kontrak. Beberapa Arahan Perubahan Kerja dan Pelarasan Harga Kontrak yang dikeluarkan oleh Pegawai Penguasa Projek semasa projek dilaksanakan adalah untuk membuat pelarasan tertentu kepada projek berkenaan. Ada kalanya perkara ini berlaku di luar jangkaan Jabatan sendiri tetapi ada juga disebabkan oleh ketidaktelitian semasa menjalankan kajian tanah atau semasa proses menyediakan lukisan kejuruteraan projek. Pembinaan jambatan di Jalan Batang Benar, Ladang Cairo dan jambatan di Sungai Ulu Beranang, Lenggeng beberapa Arahan Perubahan Kerja dan Perakuan

Pelarasan Harga Kontrak telah dikeluarkan. Harga projek penggantian jambatan di Jalan Batang Benar, Ladang Cairo telah dikurangkan sejumlah RM417,178 menjadikan kos sebenar pembinaan jambatan berjumlah RM2.59 juta akan tetapi beberapa kecacatan yang berlaku tidak diperbaiki. Manakala harga pembinaan jambatan di Sungai Ulu Beranang, Lenggeng adalah berjumlah RM1.47 juta. Bagaimanapun berdasarkan satu Arahan Perubahan Kerja dan tiga Perakuan Pelarasan Harga Kontrak yang dikeluarkan oleh Jabatan telah menyebabkan perubahan harga projek. Pelarasan ini adalah disebabkan perubahan kerja yang melibatkan perubahan penggunaan bahan pembinaan penahan tebing, aras jambatan yang dinaikkan dan pengalihan paip Jabatan Bekalan Air. Dengan perubahan kerja ini kos pembinaan jambatan bertambah sejumlah RM410,409 menjadikan kos sebenar pembinaan jambatan berjumlah RM1.94 juta.

**Pada pendapat Audit, perubahan kerja dan harga telah dibuat dengan sewajarnya.**

#### **27.2.11 Kaedah Pembinaan**

Jabatan Kerja Raya (JKR) adalah Jabatan teknikal yang pada lazimnya mempunyai keupayaan atau kemampuan untuk menyediakan reka bentuk kejuruteraan bagi projek pembinaan atau pembangunan yang hendak dilaksanakan oleh Kerajaan. Namun begitu oleh kerana kekurangan kakitangan dan sebagainya, pihak Jabatan menyerahkan kepada juru perunding untuk menyediakan semua kerja lukisan reka bentuk kejuruteraan bagi projek ini. Semakan Audit mendapati:

- a) Jabatan tidak merujuk kepada Unit Jambatan, Cawangan Jalan JKR Ibu Pejabat Kuala Lumpur untuk mendapatkan kelulusan reka bentuk atau nasihat berkaitan dengan reka bentuk jambatan yang akan dibina kerana unit ini ditubuhkan antara lain adalah untuk memberi khidmat nasihat berkaitan dengan pembinaan jambatan kepada JKR Negeri. Pihak Jabatan sangat bergantung kepada juru perunding swasta sebagai penasihat teknikal bagi pelaksanaan projek ini walaupun JKR Ibu Pejabat mempunyai kepakaran sendiri.
- b) Pelantikan juru perunding bagi melaksanakan projek ini tidak dirujuk kepada Unit Jambatan, Cawangan Jalan JKR Ibu Pejabat Kuala Lumpur untuk mendapatkan pandangan kedua tentang kesesuaian reka bentuk dan nasihat teknikal.
- c) Perincian reka bentuk dan lukisan kejuruteraan jambatan disediakan oleh juru perunding setelah laporan kajian tanah disediakan. Pihak juru perunding kejuruteraan tidak menyediakan beberapa contoh lukisan reka bentuk jambatan yang hendak dibina sebagai pilihan. Bagi projek penggantian jambatan di Jalan Batang Benar, Ladang Cairo apabila berlaku perubahan kerja terutamanya berkaitan dengan perubahan penggunaan cerucuk, pembinaan longkang dan *beam* jambatan ia menyumbang kepada kelewatan siap projek walaupun kos projek dapat dikurangkan.

- d) Pembinaan jambatan di Sungai Ulu Beranang, Jalan Lenggeng Pakej I Jabatan telah menetapkan pembinaan jambatan yang boleh memuatkan 4 lorong sedangkan jajaran jalan untuk projek menaik taraf jalan belum disediakan. Jabatan juga telah meminda aras jambatan daripada 58.8 meter menjadi 59.8 meter, menukar penahan tebing sungai daripada *amorflex* kepada *amorloc* dan kerja pengalihan paip JBA. Pertambahan ketinggian aras jambatan dan perubahan kerja yang lain melibatkan kerja tanah dan akhirnya menambah kos projek.

**Pada pendapat Audit, kaedah pembinaan yang bergantung sepenuhnya kepada juru perunding perlu dikaji semula.**

#### **27.2.12 Bayaran Kemajuan Projek**

Setiap projek yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor akan dibayar secara berperingkat mengikut kemajuan kerja yang telah dilaksanakan. Jurutera Daerah yang telah dilantik sebagai Pegawai Penguasa Projek diberi tanggungjawab untuk mengesahkan setiap tuntutan bayaran kemajuan yang diterima daripada kontraktor. Mengikut rekod kewangan yang diselenggarakan pihak kontraktor yang melaksanakan projek pembinaan jambatan di Sungai Ulu Beranang, Jalan Lenggeng Pakej 1 telah mengemukakan tuntutan bayaran pendahuluan dan 7 tuntutan bayaran kemajuan yang berjumlah RM1.94 juta manakala kontraktor yang melaksanakan projek penggantian jambatan Jalan Batang Benar Ladang Cairo telah juga mengemukakan tuntutan bayaran pendahuluan dan 10 tuntutan bayaran kemajuan yang berjumlah RM2.60 juta. Kesemua tuntutan bayaran kemajuan telah dibayar oleh Jabatan.

**Pada pendapat Audit, bayaran kemajuan yang dibuat adalah memuaskan.**

#### **27.2.13 Prestasi Projek**

Bagi tempoh RMK8, Jabatan telah merancang untuk mengganti 17 jambatan yang mengalami pelbagai masalah kerosakan di seluruh jalan Negeri. Namun begitu sehingga akhir tahun 2004, hanya 6 jambatan atau 35% sahaja yang dapat diganti dan disiapkan dengan kos perbelanjaan berjumlah RM11.8 juta. Memandangkan tempoh RMK8 akan berakhir pada tahun 2005 dan masih ada 11 lagi jambatan yang belum diganti, adalah diragui sama ada baki projek penggantian jambatan dapat dilaksanakan mengikut perancangan. Projek yang telah disiapkan dan jumlah perbelanjaan dibuat adalah seperti di **Jadual 27**.

**Jadual 27**  
**Projek Yang Telah Dilaksanakan Pada Tahun 2001**  
**Hingga Akhir Tahun 2004**

Bil.	Nama Projek	Perbelanjaan (RM)
1	Mengganti jambatan No. 6/3, Jalan Kuala Johol – Inas – Kg. Batu (N14), Kuala Pilah	2,410,355
2	Mengganti jambatan No. 4/3, Jalan Tg. Ipoh – Seri Menanti (N24), Kuala Pilah	2,524,804
3	Mengganti jambatan No. 6.57, Jalan Batang Benar – Ladang Cairo (N36), Seremban	2,598,850
4	Mengganti jambatan di Jalan Jelai – Dangi (N17), Fasa 2, Kuala Pilah – Jambatan No. 7 (N17/004/20)	1,005,520
5	Mengganti jambatan di Jalan Jelai – Dangi (N17), Fasa 2, Kuala Pilah – Jambatan No. 8 (N17/001/20)	1,282,190
6	Mengganti jambatan di Jalan Lenggeng - Broga (N34) untuk Sg. Ulu Beranang – Pakej 1, Seremban	1,942,656
<b>Jumlah</b>		<b>11,764,375</b>

*Sumber: Rekod JKR Negeri*

**Pada pendapat Audit, pihak Jabatan hanya melaksanakan sebahagian daripada projek yang dirancang kerana menghadapi masalah kepakaran kakitangan. Namun begitu semuanya boleh diatasi dengan pelantikan juru perunding dan penambahan kakitangan bagi pihak Jabatan. Semua projek penggantian jambatan yang dilaksanakan dapat memberi faedah kepada pengguna.**

### **27.3 PEMANTAUAN**

Jabatan melalui Pengarah JKR Negeri adalah pihak yang bertanggungjawab menjalankan pemantauan yang menyeluruh terhadap projek yang dilaksanakan. Namun begitu Pengarah JKR Negeri telah menurunkan kuasanya sebagai Pegawai Penguasa Projek kepada Jurutera Daerah Seremban. Mekanisme pemantauan projek meliputi Buku Harian Tapak, mesyuarat tapak, laporan prestasi kontraktor dan mesyuarat kakitangan teknikal. Prestasi dan pencapaian projek dipantau melalui Jadual Pelaksanaan Projek yang disediakan oleh kontraktor. Sekiranya berlaku kelewatan terhadap pelaksanaan projek, lanjutan masa akan dipohon oleh kontraktor dan kelulusan diberikan bergantung kepada sebab dan penetapan syarat.

#### **27.3.1 Buku Harian Tapak**

Untuk memastikan kerja pembinaan berjalan lancar dan mengikut piawaian yang ditetapkan, seorang pegawai dari JKR Daerah Seremban dikehendaki berada di tapak pembinaan pada setiap masa dan merekodkan ke Buku Harian Tapak semua kerja yang dilaksanakan dan bahan yang digunakan pada hari berkenaan.



### **27.3.2 Mesyuarat Tapak**

Mesyuarat tapak juga diadakan oleh pihak kontraktor dengan JKR Daerah selaku Penguasa Projek. Ia bertujuan untuk mengetahui masalah yang dialami dan tindakan yang perlu diambil oleh pihak kontraktor semasa melaksanakan kerja.

### **27.3.3 Laporan Prestasi Kontraktor**

Melalui laporan prestasi kontraktor, Jabatan dapat menilai prestasi dan kemajuan kerja pembinaan jambatan yang dijalankan oleh kontraktor. Kriteria penilaian adalah meliputi pengurusan tapak bina, pentadbiran, perancangan/kemajuan serta mutu kerja. Ulasan dibuat oleh Jurutera Daerah berdasarkan kerja yang telah dilaksanakan.

### **27.3.4 Mesyuarat Teknikal**

Mesyuarat Teknikal diadakan di peringkat daerah bagi membincangkan perkembangan terkini kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor. Ia dipengerusikan oleh Jurutera Daerah dan dianggotai oleh semua kakitangan teknikal. Perkara yang dibincangkan termasuklah kemajuan kerja kontraktor dan prestasi pelaksanaan kerja yang dilakukan.

**Pada pendapat Audit, Jabatan perlu melakukan pemantauan yang berterusan selepas jambatan siap dan diserahkan oleh pihak kontraktor khususnya semasa tempoh tanggungan kecacatan untuk memastikan tahap keselamatan jambatan terjamin.**

## **28. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pada keseluruhannya projek penggantian jambatan yang dilaksanakan oleh pihak Jabatan adalah baik dan memberi manfaat dan keselesaan kepada pengguna. Bagaimanapun, Jabatan perlu memperbaiki beberapa kelemahan perancangan dan pelaksanaan projek terutama berkaitan persediaan Jabatan untuk menentukan keperluan dan saiz jambatan. Selain daripada itu, Jabatan juga perlu merujuk kepada Unit Jambatan, JKR Ibu Pejabat Kuala Lumpur untuk mendapatkan pandangan dan khidmat nasihat. Pemantauan berterusan selepas pembinaan siap perlu juga dijalankan untuk memastikan keselamatan dan keselesaan pengguna.

## ***BAHAGIAN IV***

***BADAN BERKANUN NEGERI,  
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN  
PIHAK BERKUASA TEMPATAN***

**BAHAGIAN IV**  
**BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM**  
**DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

**29. PENDAHULUAN**

Seksyen 5 Akta Audit 1957 menetapkan tentang jenis akaun yang perlu diaudit oleh Ketua Audit Negara. Antara akaun Agensi yang perlu diaudit meliputi Akaun Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan. Selain itu, Jabatan Audit Negara juga dikehendaki melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan dan pengauditan aktiviti Agensi bagi menentukan pengurusan kewangan Agensi mematuhi peraturan kewangan dan aktiviti dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Pada tahun 2004, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan pengurusan kewangan di Yayasan Negeri Sembilan dan Majlis Daerah Rembau. Bagi pengauditan aktiviti, satu kajian telah dijalankan di Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan untuk dinilai prestasinya.

**30. PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN**

Sehingga akhir tahun 2004, Kerajaan Negeri mempunyai 14 Agensi yang terdiri daripada 5 Badan Berkanun Negeri, 8 Pihak Berkuasa Tempatan dan 1 Majlis Agama Islam. Pengauditan penyata kewangan bagi 11 Agensi telah dijalankan oleh 7 firma audit swasta bagi pihak Ketua Audit Negara. Pelantikan firma audit swasta adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 7(3) Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk melantik mana-mana pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau. Walaupun pengauditan akaun Agensi telah dijalankan oleh firma audit swasta, pengeluaran Sijil Audit mengenai pendapat terhadap sesuatu akaun yang disediakan Agensi sama ada menunjukkan satu kedudukan yang benar dan munasabah masih terletak pada Ketua Audit Negara. Firma audit swasta dikehendaki menyediakan laporan terperinci mengenai keputusan pengauditan mereka dan menyerahkannya kepada Ketua Audit Negara. Pelaksanaan pengauditan oleh firma audit swasta adalah dipantau oleh Jabatan Audit Negara iaitu daripada penyediaan Memorandum Perancangan Audit sehinggalah laporan terperinci dikemukakan bagi memastikan pengauditan dijalankan dengan teliti dan cekap mengikut standard pengauditan yang diterima umum.

**31. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN**

Mengikut undang-undang, semua penyata kewangan Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam hendaklah diaudit oleh Jabatan Audit

Negara. Penyata itu hendaklah diserahkan kepada Jabatan Audit Negara mengikut tempoh yang ditetapkan oleh undang-undang. Kedudukan penyerahan penyata kewangan Agensi sehingga bulan Jun 2005 pada keseluruhannya adalah baik. Sebanyak 12 Agensi telah menyerahkan penyata kewangan tahun 2003 untuk diaudit. Hanya Majlis Sukan Negeri Sembilan dan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan belum menyerahkan penyata kewangan bagi tahun 2003. Kedudukan penyerahan penyata kewangan Agensi adalah seperti **Lampiran III**.

### 32. PERSIJILAN PENYATA KEWANGAN

Sehingga 30 Jun 2005, sebanyak 11 penyata kewangan tahun 2003 telah dikeluarkan Sijil Audit di mana 8 penyata kewangan telah diberi Sijil Tanpa Teguran manakala 3 penyata kewangan diberi Sijil Berteguran. Manakala Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, Lembaga Muzium Negeri Sembilan dan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan tahun 2003 belum diterima. Kedudukan persijilan penyata kewangan bagi tahun 2003 adalah seperti **Jadual 28**.

**Jadual 28**  
**Kedudukan Persijilan Penyata Kewangan Agensi**  
**Tahun 2003**

Bil.	Nama Agensi	Tahun Akaun	Jenis Sijil Audit
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	2003	Sijil Tanpa Teguran
2.	Yayasan Negeri Sembilan	2003	Sijil Berteguran
3.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan	2003	Sijil Berteguran
4.	Majlis Perbandaran Seremban	2003	Sijil Tanpa Teguran
5.	Majlis Perbandaran Port Dickson	2003	Sijil Tanpa Teguran
6.	Majlis Daerah Tampin	2003	Sijil Tanpa Teguran
7.	Majlis Daerah Rembau	2003	Sijil Tanpa Teguran
8.	Majlis Daerah Jempol	2003	Sijil Tanpa Teguran
9.	Majlis Daerah Jelevu	2003	Sijil Tanpa Teguran
10.	Majlis Daerah Kuala Pilah	2003	Sijil Tanpa Teguran
11.	Majlis Perbandaran Nilai	2003	Sijil Berteguran

*Sumber : Rekod Jabatan Audit Negara*

Sijil Berteguran yang dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara adalah disebabkan kegagalan Agensi mengemukakan dokumen yang lengkap dan rekod perakaunan yang kurang sempurna.

### **33. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN**

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporannya kepada Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan yang akan mengarahkan laporan itu dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Sehingga akhir bulan Jun 2005, Laporan Ketua Audit Negara mengenai 12 penyata kewangan Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Sungguhpun demikian, masih ada 4 penyata kewangan Agensi bagi tahun 2001, 2002 dan 2003 belum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Butirannya adalah seperti di **Lampiran IV**.

### **34. PRESTASI KEWANGAN**

Pihak Audit telah menjalankan analisis terhadap kedudukan kewangan Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun 2003 seperti berikut:

#### **34.1 ANALISIS KEDUDUKAN KEWANGAN**

##### **34.1.1 Badan Berkanun Negeri**

Hasil analisis Audit terhadap penyata kewangan tahun 2003 bagi 2 Badan Berkanun Negeri mendapati Perbadanan Kemajuan Negeri Sembilan mengalami defisit sejumlah RM0.95 juta manakala Yayasan Negeri Sembilan mengalami defisit sejumlah RM2.34 juta. Lebihan perbelanjaan di Perbadanan adalah disebabkan pertambahan perbelanjaan kewangan manakala lebihan perbelanjaan di Yayasan Negeri Sembilan pula adalah disebabkan pertambahan perbelanjaan pentadbiran dan lain-lain belanja operasi. Pada keseluruhannya, prestasi kewangan bagi kedua Badan Berkanun Negeri adalah baik kerana aset semasanya berupaya menampung liabiliti semasa.

##### **34.1.2 Pihak Berkuasa Tempatan**

Hasil analisis Audit terhadap Penyata Kewangan tahun 2003 bagi kesemua Pihak Berkuasa Tempatan mendapati kedudukan kewangan semasa bagi 3 Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Perbandaran Nilai, Majlis Daerah Kuala Pilah dan Majlis Daerah Rembau kurang mantap manakala yang lain adalah stabil. Majlis Perbandaran Nilai mengalami defisit sejumlah RM8.03 juta, manakala Majlis Daerah Kuala Pilah mengalami defisit sejumlah RM0.48 juta dan Majlis Daerah Rembau mengalami defisit sejumlah RM1.15 juta. Lebihan perbelanjaan di Majlis Perbandaran Nilai disebabkan pelarasan cukai taksiran berjumlah RM8.18 juta, manakala di Majlis Daerah Kuala Pilah disebabkan pertambahan perbelanjaan perkhidmatan ikhtisas. Lebihan perbelanjaan di Majlis Daerah Rembau pula disebabkan pertambahan perbelanjaan. Pada keseluruhannya, prestasi kewangan bagi 5 Pihak Berkuasa Tempatan ini adalah baik kerana aset semasanya berupaya menampung liabiliti semasa.

**34.1.3** Kedudukan prestasi kewangan Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan seperti di **Jadual 29**.

**Jadual 29**  
**Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri Dan Pihak Berkuasa Tempatan**  
**Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2003**

Bil.	Nama Agensi	Penyata Pendapatan Berakhir 31.12.2003			Lembaran Imbangan Pada 31.12.2003		
		Pendapatan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Surplus /Defisit (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Harta Bersih Semasa (RM Juta)
<b>Badan Berkanun Negeri</b>							
1.	PKNNS	14.76	15.71	(0.95)	75.40	60.97	14.43
2.	Yayasan Negeri Sembilan	10.11	12.45	(2.34)	38.27	5.03	33.34
<b>Pihak Berkuasa Tempatan</b>							
1.	MP Seremban	74.73	54.65	20.08	57.65	24.95	32.70
2.	MP Nilai	17.85	25.88	(8.03)	28.63	15.20	13.43
3.	MP Port Dickson	27.42	18.71	8.71	19.88	4.70	15.18
4.	MD Tampin	12.69	11.18	1.51	4.47	1.62	2.85
5.	MD Kuala Pilah	8.72	9.2	(0.48)	1.54	1.70	(0.16)
6.	MD Jelebu	6.44	4.92	1.52	1.39	1.40	(0.01)
7.	MD Jempol	8.92	7.28	1.64	6.45	1.27	5.18
8.	MD Rembau	5.45	6.60	(1.15)	1.28	1.61	(0.33)

Sumber: Penyata Kewangan Tahun 2003

### **34.2 Tunggakan Cukai Taksiran Pihak Berkuasa Tempatan**

Berbanding dengan tahun 2002, hanya Majlis Perbandaran Nilai yang menunjukkan penurunan tunggakan cukai taksiran. Pengurangan ini adalah hasil usaha dan penguatkuasaan Majlis memungut cukai taksiran semasa dan yang tertunggak. Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengambil tindakan penguatkuasaan yang lebih berkesan untuk mengutip tunggakan. Kedudukan tunggakan cukai taksiran tahun 2003 berbanding tahun 2002 adalah seperti di **Jadual 30**.

**Jadual 30**  
**Tunggakan Cukai Taksiran Bagi Tahun 2002 Dan 2003**

<b>Bil.</b>	<b>Nama PBT</b>	<b>Tahun 2002 (RM Juta)</b>	<b>Tahun 2003 (RMJuta)</b>	<b>Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)</b>
1.	MP Seremban	7.82	9.20	1.38
2.	MP Nilai	20.31	16.80	(3.51)
3.	MP Port Dickson	12.10	14.68	2.58
4.	MD Tampin	2.01	2.05	0.04
5.	MD Kuala Pilah	1.02	1.04	0.02
6.	MD Jelebu	0.86	0.95	0.09
7.	MD Jempol	0.87	1.02	0.15
8.	MD Rembau	0.25	0.31	0.06
	<b>Jumlah</b>	<b>45.24</b>	<b>46.05</b>	<b>0.81</b>

*Sumber : Penyata Kewangan 2002 dan 2003*

## **YAYASAN NEGERI SEMBILAN**

### **PENGURUSAN KEWANGAN**

#### **35. LATAR BELAKANG**

Yayasan Negeri Sembilan (Yayasan) ditubuhkan melalui Enakmen Yayasan Negeri Sembilan No. 6 Tahun 1979 dan mula beroperasi pada awal bulan Januari 1980. Tujuan penubuhan bagi membolehkan Yayasan Negeri Sembilan menjalankan aktiviti sosial dan ekonomi terutama dalam aktiviti menaja dan memajukan peluang mendapat pendidikan di kalangan warga Negeri Sembilan dan warganegara Malaysia yang bermastautin di Negeri Sembilan khususnya melalui pinjaman pendidikan, biasiswa dan bantuan kewangan. Pengurusan kewangan dan perakaunan Yayasan adalah berpandukan kepada Panduan Polisi Pentadbiran Dan Tatacara Perakaunan 1996. Selain itu Yayasan menerima pakai Perintah Am, Arahan Perkhidmatan, Arahan Perbendaharaan dan peraturan dan Pekeliling Kerajaan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Pada tahun 2004, perbelanjaan mengurus Yayasan adalah berjumlah RM24.73 juta manakala hasil yang dipungut berjumlah RM26.21 juta.

#### **36. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan Yayasan telah dilaksanakan dengan mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan serta wujudnya kawalan dalaman yang berkesan terhadap pengurusan hasil, perbelanjaan, wang amanah, pinjaman, pelaburan, deposit dan aset. Skop pengauditan meliputi pemeriksaan terhadap rekod pengurusan dan kewangan bagi tahun 2004. Selain itu, temu bual dengan kakitangan yang terlibat telah dijalankan.

#### **37. PENEMUAN AUDIT**

##### **37.1 KAWALAN PENGURUSAN**

Kawalan pengurusan yang mantap adalah penting bagi memastikan pengurusan kewangan Yayasan dikendalikan dengan cekap dan berkesan. Pembahagian tugas dan penyediaan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja selaras dengan kehendak Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam Bil. 8 Tahun 1991 merupakan antara elemen yang penting bagi meningkatkan prestasi sesebuah Jabatan.

##### **37.1.1 Struktur Organisasi**

Sehingga tahun 2004, Yayasan mempunyai 19 orang pegawai berjawatan tetap yang diketuai oleh seorang Pengarah, empat pegawai Kumpulan Pengurusan Dan Profesional dan 14 pegawai Kumpulan Sokongan. Jawatan Pengarah diisi secara pinjaman. Struktur organisasi Yayasan mengandungi 4 bahagian iaitu Bahagian



Kewangan, Bahagian Pentadbiran, Bahagian Pendidikan dan Bahagian Pelaburan. Bagi menampung beban tugas harian yang semakin meningkat berikutan dengan perkembangan/pembangunan Yayasan maka Yayasan telah mengambil 14 kakitangan melalui anak syarikatnya. Oleh yang demikian, pada akhir tahun 2003 Yayasan telah memajukan permohonan ke JPA untuk penyusunan semula struktur organisasi dengan menaikkan taraf 4 jawatan dan mengujudkan 14 jawatan baru untuk kelulusannya. Sehingga tarikh pengauditan, tiada sebarang maklum balas diterima daripada JPA.

### **37.1.2 Manual Prosedur Kerja**

Mengikut Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Bil. 8 Tahun 1991, setiap Jabatan dikehendaki menyediakan Manual Prosedur Kerja bagi semua bahagian di Jabatan supaya dapat dijadikan panduan kerja. Adalah didapati Bahagian Pentadbiran dan Pelaburan telah menyediakan Manual Prosedur Kerja dengan lengkap selaras dengan kehendak Pekeliling manakala Bahagian Pendidikan mengguna pakai Manual Kualiti Pengiktirafan Sijil MS ISO 9002:1994 sebagai panduan.

### **37.1.3 Fail Meja**

Mengikut Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991, setiap pegawai dikehendaki mempunyai Fail Meja masing-masing. Fail Meja yang disediakan hendaklah antara lain mengandungi senarai tugas, peruntukan kuasa dan undang-undang, prosedur dan senarai semakan serta garis panduan yang membimbing seseorang pegawai menjalankan tugas dengan cekap dan berkesan. Semakan Audit mendapati kandungan Fail Meja tidak mengikut susunan sebagaimana yang ditetapkan serta Fail Meja tidak lengkap dan kemas kini. Di samping itu, pihak Audit mendapati 3 kakitangan kumpulan perkeranian di Bahagian Kewangan tidak mempunyai Fail Meja.

### **37.1.4 Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun**

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1996 dan Pekeliling Perbendaharaan Bil.8 Tahun 2004 menghendaki Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun ditubuhkan di Jabatan masing-masing. Jawatankuasa ini dikehendaki mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya 3 bulan sekali dan perkara yang dibincangkan hendaklah meliputi kewangan dan akaun untuk membantu Pegawai Pengawal mengawasi, mengesan dan menyelia semua urusan kewangan supaya menepati kehendak prosedur kewangan. Pemeriksaan Audit mendapati Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun telah ditubuhkan oleh Yayasan dan telah mengadakan mesyuarat sebanyak 3 kali pada tahun 2004. Sungguhpun demikian dari minit mesyuarat yang disediakan, adalah didapati perkara kewangan yang dibincangkan adalah terlalu umum dan tidak ke arah untuk menambah baik. Jawatankuasa ini hendaklah membincangkan perkara kewangan dan akaun dengan lebih mendalam agar dapat menyelesaikan dengan segera apa jua kelemahan pengurusan kewangan yang dihadapi oleh Yayasan.

### **37.1.5 Jawatankuasa Audit**

Mesyuarat Lembaga Pengarah Yayasan yang diadakan pada bulan Mei 2004 memutuskan supaya Jawatankuasa Audit diwujudkan. Antara tugas Jawatankuasa ini ialah meneliti dan mengkaji Laporan Ketua Audit Negara serta penyeliaan terhadap aktiviti bagi meningkatkan akauntabiliti Yayasan. Semakan Audit mendapati Yayasan telah menubuhkan Jawatankuasa Audit yang terdiri daripada 3 orang ahli yang dilantik oleh Lembaga Pengarah. Sejak ditubuhkan Jawatankuasa ini hanya mengadakan mesyuaratnya sekali sahaja iaitu pada bulan September 2004.

### **37.1.6 Kursus Dan Latihan**

Latihan kepada kakitangan adalah perlu sebagai langkah memperbaiki dan meningkatkan kecekapan seseorang kakitangan bagi melaksanakan tugas hariannya. Pemeriksaan Audit terhadap Buku Rekod Perkhidmatan mendapati hampir semua kakitangan Yayasan telah diberi peluang untuk menghadiri kursus dan latihan yang bersesuaian bagi menambah pengetahuan dan kecekapan yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri atau INTAN. Pada tahun 2004, seramai 5 orang kakitangan dari Bahagian Kewangan telah menghadiri kursus Kawalan Peruntukan dan Penyelenggaraan Buku Vot anjuran INTAN.

**Pada pendapat Audit, kawalan pengurusan secara keseluruhannya adalah memuaskan.**

## **37.2 KAWALAN HASIL**

Kutipan hasil Yayasan pada 2004 adalah berjumlah RM26.21 juta. Hasil utama Yayasan adalah daripada keuntungan pelaburan, bayaran balik pinjaman pendidikan dan sewaan. Semakan Audit terhadap kawalan hasil mendapati perkara berikut:

### **37.2.1 Kuasa Memungut Hasil**

Perenggan 3.8 Panduan Polisi Pentadbiran Dan Tatacara Perakaunan 1996 menetapkan Akauntan atau wakilnya dibenarkan menerima wang dari pembayar. Manakala Arahan Perbendaharaan 69 membenarkan Pegawai Pengawal mewakili kuasa secara bertulis kepada pegawai yang dipertanggungjawabkan bagi tujuan pungutan hasil. Pemeriksaan Audit mendapati Yayasan telah menurunkan kuasa secara jelas dan bertulis kepada pegawainya untuk melaksanakan tanggungjawab kewangan seperti menerima hasil, menyediakan dan menandatangani resit.

### **37.2.2 Pembukuan Resit**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 72, resit mestilah dibukukan satu persatu ke Buku Tunai pada masa urusan dibuat sebelum hujung hari. Semasa pemeriksaan Audit dijalankan adalah didapati sebanyak 792 resit yang dikeluarkan pada awal bulan November 2004 sehingga awal bulan Disember 2004 bagi pungutan wang berjumlah

RM5.16 juta belum dicatatkan ke Buku Tunai. Kelewatan mencatatkan resit ke Buku Tunai adalah antara 1 hingga 36 hari.

### **37.2.3 Daftar Sewa**

Yayasan mempunyai 23 penyewa premis dan 30 penyewa tempat letak kereta. Pemeriksaan Audit mendapati pihak pengurusan tidak menyelenggarakan Daftar Sewa sebagai rekod utama bagi memudahkan untuk mendapatkan makluman dan membuat semakan. Daftar Sewa perlulah mempunyai maklumat seperti nama penyewa, alamat premis, rujukan surat perjanjian, tarikh masuk/keluar premis, deposit, sewa bulanan serta tarikh dan nombor resit. Bagaimanapun, pihak pengurusan ada menyediakan lejar penyewa tetapi maklumat di lejar tersebut hanya mencatatkan nama penyewa, kadar sewa sebulan, sewa diterima, nombor resit dan jumlah deposit sahaja.

### **37.2.4 Kutipan Sewa**

Mengikut surat perjanjian sewa, penyewa dikehendaki menjelaskan bayaran sewa bulanan tidak lewat dari 7 hari selepas akhir tiap-tiap bulan. Semakan Audit menunjukkan terdapat kelewatan menjelaskan bayaran sewa bulanan antara 1 hingga 12 bulan terhadap bayaran sewa bangunan dan letak kereta yang berjumlah RM216,066. Bagaimanapun, pihak pengurusan ada mengeluarkan surat peringatan kepada penyewa. Yayasan hendaklah mengambil tindakan yang tegas seperti yang ditetapkan dalam perjanjian bagi memastikan kutipan sewa dipungut tepat pada masanya.

### **37.2.5 Daftar Mel**

Arahan Perbendaharaan 71 menghendaki Daftar Mel diselenggarakan bagi maksud merekodkan kiriman wang, dokumen atau barang berharga yang diterima melalui pos atau penghantar. Daftar Mel hendaklah mengandungi maklumat seperti tarikh terima, nama pengirim, nombor pendaftaran bungkusan, amaun dan perihal dokumen atau barang, tarikh dan nombor resit. Bagaimanapun, pemeriksaan Audit mendapati kiriman wang direkodkan ke Daftar Cek yang tidak mempunyai maklumat tarikh dan nombor resit. Maklumat tarikh dan nombor resit adalah penting untuk menentukan supaya tidak berlaku kelewatan mengakaunkan kiriman wang.

### **37.2.6 Pemeriksaan Mengejut**

Arahan Perbendaharaan 309 menetapkan bahawa Ketua Jabatan hendaklah melakukan pemeriksaan mengejut terhadap peti besi, peti wang tunai, cek, panjar wang runcit dan mesin *franking* sekurang-kurangnya sekali ke tempoh 6 bulan dan hasil pemeriksaan itu hendaklah direkodkan ke Daftar Pemeriksaan Mengejut. Pemeriksaan mengejut adalah sebagai satu kawalan dalaman untuk memastikan wang tunai, cek dan panjar dikendalikan dengan betul oleh kakitangan yang dipertanggungjawabkan. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada Yayasan telah melakukan pemeriksaan mengejut kerana Daftar Pemeriksaan Mengejut tidak diselenggarakan.

### **37.2.7 Tunggakan Hasil**

Tunggakan hasil Yayasan sehingga akhir tahun 2004 adalah berjumlah RM7.94 juta. Tunggakan hasil bagi sewa ruang pejabat dan letak kereta adalah berjumlah RM1.30 juta iaitu sehingga bulan Disember 2004. Manakala tunggakan hasil bagi projek usaha sama berjumlah RM6.64 juta iaitu tertunggak sejak dari tahun 1997. Pemeriksaan Audit mendapati surat peringatan dan tindakan mahkamah juga telah diambil sebagai usaha untuk mendapatkan tunggakan hasil tersebut.

**Pada pendapat Audit, tindakan untuk menambah baik kawalan dalaman terhadap kutipan hasil perlu ditingkatkan terutama dari aspek penyeliaan.**

## **37.3 KAWALAN PERBELANJAAN**

Kawalan perbelanjaan yang cekap merupakan aspek penting bagi menjamin perbelanjaan diuruskan dengan berekonomi dan mengelakkan pembaziran. Peruntukan yang diluluskan hendaklah dikawal supaya perbelanjaan dibuat mengikut peraturan kewangan serta di akaun dengan betul dan kemas kini. Pada tahun 2004 Yayasan telah membelanjakan sejumlah RM24.73 juta. Berikut adalah penemuan Audit mengenai kawalan perbelanjaan Yayasan.

### **37.3.1 Buku Vot**

Arahan Perbendaharaan 95(b) menghendaki setiap Pegawai Pengawal yang di amanah mengawal mana-mana bahagian Maksud Perbelanjaan supaya menyelenggarakan sebuah Buku Vot dengan teratur dan kemas kini. Semua peruntukan yang diluluskan, perbelanjaan bersih, tanggungan, pindah peruntukan dan baki masih ada, hendaklah direkodkan dengan betul dan kemas kini. Pemeriksaan Audit mendapati Pesanan Tempatan yang dikeluarkan tidak dipertanggungjawabkan ke Buku Vot, catatan di Buku Vot tidak ditandatangani ringkas oleh pegawai penyelia dan perbelanjaan bersih tidak dikemaskinikan mengikut transaksi yang dicatatkan.

### **37.3.2 Pesanan Tempatan**

Pemeriksaan Audit terhadap pengurusan Pesanan Tempatan mendapati ianya diurus mengikut peraturan di mana buku Pesanan Tempatan yang diterima dari percetakan direkodkan pada Daftar, disimpan dan dikeluarkan dengan teratur. Pengarah sahaja yang diberi kuasa menandatangani Pesanan Tempatan selepas Jawatankuasa Penilaian Dan Perolehan bersetuju meluluskan permohonan terhadap pembelian/perkhidmatan yang dipohon. Bagaimanapun, tarikh barangan perlu dibekalkan tidak dicatat dan pengesahan penerimaan barangan tidak ditandatangani di salinan ketiga. Salinan ini juga tidak difailkan dengan teratur untuk memudahkan membuat rujukan.

### **37.3.3 Baucar Bayaran**

Peraturan kewangan Yayasan menetapkan baucar bayaran hendaklah disahkan dan diluluskan oleh pegawai yang telah diberi kuasa. Pemeriksaan Audit mendapati baucar bayaran telah diurus dengan baik dan teratur. Baucar telah diluluskan dan ditandatangani oleh pegawai mengikut had perbelanjaan yang dibenarkan.

### **37.3.4 Kawalan Perolehan**

Arahan Perbendaharaan 197.2(a) menetapkan supaya Jawatankuasa Pembuka dan Jawatankuasa Pemilihan Sebut Harga/Tender diwujudkan secara berasingan. Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga/Tender hendaklah terdiri dari sekurang-kurangnya 2 pegawai dan salah seorang hendaklah daripada Kumpulan Pengurusan Dan Profesional. Pemeriksaan Audit mendapati Yayasan ada menubuhkan Jawatankuasa Penilaian dan Perolehan yang merangkumi tugas dan tanggungjawab bagi membuka sebut harga/tender dan membuat keputusan.

### **37.3.5 Peti Tawaran**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 196 peti tawaran hendaklah mempunyai 2 anak kunci yang berbeza dan dipegang oleh 2 orang pegawai kanan yang berasingan supaya keselamatan peti tawaran terjamin. Pemeriksaan Audit mendapati peti tawaran hanya mempunyai 2 kunci yang dipegang oleh Pengarah dan Pegawai Tadbir.

**Pada keseluruhannya, kawalan perbelanjaan perlu dipertingkatkan lagi.**

## **37.4 PENGURUSAN PELABURAN**

Sehingga tahun 2004, pelaburan Yayasan berjumlah RM32.14 juta. Ia terdiri daripada simpanan tetap berjumlah RM4.75 juta, pelaburan di syarikat berjumlah RM5.98 juta dan pelaburan saham tercatat berjumlah RM21.41 juta.

### **37.4.1 Prosedur Dan Tatacara Pelaburan**

Pemeriksaan Audit terhadap prosedur dan tatacara pelaburan Yayasan mendapati perkara berikut:

#### **a) Jawatankuasa Pelaburan**

Yayasan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Pelaburan yang terdiri daripada seorang pengerusi dan 5 orang ahli. Pada tahun 2004 Jawatankuasa pelaburan telah mengadakan mesyuarat sebanyak 4 kali. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa telah membincangkan perkara yang berbangkit mengenai pelaburan terlibat. Pada tahun 2004, Yayasan mendapat keuntungan keseluruhan yang berjumlah RM309,944 manakala pembelian saham tercatat adalah sejumlah RM4.41 juta.

#### **b) Garis Panduan Pelaburan**

Yayasan mempunyai Panduan Polisi Pentadbiran Dan Tatacara Perakaunan 1996 mengenai pelaburan. Ahli Jawatankuasa Pelaburan akan membuat analisis terhadap pelaburan sekiranya ia melibatkan saham tidak tersiar harga, syarikat anak dan syarikat bersekutu. Kertas kerja mengenainya akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan untuk dibincangkan. Semua pelaburan saham tersiar dan tidak tersiar harga diurus oleh Unit Pelaburan.

#### **c) Kelulusan Pelaburan**

Pelaburan saham tidak siar harga dalam syarikat anak dan syarikat bersekutu perlu terlebih dahulu mendapat kelulusan Jawatankuasa Pelaburan untuk pengesahan. Bagi urusan niaga saham tersiar harga pula kelulusan daripada Jawatankuasa Pelaburan diperolehi terlebih dahulu sebelum sesuatu urusan niaga sama ada pembelian atau penjualan dijalankan oleh firma broker yang dilantik.

#### **37.4.2 Rekod Pelaburan**

Semakan Audit terhadap Rekod Pelaburan mendapati Daftar Pelaburan bagi saham tersiar harga dan saham tak tersiar harga ada diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini di mana penyata akaun, sijil dan lain-lain dokumen difailkan dengan sempurna dan disimpan selamat dalam kabinet berkunci.

#### **37.4.3 Simpanan Tetap**

Pada tahun 2004, Yayasan telah melabur dalam simpanan tetap sejumlah RM4.75 juta dalam 3 institusi kewangan. Tempoh simpanan adalah selama 6 bulan hingga satu tahun. Yayasan telah menyelenggarakan Daftar Simpanan Tetap dan Daftar tersebut disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab.

**Pada pandangan Audit, pengurusan pelaburan Yayasan perlu dipertingkatkan.**

### **37.5 PENGURUSAN PINJAMAN**

Yayasan mengurus 2 jenis pinjaman iaitu pinjaman pendidikan dan pinjaman dari Kerajaan Negeri. Semakan Audit terhadap pengurusan pinjaman mendapati perkara berikut:

#### **37.5.1 Pinjaman Pendidikan**

Yayasan Negeri Sembilan telah mengambil alih tugas dan hutang pinjaman pendidikan dari Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan pada tahun 1980. Pinjaman pendidikan mula dikeluarkan pada tahun 1971 oleh Kerajaan Negeri. Sehingga tahun 2004 jumlah pinjaman pendidikan yang telah dikeluarkan kepada peminjam adalah berjumlah RM33.05 juta iaitu RM23.05 juta kepada peminjam Bumiputera dan RM10 juta kepada peminjam bukan Bumiputera. Setiap peminjam akan diikat dengan perjanjian. Baki pinjaman pendidikan yang belum selesai sehingga akhir tahun 2004 berjumlah RM17.57 juta yang terdiri dari baki semasa berjumlah RM11.64 juta dan baki

tertunggak berjumlah RM5.90 juta. Kutipan bayaran balik pinjaman bagi tahun 2004 adalah berjumlah RM2.36 juta. Pada akhir tahun 2004 Lembaga Pemegang-Pemegang Amanah Yayasan Negeri Sembilan telah meluluskan cadangan untuk menghapus kira 127 peminjam tertunggak dari tahun 1971 hingga 1979 berjumlah RM804,754 memandangkan mereka ini telah tertakluk kepada Akta Had Masa 1953. Bagaimanapun Yayasan sedang berusaha untuk mendapatkan balik baki pinjaman yang tertunggak melalui iklan dalam akhbar Suara Negeri, peguam dan *Bill Collector*.

### **37.5.2 Pinjaman Kerajaan Negeri**

Baki pinjaman Yayasan dengan Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2004 berjumlah RM5.62 juta. Baki ini merupakan 2 pinjaman yang diperoleh daripada Kerajaan Negeri untuk pinjaman pendidikan pada tahun 1994 hingga 1996 dan bagi membiayai pembekalan dan pemasangan paparan video LED berwarna pada tahun 2003. Pemeriksaan Audit mendapati tidak ada tunggakan bayaran balik pinjaman dan rekod pinjaman telah diselenggarakan dengan teratur dan memuaskan.

**Pada pendapat Audit, pengurusan pinjaman adalah memuaskan di mana bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Negeri telah dijelaskan mengikut jadual. Bagaimanapun usaha hendaklah digiatkan lagi untuk mendapatkan balik pinjaman pendidikan supaya tidak sampai melampaui had masa yang ditetapkan oleh Akta.**

## **37.6 PENGURUSAN AKAUN DEPOSIT DAN KUMPULAN WANG AMANAH**

Yayasan ada menguruskan Akaun Deposit bagi mengakaunkan deposit sewa ruang pejabat dan elektrik. Bagi deposit yang dipegang oleh Yayasan pada akhir tahun 2004 adalah berjumlah RM221,025 yang terdiri daripada 14 pendeposit. Pemeriksaan Audit terhadap Lejar Deposit mendapati akaun yang telah selesai tidak di cop dengan "TUTUP" serta tidak disahkan oleh pegawai yang bertanggungjawab supaya tidak berlaku tuntutan lain di masa akan datang.

Selain itu, Yayasan juga menubuhkan Tabung Pinjaman Kenderaan dan Tabung Pinjaman Komputer di mana Yayasan menerima pakai Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan. Bagaimanapun, setakat ini belum ada kakitangan yang membuat pinjaman tersebut.

**Pada pendapat Audit, pengurusan akaun deposit perlu diperkemaskan.**

## **37.7 PENGURUSAN ASET DAN INVENTORI**

Pada tahun 2004 Yayasan telah membelanjakan sejumlah RM47,777 bagi perolehan harta modal. Harta modal tersebut adalah seperti komputer, telefon bimbit, jam perakam waktu, projektor dan pelbagai alat lain. Pemeriksaan Audit mendapati perkara berikut:

### **37.7.1 Daftar Harta Modal**

Mengikuti Panduan Polisi Pentadbiran Dan Tatacara Perakaunan 1996 (Harta Tetap) semua perolehan dan maklumat mengenai harta modal hendaklah direkodkan ke Daftar Harta Modal. Pemeriksaan Audit mendapati masih ada 18 perolehan harta modal seperti kenderaan, LED, mesin fax dan komputer sejak dari tahun 1994 hingga 2004 yang berjumlah RM5.09 juta belum direkodkan ke Daftar Harta Modal. Daftar yang sedang diselenggarakan juga tidak mempunyai maklumat lengkap seperti nombor siri pendaftaran, tandatangan pegawai yang dipertanggungjawabkan, tarikh dan lokasi harta modal yang berkenaan.

### **37.7.2 Penyelenggaraan Harta Modal**

Panduan Polisi Pentadbiran Dan Tatacara Perakaunan 1996 (Harta Tetap) menghendaki setiap penyelenggaraan yang dilakukan terhadap kenderaan, mesin fotostat, komputer dan pelbagai alatan lain perlu direkodkan ke Daftar Harta Modal. Rekod penyelenggaraan ini penting bagi membantu pihak pengurusan membuat keputusan sama ada sesuatu aset masih berekonomi untuk digunakan atau sebaliknya. Pemeriksaan Audit mendapati maklumat pembaikan, servis dan pembelian alat-ganti tidak direkodkan ke daftar tersebut

### **37.7.3 Pemeriksaan Terhadap Harta Modal**

Panduan Polisi Pentadbiran Dan Tatacara Perakaunan 1996 (Harta Tetap) menghendaki Jabatan membuat pemeriksaan terhadap harta modal berkenaan bagi memastikan keselamatannya. Pemeriksaan ini penting bagi memastikan kewujudan sesuatu harta modal dan sama ada dalam keadaan usang, rosak, cacat atau hilang. Bagaimanapun, adalah didapati pemeriksaan terhadap harta modal belum lagi dilakukan oleh pihak Yayasan.

### **37.7.4 Daftar Inventori**

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1991 menghendaki supaya semua inventori direkodkan ke Daftar Inventori. Pemeriksaan Audit mendapati Yayasan belum melaksanakan penggunaan Daftar Inventori sehingga kini. Pada tahun 2004 Yayasan tidak membuat pembelian terhadap inventori tetapi pada tahun 2003 ada pembelian inventori berjumlah RM23,913 yang belum direkodkan ke Daftar Inventori.

### **37.7.5 Daftar Stok Bekalan Pejabat**

Mengikuti Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1991, Daftar Stok Bekalan Pejabat adalah untuk merekodkan segala perolehan bekalan pejabat seperti pen, kertas, stapler, toner dan sebagainya. Pemeriksaan Audit mendapati pihak Yayasan masih belum mengguna pakai Daftar Stok Bekalan Pejabat sehingga akhir tahun 2004. Pihak Yayasan masih menggunakan daftar lama untuk merekodkan stok bekalan pejabat.



### **37.7.6 Pengurusan Kenderaan**

Pengurusan kenderaan di Jabatan/Agensi Kerajaan hendaklah mematuhi kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980. Pemeriksaan Audit terhadap pengurusan 3 buah kenderaan kepunyaan Yayasan yang terdiri daripada bas, kenderaan pacuan empat roda dan motosikal mendapati beberapa kelemahan seperti berikut:

#### **a) Pemandu Kenderaan**

Mengikut senarai perjawatan, Yayasan tidak mempunyai jawatan pemandu. Semua kenderaan Yayasan sehingga kini dipandu oleh pemandu yang merupakan kakitangan Anak Syarikat Yayasan yang berkhidmat untuk Yayasan. Bagaimanapun, Yayasan telah membuat permohonan jawatan pemandu kepada Jabatan Perkhidmatan Awam pada akhir tahun 2003.

#### **b) Penyelenggaraan Buku Log**

Yayasan ada melantik seorang pegawai yang bertanggungjawab terhadap pengurusan kenderaan. Pihak Audit mendapati Buku Log tidak diperiksa oleh pegawai yang bertanggungjawab sama ada bagi tempoh mingguan atau bulanan. Buku Log tidak kemas kini kerana tiada catatan nama dan tandatangan pegawai yang mengguna, jarak perjalanan, pembelian minyak/bahan api dan ringkasan bulanan. Butiran kenderaan juga tidak dicatatkan di Buku Log.

**Pada pendapat Audit, pihak Yayasan perlu memperbaiki pengurusan rekod aset, inventori dan stok bekalan pejabat selaras dengan kehendak peraturan yang ditetapkan.**

### **37.7.7 Pelupusan**

Jawatankuasa Pelupusan yang dipengerusikan oleh Pengarah adalah ditubuhkan untuk menjalankan tindakan pelupusan terhadap harta tetap yang telah dikenal pasti tidak ekonomik digunakan. Sehingga akhir tahun 2004, Jawatankuasa telah membuat pelupusan terhadap perolehan harta tetap bagi tempoh tahun 1981 hingga 1993 di mana kos beliannya berjumlah RM1.76 juta.

## **38. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pada keseluruhannya tahap pengurusan kewangan Yayasan tidak memuaskan. Semua perkara yang dibangkitkan perlu diberi perhatian yang sewajarnya. Ketua Agensi dan pegawai penyelia perlu memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing untuk memantau semua aspek pengurusan kewangan. Ini bagi memastikan tahap pengurusan kewangan Yayasan sentiasa berada pada tahap yang baik dan mantap.

## **MAJLIS DAERAH REMBAU**

### **PENGURUSAN KEWANGAN**

#### **39. LATAR BELAKANG**

Majlis Daerah Rembau (Majlis) ditubuhkan pada bulan Julai 1980 di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Majlis bertanggungjawab bagi memastikan prasarana dan aktiviti sosioekonomi yang dibangunkan memberi peluang pekerjaan, perniagaan dan pelaburan kepada penduduk setempat. Pihaknya juga dipertanggungjawab untuk menjaga keindahan dan kebersihan kawasan sekeliling serta menyediakan tempat rekreasi dan pelancongan. Untuk melaksana kesemua aktiviti ini, Majlis telah menyediakan perancangan strategik merangkumi pentadbiran, kewangan, kesihatan, kejuruteraan, perancangan bandar, pengindahan dan penguatkuasaan. Pada tahun 2004, Majlis telah memperolehi hasil berjumlah RM3.39 juta manakala perbelanjaan mengurusnya berjumlah RM2.04 juta dan perbelanjaan pembangunan pula berjumlah RM3.29 juta.

#### **40. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan di Majlis Daerah Rembau adalah mematuhi prosedur dan peraturan kewangan yang ditetapkan. Semakan Audit telah dijalankan ke atas rekod kewangan dan dokumen yang berkaitan bagi tahun 2004. Selain itu, perbincangan dengan pegawai yang terlibat dengan urusan kewangan juga diadakan.

#### **41. PENEMUAN AUDIT**

##### **41.1 KAWALAN PENGURUSAN**

Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab mewujudkan kawalan pengurusan yang mantap selaras dengan objektif Jabatan supaya pengurusan Majlis dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Faktor yang perlu diberi perhatian termasuk penyediaan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja yang lengkap dan kemas kini, struktur organisasi yang jelas mengikut fungsinya, penurunan kuasa yang teratur, bimbingan dan latihan yang sesuai kepada kakitangan serta penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun. Pemeriksaan Audit terhadap elemen kawalan pengurusan tersebut mendapati perkara berikut:

##### **41.1.1 Struktur Organisasi**

Struktur organisasi Majlis terbahagi kepada 8 bahagian iaitu Bahagian Pentadbiran Dan Pengurusan, Kejuruteraan Dan Bangunan, Bahagian Perancang Bandar Dan Desa, Penilaian Dan Pengurusan Harta, Kewangan Dan Hasil, Undang-undang Dan

Penguatkuasaan, Bahagian Sistem Maklumat Dan Pelesenan dan Kesihatan Dan Keindahan. Mengikut perjawatan yang diluluskan, Majlis diketuai oleh Yang Di Pertua dan dibantu oleh seorang Setiausaha serta 56 orang kakitangan yang lain. Majlis mempunyai 50 jawatan tetap dan 8 jawatan sementara. Kekosongan 5 jawatan tetap dan 1 jawatan sementara masih belum diisi.

#### **41.1.2 Manual Prosedur Kerja**

Mengikut Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991, setiap Jabatan dikehendaki menyediakan Manual Prosedur Kerja bagi setiap aktivitinya. Manual Prosedur Kerja adalah merupakan panduan yang merekodkan susunan cara bekerja secara sistematik. Ia mengandungi maklumat yang memberi gambaran secara menyeluruh mengenai Jabatan meliputi objektif, fungsi, prosedur dan tatacara melaksanakannya. Majlis masih belum menyediakan Manual Prosedur Kerja bagi setiap bahagian di bawah pentadbirannya.

#### **41.1.3 Fail Meja**

Mengikut Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991, setiap pegawai dikehendaki mempunyai Fail Meja masing-masing. Fail Meja yang diselenggarakan hendaklah antara lain mengandungi senarai tugas, peruntukan kuasa dan undang-undang, prosedur dan senarai semakan serta garis panduan bagi membimbing seseorang pegawai menjalankan tugas dengan cekap dan berkesan. Semakan Audit mendapati 7 kakitangan berbanding 50 kakitangan Majlis yang menyelenggarakan Fail Meja. Bagi Fail Meja yang telah disediakan, adalah didapati norma kerja tidak ditetapkan. Jabatan hendaklah memastikan setiap kakitangannya mempunyai Fail Meja dan mengandungi semua elemen yang ditetapkan. Selain itu, pihak Audit mendapati semua kakitangan mempunyai senarai tugas. Sungguhpun demikian, senarai tugas itu tidak ditandatangani oleh pegawai atasan dan tidak dinyatakan tarikh berkuat kuasa. Penambahbaikan hendaklah dibuat terhadap senarai tugas dengan mencatat nama, jawatan, tarikh berkuat kuasa dan ditandatangani oleh Ketua Jabatan.

#### **41.1.4 Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun**

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1996 menetapkan supaya setiap Jabatan menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun masing-masing bagi membincang dan menyelesaikan hal kewangan dan akaun Jabatan. Majlis telah menubuhkan Jawatankuasa ini tetapi tidak pernah mengadakan mesyuarat sejak tahun 2003.

#### **41.1.5 Kursus Dan Latihan**

Latihan atau kursus yang bersesuaian adalah penting bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kakitangan khususnya yang mengendalikan urusan kewangan. Semakan Audit mendapati seorang daripada 3 kakitangan di Bahagian Kewangan tidak menghadiri kursus kewangan dan akaun yang dianjurkan oleh Jabatan dan Pejabat Kewangan Negeri sepanjang tempoh tahun 2002 hingga 2004.

**Pada pendapat Audit, kawalan pengurusan Majlis masih boleh dipertingkatkan. Majlis hendaklah memastikan setiap bahagian di bawah pentadbirannya mempunyai Manual Prosedur Kerja dan setiap kakitangan mempunyai Fail Meja masing-masing.**

## **41.2 KAWALAN HASIL**

Hasil utama Majlis terdiri daripada cukai taksiran, lesen dan permit, sewaan, bayaran perkhidmatan dan geran daripada Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Pada tahun 2004 hasil Majlis berjumlah RM3.39 juta. Majlis menggunakan sistem pengkomputeran bagi memungut hasil. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

### **41.2.1 Penurunan Kuasa**

Arahan Perbendaharaan 11 menyatakan bahawa kewajipan kewangan dan perakaunan bagi setiap pegawai yang bekerja di bawah seorang Pegawai Pengawal hendaklah dinyatakan dengan jelas olehnya, setakat mana dibenarkan, tugas dan tanggungjawab mestilah dinyatakan secara bertulis. Adalah didapati kakitangan kewangan yang ditugas mengutip wang telah diberi surat kebenaran secara bertulis.

### **41.2.2 Kawalan Borang Hasil**

Arahan Perbendaharaan 67 menghendaki supaya Daftar Borang Hasil (Kew. 67) diselenggarakan bagi mengawal semua penerimaan dan pengeluaran borang hasil manakala Arahan Perbendaharaan 66(a) menetapkan supaya semua borang hasil yang diterima hendaklah disemak serta disahkan kebetulannya dari segi bilangan dan nombor siri. Pihak Audit mendapati borang hasil tidak disemak sebelum digunakan.

### **41.2.3 Penyimpanan Buku Resit dan Kupon**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 68, semua stok resit dan kupon yang tidak digunakan hendaklah disimpan di tempat yang selamat dan berkunci. Pemeriksaan Audit mendapati kesemua buku kupon pasar malam disimpan dalam bilik juruwang. Manakala buku resit (Kew. 38) telah disimpan dalam peti besi. Selain itu, sebanyak 102 buah buku resit nombor siri 21801 hingga 32000 yang dicatat dalam daftar tidak dapat dikemukakan untuk pengesahan Audit.

### **41.2.4 Sistem Berkomputer Kutipan Hasil**

Majlis telah menggunakan sistem berkomputer LOGINS untuk membuat kutipan hasil. Laporan terperinci yang dikeluarkan oleh sistem terdiri daripada Jurnal Kutipan Harian dan Laporan Kutipan Harian. Tidak ada bukti menunjukkan laporan terperinci yang dikeluarkan melalui sistem pengkomputeran itu disemak secara harian oleh pegawai yang bertanggungjawab. Pindaan pada laporan juga tidak disahkan oleh pegawai penyelia.

#### **41.2.5 Akaun Tunai Bulanan**

Arahan Perbendaharaan 144 hingga 147 menggariskan tatacara mengenai pengendalian Buku Tunai dan penyediaan penyata penyesuaian bank. Antaranya, catatan di Buku Tunai hendaklah dibuat mengikut turutan urus niaga yang berlaku. Pada hujung hari Ketua Pejabat bertanggungjawab menentukan baki Buku Tunai tidak terlebih dikeluarkan dan wang dalam tangan adalah sama dengan baki Buku Tunai. Setiap akhir bulan, penyata penyesuaian bank hendaklah disediakan. Semakan Audit mendapati Buku Tunai yang diselenggarakan oleh Majlis adalah teratur iaitu mengikut turutan urus niaga dan tanpa mempunyai sebarang pindaan yang dilarang. Majlis juga telah menyediakan penyata penyesuaian bank setiap bulan. Walaupun demikian tiada bukti yang menunjukkan Buku Tunai tersebut telah disemak oleh pegawai yang menyelia.

#### **41.2.6 Daftar Mel**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 71, Daftar Mel hendaklah diselenggarakan bagi merekodkan penerimaan wang dan dokumen atau barang berharga yang diterima melalui pos atau penghantar. Pihak Majlis telah menyelenggarakan Daftar tersebut. Walaupun demikian Daftar ini tidak mencatatkan nombor resit. Tanpa mencatatkan nombor resit, pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada Daftar disemak dengan Buku Tunai bagi memastikan semua kutipan yang tercatat di Daftar Mel diambil kira di Buku Tunai.

#### **41.2.7 Serahan Wang Ke Bank**

Menurut Arahan Perbendaharaan 78(a) Majlis hendaklah memasukkan semua kutipan wang tunai melebihi RM500 atau RM2,000 termasuk cek, wang pos dan kiriman wang ke bank pada hari kutipan atau selewat-lewatnya pada keesokan hari bekerja. Semakan Audit terhadap pungutan bulan November 2004 mendapati Majlis telah lewat memasukkan wang ke bank antara 2 hingga 6 hari.

#### **41.2.8 Penyemakan Slip Bayar Masuk Bank**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 80(e), pegawai yang bertanggungjawab hendaklah menyemak setiap slip bayar masuk bank selepas kutipan dimasukkan ke bank. Tujuannya untuk memastikan jumlah yang dimasukkan ke bank adalah bersamaan dengan rekod penyerahan wang. Semakan Audit terhadap semua slip bayar masuk bank bulan November dan Disember 2004 mendapati Majlis tidak mematuhi arahan tersebut. Sebagai langkah kawalan dalaman, pegawai penyelia hendaklah membuat semakan terhadap kutipan harian dan slip bayar masuk bank setiap hari.

#### **41.2.9 Peti Besi**

Arahan Perbendaharaan 125 menghendaki Pejabat dilengkapi dengan sebuah peti besi atau bilik kebal yang mempunyai 2 kunci berasingan yang mana setiap satunya dipegang oleh pegawai berasingan. Peti besi yang ada di Majlis tidak dicantumkan

dengan kukuh pada rangka bangunan dan hanya mempunyai 1 anak kunci. Setelah membuat anak kunci tambahan, Jabatan kini mempunyai 2 anak kunci yang sama dan setiap satunya dipegang oleh Penolong Akauntan (W27) dan Juruwang/Pembantu Akauntan (W17). Tiada bukti yang menunjukkan pegawai yang bertanggungjawab telah mengesah dan memperakui kandungan peti besi selaras dengan kehendak Arahan Perbendaharaan 125.

#### **41.2.10 Pemeriksaan Rekod Hasil**

Tiada bukti yang menunjukkan Ketua Jabatan atau pegawai yang bertanggungjawab telah memeriksa dan menyemak setiap hari semua catatan yang dibuat di buku resit dan lesen, Buku Tunai dan buku akaun yang lain atau laporan komputer selaras dengan Arahan Perbendaharaan 80(b).

#### **41.2.11 Pemeriksaan Mengejut**

Arahan Perbendaharaan 309 menetapkan supaya setiap pegawai yang menjaga sesuatu pejabat mengadakan pemeriksaan mengejut tidak kurang daripada 6 bulan sekali. Pemeriksaan yang dijalankan hendaklah meliputi setiap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas lain untuk wang dalam jagaan seseorang pegawai. Hasil pemeriksaan mengejut hendaklah direkodkan. Semakan Audit mendapati bagi sepanjang tahun 2004, Majlis tidak melaksanakan pemeriksaan mengejut.

#### **41.2.12 Hasil Lesen Dan Sewaan**

Laporan pelesen aktif tetapi tidak membayar lesen bagi tahun 2004 tidak disediakan oleh Majlis. Adalah disyorkan supaya Majlis menyediakan program yang lebih khusus agar maklumat seumpama ini juga dapat disediakan oleh sistem pengkomputeran. Selain itu adalah didapati Majlis telah mewajibkan pemegang lesen membeli *apron* sebelum pembaharuan lesen dibuat. Hasil penjualan *apron* tersebut tidak dimasukkan sebagai hasil Majlis.

#### **41.2.13 Kehilangan Wang Awam**

Majlis telah melaporkan kehilangan wang pungutan di Bahagian Lesen berjumlah RM47,933 menerusi Laporan Permulaan pada bulan Januari 2004. Mengikut Laporan itu, kehilangan ini berlaku bagi tempoh bulan Oktober 2003 hingga Disember 2003 disebabkan oleh penyelewengan wang pungutan oleh seorang kakitangan Majlis. Sejumlah RM30,518 telah dibayar balik oleh kakitangan Majlis tersebut pada tahun 2003 dan sehingga bulan Disember 2004, ianya masih berbaki RM17,415. Kes ini dirujuk kepada Lembaga Tatatertib untuk tindakan selanjutnya. Majlis belum menyediakan laporan akhir bagi kes kehilangan tersebut.

**Pada pendapat Audit, kawalan hasil Majlis adalah kurang memuaskan disebabkan penyeliaan tidak dilaksanakan dengan teratur.**

### **41.3 KAWALAN PERBELANJAAN**

Pada tahun 2004, perbelanjaan mengurus Majlis berjumlah RM5.3 juta dan perbelanjaan pembangunan berjumlah RM0.17 juta. Berikut adalah penemuan Audit mengenai kawalan terhadap perbelanjaan Majlis.

#### **41.3.1 Penurunan kuasa**

Arahan Perbendaharaan 11 menyatakan bahawa kewajipan kewangan dan perakaunan bagi setiap pegawai yang bekerja di bawah seseorang Pegawai Pengawal hendaklah dinyatakan dengan jelas olehnya, setakat mana dibenarkan, tugas dan tanggungjawab mestilah dinyatakan secara bertulis. Semakan Audit mendapati Majlis telah menurunkan perwakilan kuasa secara bertulis kepada pegawai yang menandatangani cek, baucar, inden kerja dan Pesanan Tempatan.

#### **41.3.2 Penyelenggaraan Buku Vot**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 95 dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1987, Buku Vot hendaklah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Semua peruntukan yang diluluskan, perbelanjaan, tanggungan, pindah peruntukan dan baki masih ada hendaklah direkodkan dengan betul di Buku Vot. Pemeriksaan Audit mendapati Buku Vot Majlis bagi tahun 2004 adalah tidak lengkap dan kemas kini. Tiada bukti yang menunjukkan Buku Vot disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab setiap kali Pesanan Tempatan dan baucar dikeluarkan untuk memastikan peruntukan masih ada.

#### **41.3.3 Kawalan Perolehan**

Agensi kerajaan yang diberi peruntukan Kerajaan Negeri adalah dikehendaki mematuhi peraturan yang ditetapkan termasuk peraturan mengenai perolehan kerja. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

##### **a) Inden Kerja**

Majlis ada mengeluarkan inden kerja bagi kerja yang dilaksanakan melalui sebut harga dan jadual harga. Sepanjang tahun 2004, Majlis telah mengeluarkan 5 inden kerja bernilai RM0.38 juta. Semakan Audit ke atas inden kerja yang dikeluarkan mendapati kesemuanya ditandatangani oleh Setiausaha Majlis. Inden yang dikeluarkan diberi nombor siri sebagai kawalan. Ada juga bukti bahawa inden kerja disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab selepas perakuan kerja yang dilaksanakan telah selesai bagi tujuan pembayaran.

##### **b) Tender Kerja**

Pada tahun 2004, Majlis telah mempelawa 3 tender bernilai RM2.02 juta untuk melaksanakan projek pembangunan. Adalah didapati proses pembukaan, penilaian dan pemilihan tender dilakukan oleh Jawatankuasa yang berasingan.

Arahan Perubahan Kerja diluluskan oleh Jawatankuasa Perubahan Kerja yang terdiri daripada Pembantu Teknik, Setiausaha Majlis dan Yang Di Pertua Majlis.

#### **41.3.4 Pesanan Tempatan**

Pesanan Tempatan yang dikeluarkan oleh Majlis tidak diurus mengikut kehendak Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1971. Tarikh barang dibekalkan atau perkhidmatan dilaksanakan tidak dicatat pada salinan pertama dan salinan pejabat. Maklumat sama ada barang yang dipesan telah diterima dan dikeluarkan untuk terus digunakan atau disimpan dan dibukukan dalam lejar tidak dicatat.

#### **41.3.5 Daftar Bil**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 103 dan pindaannya melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 2002, Daftar Bil hendaklah diselenggarakan bagi merekodkan semua bil yang diterima. Ini bertujuan untuk memastikan yang semua bil yang diterima dapat dijelaskan dalam tempoh sebulan dari tarikh ianya diterima. Arahan tersebut juga menetapkan agar Ketua Pejabat memeriksa Daftar Bil sekurang-kurangnya sekali sebulan. Semakan Audit mendapati Daftar Bil yang diselenggarakan oleh Majlis adalah tidak lengkap dan kemas kini. Tiada bukti bahawa Ketua Pejabat telah menyemak Daftar tersebut sebagaimana kehendak Arahan Perbendaharaan.

#### **41.3.6 Baucar Bayaran**

Semua baucar bayaran dan dokumen sokongan hendaklah ditebuk atau dicop telah dibayar bagi menunjukkan yang pembayaran telah dibuat. Ini untuk mengelakkan dokumen tersebut digunakan semula untuk dibuat pembayaran kali kedua. Adalah didapati Majlis tidak mengecap "Telah Bayar" bagi baucar dan dokumen sokongan.

**Pada pendapat Audit, penyeliaan oleh pegawai yang bertanggungjawab hendaklah dipertingkatkan. Sebagai bukti semakan telah dijalankan, pegawai yang menyemak hendaklah menurunkan tandatangan ringkas ke atas rekod yang disemak.**

### **41.4 PENGURUSAN AKAUN DEPOSIT DAN KUMPULAN WANG AMANAH**

Majlis menyelenggarakan satu akaun deposit wang pertaruhan dan satu kumpulan wang amanah pinjaman kenderaan. Hasil pemeriksaan Audit terhadap akaun yang dikendalikan itu adalah seperti berikut:

#### **41.4.1 Deposit Wang Pertaruhan**

Majlis menerima pelbagai jenis deposit seperti deposit sewaan gerai, sewaan gelanggang badminton, sewaan khemah, sewaan kerusi dan sewaan meja dan deposit kebersihan. Akaun individu bagi setiap jenis deposit tersebut ada diselenggarakan oleh Majlis.



#### **41.4.2 Pinjaman Kenderaan**

Pemeriksaan Audit telah dijalankan terhadap fail pinjaman kenderaan bagi 3 peminjam yang masih berhutang untuk memastikan sama ada peraturan yang ditetapkan menerusi Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 dan 8 Tahun 1993 telah dipatuhi. Adalah didapati surat perjanjian pinjaman telah disediakan dengan teratur. Maklumat kelulusan pinjaman telah direkodkan ke Buku Rekod Perkhidmatan Kakitangan (peminjam). Manakala bayaran balik pinjaman melalui potongan gaji telah dibuat dengan teratur. Bagaimanapun, salinan resit pembelian, sijil insurans kenderaan dan buku pendaftaran kenderaan yang dicatat "Hak Milik Dituntut oleh Majlis" tidak dapat dikemukakan untuk pengesahan Audit.

**Pada pendapat Audit, pengurusan Akaun Amanah dan deposit adalah memuaskan.**

### **41.5 PENGURUSAN ASET DAN INVENTORI**

Aset Majlis terdiri daripada bangunan, kenderaan, perabot dan kelengkapan pejabat. Peraturan menghendaki semua aset dikawal, direkodkan dengan lengkap dan kemas kini. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

#### **41.5.1 Daftar Harta Modal dan Inventori**

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1991, barangan yang bernilai RM500 dan ke atas dikategorikan sebagai harta modal dan direkodkan di Daftar Harta Modal manakala yang bernilai RM500 dan ke bawah dikelaskan sebagai inventori dan direkodkan di Daftar Inventori. Majlis masih belum menyelenggarakan kedua Daftar tersebut. Semakan Audit terhadap rekod penjenisan aset yang diselenggarakan mendapati ianya tidak lengkap dan kemas kini oleh kerana pertambahan aset dan aset yang telah dilupuskan masih belum direkodkan. Harta modal dan inventori Majlis tidak diberi nombor siri pendaftaran. Tatacara Pengurusan Stor perenggan 238 hingga 240 yang menghendaki Ketua Jabatan membuat pemeriksaan terhadap harta modal dan inventori telah tidak dilaksanakan.

#### **41.5.2 Pengurusan Kenderaan**

Majlis mempunyai 11 buah kenderaan pelbagai jenis. Majlis ada melantik seorang pegawai pengangkutan untuk mengendali dan mengurus kenderaan kepunyaan Majlis. Semakan Audit terhadap pengurusan kenderaan mendapati perkara seperti berikut:

##### **a) Buku Log**

Buku log merupakan dokumen penting bagi merekodkan butiran penggunaan kenderaan seperti tujuan, jarak perjalanan, pegawai yang mengguna dan pegawai yang memberi kuasa serta butiran penggunaan minyak setiap bulan. Sungguhpun Majlis menyelenggarakan Buku Log bagi setiap kenderaannya tetapi tiada bukti yang menunjukkan buku tersebut disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab.

#### **b) Penggunaan Kad Inden Minyak**

Pembelian minyak untuk kenderaan Majlis dibuat dengan menggunakan Kad Inden Minyak. Sehubungan ini, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 1999 menggariskan tindakan yang perlu diambil berhubung dengan penggunaan kad inden minyak, antaranya adalah supaya resit yang dikeluarkan dari pam petrol disimpan, dikumpulkan, disusun mengikut tarikh belian petrol dan disemak dengan penyata pembelian bulanan untuk tujuan pengesahan. Semakan Audit mendapati Majlis tidak mematuhi peraturan ini.

#### **41.5.3 Stor Penyimpanan Barang**

Sungguhpun Majlis mempunyai sebuah stor penyimpanan tetapi tidak diurus dengan kemas dan teratur di mana barangan yang berlebihan berada dalam stor seperti baja dan tong sampah. Ada 1 mesin rumput yang rosak tersimpan dalam stor. Ini menyebabkan ruang stor menjadi sempit. Atap stor pula bocor dan dimasuki air apabila hujan. Baki sebenar barangan stor tidak diketahui kerana Majlis tidak mengemukakan Buku Stok semasa pemeriksaan Audit. Majlis hendaklah menyelenggarakan stor dengan kemas dan teratur serta menyelenggarakan rekod yang lengkap dan kemas kini. Verifikasi stor juga hendaklah dijalankan bagi memastikan baki mengikut rekod bersamaan dengan baki stor fizikal.

#### **41.5.4 Pelupusan Aset dan Inventori**

Mengikut Tatacara Pengurusan Stor 226, adalah menjadi kewajipan Pegawai Pengawal untuk menentukan bahawa semua harta Kerajaan yang usang dan tidak ekonomik untuk dibaiki dilupuskan. Semakan Audit mendapati peralatan seperti kerusi, meja dan tong sampah beroda yang usang belum diambil tindakan untuk melupuskannya.

**Pada pandangan Audit, pengurusan aset dan stor adalah kurang memuaskan dan perlu diperbaiki.**

#### **41.6 PENGURUSAN PELABURAN**

Pada tahun 2004, pelaburan Majlis berjumlah RM0.92 juta dan kesemuanya dalam bentuk simpanan tetap. Semakan Audit mendapati semua urusan pelaburan dibuat oleh Setiausaha Majlis. Untuk memastikan Majlis mendapat pulangan terbaik setiap pelaburan hendaklah mendapat kelulusan Ahli Majlis Mesyuarat Penuh. Majlis tidak menyelenggarakan Daftar Simpanan Tetap untuk mencatatkan maklumat berkaitan.

**Pada pandangan Audit, pengurusan pelaburan kurang memuaskan.**

#### **41.7 PENGURUSAN PINJAMAN**

Mengikut perkara 49, Akta Kerajaan Tempatan 1976, pihak berkuasa dari semasa ke semasa boleh mendapatkan pinjaman. Semakan Audit mendapati pihak Majlis ada membuat pinjaman sejumlah RM0.80 juta dengan Kerajaan Negeri untuk membiayai pembinaan Pasar Rembau pada tahun 2003. Namun demikian, perjanjian pinjaman antara Majlis dengan Kerajaan Negeri masih belum dimeterai sehingga bulan Disember 2004.

**Pada pandangan Audit, pengurusan pinjaman Majlis perlu diperkemas.**

#### **42. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Berdasarkan pengauditan yang dijalankan mendapati pengurusan kewangan Majlis perlu dipertingkatkan. Pihak yang bertanggungjawab telah mengabaikan tanggungjawab seperti menyemak, mengawasi dan memantau kerja harian kakitangan mereka. Keadaan ini mendorong kepada berlakunya penyelewengan. Demi meningkatkan akauntabiliti awam, adalah disyorkan pegawai kanan Majlis memantau dan menyelia dengan rapi kerja yang dijalankan oleh kakitangan mereka khususnya yang berkaitan dengan kewangan dan akaun.

## **PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN**

### **PENGURUSAN HARTANAH**

#### **43. LATAR BELAKANG**

Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan (Perbadanan) telah ditubuhkan pada 22 Mac 1969 melalui Enakmen No.4 Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan 1969. Perbadanan ditubuhkan bagi memainkan peranan sebagai sebuah agensi pembangunan yang berkeupayaan, cekap, teguh dan berdaya maju. Perbadanan diberi tanggungjawab bagi memimpin, menyertai dan menggalak penyertaan proses perubahan sosioekonomi ke arah mencapai matlamat pembangunan negara. Misi Perbadanan adalah untuk menggalakkan pembangunan Negeri Sembilan dan menjadi Agensi Amanah untuk melaksanakan dasar pembangunan Kerajaan ke arah mencapai taraf Negeri Maju menjelang tahun 2020.

Bagi mencapai matlamatnya, Perbadanan telah mengaturkan beberapa program seperti memajukan sektor perindustrian, sektor perdagangan, pembangunan bandar baru, pengurusan hartanah, pelaburan saham dan pembangunan usahawan Bumiputera. Dalam bidang pengurusan hartanah, Perbadanan bertindak sebagai pemaju perumahan, membina dan menjual rumah, rumah kedai, hotel, kondominium dan pusat rekreasi dengan pihak swasta.

Pada tahun 2003, pendapatan Perbadanan dari pengurusan hartanah yang terdiri daripada sewaan dan pajakan berjumlah RM2.6 juta, keuntungan projek pembangunan berjumlah RM2.5 juta dan keuntungan jualan/pelupusan hartanah, loji dan peralatan berjumlah RM4.4 juta. Nilai projek pembangunan yang dicatatkan sebagai harta tetap pula berjumlah RM35.5 juta.

#### **44. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan hartanah Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi mencapai matlamatnya.

#### **45. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN**

Kajian pengurusan hartanah ini adalah meliputi pengauditan terhadap pengurusan tanah, bangunan komersial, bangunan kediaman dan projek perumahan Perbadanan bagi tempoh tahun 2002 hingga 2004. Semakan Audit dijalankan terhadap rekod, fail dan dokumen di Bahagian Kewangan, Bahagian Teknikal, Bahagian Pembangunan dan

Bahagian Pengurusan Harta Perbadanan. Selain itu, temu bual dengan pegawai Perbadanan dilakukan dan lawatan ke premis dan tanah milik Perbadanan juga diadakan.

## **46. PENEMUAN AUDIT**

### **46.1 PERANCANGAN**

Perancangan merupakan satu komponen penting bagi menentukan sesuatu aktiviti dapat dilaksanakan dengan lancar dan mencapai objektif. Pemeriksaan Audit terhadap perancangan pengurusan hartanah Perbadanan mendapati beberapa perkara seperti berikut:

#### **46.1.1 Dasar Kerajaan**

Dasar Kerajaan akan memberi penekanan kepada semua perancangan yang dibuat terhadap pengurusan hartanah Perbadanan. Perbadanan sebagai organisasi Kerajaan Negeri yang berperanan membangunkan sosioekonomi negeri akan memastikan peranan yang dimainkan sentiasa relevan dan berterusan. Selaras dengan penubuhan Perbadanan yang bertujuan membangunkan sosioekonomi negeri berdasarkan kepada Dasar Ekonomi Baru, keutamaan diberi kepada Bumiputera. Perbadanan berperanan untuk menyediakan kediaman dan kemudahan infrastruktur serta memastikan pembangunan yang seimbang antara pembangunan fizikal dan spiritual.

#### **46.1.2 Undang-undang dan Peraturan**

Mengikut Seksyen 13 Enakmen Perbadanan No. 4 Tahun 1969, Perbadanan adalah bertanggungjawab untuk mengembangkan atau mengusahakan kemajuan berkenaan dengan kediaman, perusahaan, pertanian dan perdagangan bagi kawasan di Negeri Sembilan termasuk mengembangkan atau mengusahakan sebarang jenis urusan perniagaan dan perdagangan termasuk hartanah. Pengurusan hartanah Perbadanan terdiri dari beberapa aktiviti seperti membina dan menjual rumah kediaman, rumah kedai, bangunan/kompleks perniagaan dan rumah pangsa.

#### **46.1.3 Kajian Kemungkinan**

Sebelum Perbadanan melaksanakan sebarang projek, kajian kemungkinan akan dilakukan dan hasilnya akan dilaporkan dalam kertas kerja yang akan dibentangkan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan juga Mesyuarat Lembaga Pengarah. Seterusnya mesyuarat berkenaan akan membuat keputusan sama ada kertas kerja yang dibentangkan akan diluluskan atau tidak.

#### **46.1.4 Sasaran Pendapatan Daripada Projek**

Hasil yang akan dikutip oleh Perbadanan adalah terdiri daripada sewaan dan penjualan hartanahnya. Bagi tempoh tahun 2002 hingga 2004 hasil yang dianggarkan dapat dikutip adalah berjumlah RM45.50 juta. Perbelanjaan Perbadanan yang terdiri daripada perbelanjaan mengurus dan kerja penyelenggaraan adalah dianggarkan berjumlah

RM13 juta bagi tempoh yang sama. Anggaran hasil dan perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 31**.

**Jadual 31**  
**Anggaran Hasil dan Perbelanjaan**

Tahun	Perkara	Anggaran	
		Hasil (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)
2002	Projek Pembangunan	2.56	8.70
	Hartanah	7.06	0.38
2003	Projek Pembangunan	2.56	0.86
	Hartanah	7.07	0.28
2004	Projek Pembangunan	2.56	2.40
	Hartanah	4.48	0.38
	<b>Jumlah</b>	<b>45.50</b>	<b>13.00</b>

*Sumber : Rekod Perbadanan*

#### **46.1.5 Komponen Hartanah**

Tanah dan bangunan merupakan komponen utama hartanah Perbadanan. Perbadanan akan membuat perancangan untuk membangunkan tanah yang ada. Bangunan milik Perbadanan terdiri daripada bangunan kediaman yang akan dijual dan bangunan perniagaan yang dirancang untuk dijual serta disewakan.

#### **46.1.6 Kaedah Pelaksanaan**

Antara aktiviti yang akan dijalankan oleh Perbadanan menguruskan hartanahnya adalah seperti berikut:

##### **a) Penyewaan**

Bahagian Pengurusan Harta bertanggungjawab untuk menguruskan penyewaan harta Perbadanan. Tanggungjawab tersebut terletak pada Bahagian Pengurusan Harta untuk mengiklankan penyewaan premis serta menguruskan proses penyewaan. Setiap penyewa akan dikenakan bayaran wang deposit serta menandatangani perjanjian sewa sebelum dibenarkan mendiami premis berkenaan. Bahagian ini akan menyimpan dokumen perjanjian, menyediakan Daftar Penyewa yang mengandungi maklumat deposit, kadar sewa yang dikenakan, sewa yang dijelaskan, tempoh perjanjian yang ditandatangani dan lokasi premis yang disewakan.

##### **b) Pajak Tanah**

Ada beberapa bidang tanah Perbadanan yang akan dipajakan. Dalam proses ini, perjanjian pajakan akan ditandatangani di mana syarat seperti tempoh pajakan dan jumlah bayaran yang dikenakan akan dinyatakan.

#### **c) Projek Pembangunan Tanah**

Semua tanah Perbadanan akan dibangunkan dengan menjalankan projek yang dirancang serta diluluskan di bawah Rancangan Malaysia dan Bajet Perbadanan. Projek ini akan dilaksanakan mengikut program/aktiviti yang telah ditentukan. Projek akan dirancang selari dengan objektif Perbadanan untuk memberi khidmat yang terbaik, cekap dan berdaya maju dalam pembangunan bandar, kawasan perindustrian, projek rekreasi dan institusi pendidikan sama ada secara persendirian atau usaha sama. Selain itu, projek ini juga akan dapat mempertingkatkan peluang pelaburan, pekerjaan serta pertumbuhan ekonomi dan seterusnya memberi pulangan yang menguntungkan kepada Perbadanan. Projek perumahan, pembukaan tanah lot industri dan pertanian serta projek pembinaan kompleks perniagaan adalah antara aktiviti pembangunan tanah yang akan dilaksanakan.

#### **d) Pembelian Premis Perniagaan dan Kediaman**

Selain dari melaksanakan projek pembinaan, Perbadanan juga akan membeli rumah kedai dan rumah kediaman. Perbadanan akan membeli bangunan daripada pemaju dan bayaran akan dibuat mengikut pelaksanaan atau kemajuan kerja. Bangunan yang dibeli akan disewakan bagi menambah pendapatan Perbadanan.

#### **46.1.7 Keperluan Kewangan**

Perbadanan merancang untuk membiayai projek dan pembelian hartanahnya daripada sumber kewangan dalaman dan pinjaman daripada bank tempatan, pinjaman Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri. Jumlah pembiayaan bagi tempoh tahun 2002 hingga 2004 adalah dianggarkan berjumlah RM76.45 juta

#### **46.1.8 Kaedah Pengurusan Hartanah**

Bahagian yang terlibat dengan pengurusan hartanah Perbadanan ialah Bahagian Pembangunan, Bahagian Pengurusan Harta, Bahagian Teknikal, Bahagian Perdagangan, Bahagian Perindustrian dan Bahagian Kewangan.

Bahagian Pembangunan akan bertanggungjawab merancang serta mengurus projek baru secara tender. Setelah Bahagian Pembangunan selesai menguruskan tender sesuatu projek, pelaksanaan projek akan diuruskan oleh Bahagian Teknikal. Bahagian Teknikal akan bertanggungjawab melaksanakan kerja teknikal yang diperlukan. Setelah projek siap dilaksanakan, ia akan diserahkan ke Bahagian Pengurusan Harta. Bahagian ini akan bertanggungjawab terhadap projek yang telah disiapkan untuk dijual atau disewakan. Ia juga terlibat dengan pemasaran dan perjanjian jual beli serta sewa, segala urusan berkaitan dengan tanah, seperti pemilikan, penukaran syarat, pendaftaran, bayaran premium, penyerahan kepada kontraktor, penyerahan kepada pejabat peguam dan penyimpanan geran tanah. Hasil daripada penjualan dan penyewaan hartanah akan dikutip oleh Bahagian Kewangan. Bahagian Kewangan juga akan bertanggungjawab membuat bayaran kemajuan kepada kontraktor yang

melaksanakan projek pembangunan Perbadanan serta menyelenggarakan rekod perakaunan seperti akaun deposit, akaun penghutang, akaun pemiutang serta mengeluarkan inuis dan resit. Bahagian Perindustrian akan bertanggungjawab bagi mengenal pasti projek perindustrian yang akan dijalankan termasuk pelaksanaan projek tersebut. Bahagian Perindustrian juga akan bertanggungjawab bagi memasarkan lot industri. Pengurusan harta Perbadanan diurus oleh Bahagian Perdagangan yang bertanggungjawab menguruskan penyewaan lot perniagaan di kompleks membeli belah Terminal One, Seremban. Antara perkara yang akan dilaksanakan oleh Bahagian Pengurusan Harta ialah merancang pembangunan kompleks perniagaan, kawasan perindustrian dan rumah seperti yang dirancang semasa Rancangan Malaysia. Selain itu ia juga akan bertanggungjawab terhadap penjualan, penyewaan dan penyelenggaraan harta dan penyimpanan rekod mengenainya.

#### **46.1.9 Promosi**

Bahagian Pengurusan Harta dipertanggungjawabkan untuk mempromosi dan memasarkan bangunan, rumah dan rumah kedai yang dirancang untuk dijual. Setelah sesuatu projek itu diluluskan, papan kenyataan dan kain rentang akan dinaikkan dengan tujuan memaklumkan kepada orang ramai mengenai projek yang akan dijalankan. Bakal pembeli akan berhubung dengan pihak Perbadanan bagi mendapatkan maklumat lanjut. Bakal pembeli yang berminat akan mengisi borang permohonan pembelian. Sebelum hari pelancaran, bakal pembeli akan diberitahu mengenai tarikh pelancaran. Pada hari pelancaran, pembeli akan memilih lot rumah atau rumah kedai serta membayar wang pendahuluan sebanyak 10%. Surat perjanjian juga akan ditandatangani antara pembeli dengan Perbadanan. Bahagian Kewangan akan melakukan proses tuntutan bayaran kemajuan kepada pembeli sehingga selesai.

#### **46.1.10 Penyelenggaraan**

Penyelenggaraan bangunan diperlukan untuk memastikan bangunan Perbadanan sentiasa bersih, berada dalam keadaan baik dan selesa untuk didiami. Perbadanan mempunyai senarai kontraktor berdaftar untuk tujuan penyelenggaraan bangunan. Senarai kontraktor berdaftar di bawah tanggungjawab Bahagian Pembangunan dan pelantikan kontraktor berdasarkan kepakaran untuk menjalankan kerja penyelenggaraan yang perlu dibuat. Ini disebabkan Perbadanan kekurangan kakitangan dan kepakaran menjalankan tugas penyelenggaraan. Pelantikan kontraktor akan dibuat mengikut prosedur yang ditetapkan. Sebut harga disediakan berdasarkan kerja penyelenggaraan yang akan dilakukan. Unit Penyelenggaraan yang merupakan satu unit di bawah Bahagian Teknikal bertanggungjawab untuk menyelenggarakan 2 jenis bangunan Perbadanan iaitu bangunan untuk disewakan serta bangunan untuk dijual. Bangunan Perbadanan yang dibina bagi tujuan untuk disewakan perlu diselenggarakan sama ada bangunan yang baru siap atau yang dikosongkan oleh penyewa lama. Manakala bangunan Perbadanan yang siap dibina tetapi masih belum ada pembeli akan diselenggarakan bagi tujuan penjualan. Oleh itu penyelenggaraan perlu dibuat untuk memastikan bangunan tersebut sentiasa berada di dalam keadaan sempurna



untuk dijual. Penyelenggaraan juga dibuat sekiranya pembeli membuat aduan kerosakan semasa mengambil kunci atau pun potongan diberi daripada harga jualan sekiranya pembeli menyenaraikan kerosakan dan membuat pilihan untuk membaiki sendiri.

#### **46.1.11 Kaedah Pemantauan**

Pengurusan hartanah Perbadanan akan dipantau oleh Jawatankuasa Pengurusan, Jawatankuasa Kutipan Hutang Dan Penyelenggaraan Bangunan dan Lembaga Pengarah. Perjalanan pengurusan hartanah akan dibincangkan semasa mesyuarat.

**Pihak Audit berpendapat Perbadanan telah merancang dan membuat unjuran daya maju bagi perolehan bangunan untuk penjualan dan penyewaan. Bagaimanapun analisis kemungkinan projek yang melibatkan aspek permintaan, keupayaan kewangan dan risiko yang mungkin dihadapi kurang dititikberatkan.**

## **46.2 PELAKSANAAN**

Pelaksanaan yang baik adalah berdasarkan kepada perancangan yang disediakan sejajar dengan pelan perancangan untuk menjamin objektif dapat dicapai. Pemeriksaan Audit mendapati beberapa perkara seperti berikut:

### **46.2.1 Undang-undang dan Peraturan**

Seksyen 14 Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Sembilan No. 4 Tahun 1969 memperuntukkan bahawa Perbadanan boleh melaksanakan perkara berikut:

- a) Membeli, menukar, memajak dan memiliki tanah, bangunan dan lain-lain harta benda yang tiada boleh berpindah;
- b) Membina rumah, rumah pangsa, tempat tinggal, kedai dan rumah kedai, mengubah mana-mana rumah, kedai, atau rumah kedai menjadi rumah pangsa atau tempat tinggal;
- c) Membeli, menukar, memajak dan memiliki tanah bagi maksud memaju dan menjual kepada orang ramai sebagai lot rumah dan bagi maksud mengadakan tempat-tempat lapang dan padang permainan;
- d) Membuat apa-apa kerja di atas tanah yang dikehendaki bagi memajukannya sebagai tanah bangunan;
- e) Membeli, menukar memajak dan memiliki tanah lombong, pertanian dan kayu balak untuk tujuan melombong, memajukan pertanian dan membalak.
- f) Menjual tanah, bangunan atau lain-lain harta yang tiada boleh berpindah;
- g) Memajakkan menurut syarat mana-mana undang-undang yang berjalan kuat kuasanya dalam Negeri ini berkenaan dengan tanah, dari sebulan ke sebulan atau lainnya, mana-mana tanah atau bangunan atau harta lain yang tiada boleh berpindah dengan sekian sewa dan menurut sekian perjanjian dan syarat yang difikirkan patut oleh Perbadanan;

- h) Membuat kontrak dengan pihak lain bahawa untuk membina atau membuat apa kerja bagi pihak Perbadanan.

**Pihak Audit berpendapat semua aktiviti yang dilaksanakan oleh Perbadanan adalah mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.**

#### **46.2.2 Kajian Kemungkinan**

Perbadanan telah menjalankan kajian kemungkinan bagi projek yang merupakan pelaburan baginya serta mendatangkan keuntungan. Antara kajian kemungkinan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

##### **a) Kompleks Perniagaan Bumiputera Di Seremban**

Objektif projek ini adalah untuk mengumpulkan peniaga Bumiputera dalam suatu kompleks perniagaan moden di lokasi yang strategik dalam bandar besar dan menyediakan ruang niaga pada kadar yang mampu dibiayai oleh mereka dan dapat bersaing dengan peniaga bukan Bumiputera. Projek dijalankan di atas tanah Perbadanan yang seluas 6 ekar di Seremban 2. Bagi tujuan ini, Perbadanan memohon pinjaman bank sejumlah RM8 juta dengan kadar faedah 5% dan dibayar pada tempoh 15 tahun. Kawasan ini akan menerima kesan limpahan daripada pembangunan Daerah Seremban yang pesat membangun dan sumbangan kepada Daerah. Di samping itu, kajian terhadap projek ini melibatkan pengagihan perbelanjaan pembangunan, unjuran aliran tunai serta ramalan kadar pulangan dalaman. Hasil kajian ini menjangkakan Perbadanan dapat pulangan semula dalam tempoh 14 tahun.

##### **b) Pangsapuri Pekerja Industri Di Kawasan Perindustrian Nilai**

Projek ini dicadangkan untuk menyediakan kediaman untuk pekerja di sekitar Bandar Nilai. Perumahan ini juga akan menyediakan kemudahan sosial dan riadah yang secara tidak langsung membantu meningkatkan produktiviti. Perbadanan telah mengenal pasti masalah perumahan pekerja di kawasan perindustrian ini. Dalam pelan tindakannya, syor telah dibuat supaya asrama pekerja dibina. Perbadanan telah menyediakan kawasan perusahaan dengan infrastruktur yang lengkap bagi pembangunan industri. Projek ini akan dilaksanakan di atas tapak seluas 12 ekar bersebelahan kawasan perusahaan Nilai Utama. Apabila siap projek ini dijangka dapat menempatkan 3,600 orang pekerja. Pekerja boleh tinggal berhampiran dengan tempat kerja dan tidak menghadapi masalah pengangkutan. Projek ini juga akan menempatkan pekerja di kawasan yang lebih terancang dan selesa terutamanya pekerja yang berpendapatan rendah dan akan mengurangkan masalah sosial dan disiplin.

**Pihak Audit berpendapat Perbadanan perlu berhati-hati sebelum melaksanakan projek ini. Pada masa ini projek belum dilaksanakan kerana kawasan sekeliling**

tapak projek masih tidak membangun sepenuhnya. Ada banyak bangunan di sekitarnya yang tidak berpenghuni dan kerosakan harta benda amat ketara.

#### **46.2.3 Komponen Hartanah**

##### **a) Tanah**

Perbadanan memiliki 468 lot tanah yang terletak di sekitar Negeri Sembilan. Sejumlah 128 lot daripada tanah ini telah dibangunkan, 292 lot sedang atau dalam perancangan untuk dibangunkan, 11 lot dipajakkan dan 37 lot masih tanah kosong.

##### **b) Bangunan Kediaman**

Perbadanan telah membina 513 unit rumah di Taman Bukit Chedang Fasa 1 pada tahun 1984. Semua rumah ini telah habis dijual kecuali 40 unit di Taman Bukit Chedang Fasa 1 Tambahan yang belum dijual pada akhir tahun 2004. Bangunan kediaman yang dibina di 15 taman perumahan adalah seperti yang nyatakan pada **Jadual 36**. Selain itu, Perbadanan juga memiliki 160 unit pangsapuri di Bandar Baru Nilai dan 12 unit di Bayu Beach Resort, Port Dickson. Pangsapuri ini tidak dijual tetapi disewakan. Selain itu, pembinaan pangsapuri di Kota Impian Marina, Port Dickson terbengkalai dan salah satu daripada pangsapuri ini adalah milik Perbadanan.

##### **a) Bangunan Perniagaan**

Perbadanan memiliki 228 unit premis perniagaan yang disewakan. Lokasi premis yang dimaksudkan adalah seperti di **Jadual 32**.

#### **46.2.4 Kaedah Pelaksanaan**

Hartanah Perbadanan diuruskan dengan pelbagai cara bagi menambah pendapatannya serta melaksanakan fungsi penubuhan Perbadanan yang telah diamanahkan kepadanya. Kaedah yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

##### **a) Penyewaan**

Sehingga akhir tahun 2004, Perbadanan mempunyai 228 unit premis di seluruh Negeri Sembilan yang terdiri daripada rumah kedai dan apartmen untuk disewakan. Pada tahun 2004, hanya 36 unit premis sahaja yang ada penyewa. Taburan premis dan apartmen yang dimaksudkan adalah seperti di **Jadual 32**.

**Jadual 32**  
**Premis Dan Apartmen Perbadanan Yang Disewakan**

Bil.	Alamat	Bilangan (Unit)
1.	No. 161, Jln. Dato' Bandar Tunggal, Seremban	4
2.	No. 23H, Jalan Zaaba, Seremban	5
3.	No. 49-52, Jln Rahang/Jln Tuanku Antah, Seremban	5
4.	Lot No. 47 dan 52G, Seremban 2	2
5.	Lot 396 dan 397, Taman Bkt Chedang Fasa 1, Seremban	2
6.	Lot 475 dan 480, Bandar Baru Serting	4
7.	Lot 767 dan 769, Juasseh	4
8.	Lot 625 dan 628, Taman Serting Indah Fasa 11, Serting	2
9.	Kompleks Membeli Belah Terminal One, Seremban	28
10.	Apartmen Bayu Beach Resort	12
11.	Pangsapuri Sutera Indah, Bandar Baru Nilai	160
<b>Jumlah</b>		<b>228</b>

*Sumber : Rekod Perbadanan*

Semakan Audit mendapati seorang penyewa telah mendiami premis yang disewanya tanpa memperbaharui perjanjian sewa yang luput pada September 2004. Manakala 10 penyewa di Food Court Terminal One tidak menandatangani sebarang perjanjian sewa dengan Perbadanan. Semua penyewa berkenaan telah menandatangani perjanjian sewa dengan syarikat lain sebelum Perbadanan membeli lot-lot perniagaan ini daripada syarikat tersebut. Bagaimanapun, penyewa telah membayar sewa yang dikenakan kepada Perbadanan dan wang deposit yang dibayar kepada syarikat tersebut juga telah diserahkan kepada Perbadanan .

Sehingga akhir tahun 2004, tunggakan sewa oleh 15 penyewa bangunan Perbadanan berjumlah RM2.03 juta. Adalah didapati 9 daripada 15 penghutang ini masih mendiami premis Perbadanan dan tunggakan sewanya berjumlah RM1.89 juta. Perbadanan hendaklah bertindak lebih tegas bagi mengutip hutang ini termasuk mengambil tindakan undang-undang. Analisis terhadap penghutang sewa juga mendapati 7 penghutang yang usia tunggakannya melebihi 365 hari berjumlah RM0.15 juta.

**Pihak Audit berpendapat Perbadanan sepatutnya mengusahakan agar perjanjian baru dapat ditandatangani antara Perbadanan dengan penyewa bagi mengelakkan kemungkinan berlakunya sebarang pengingkaran perjanjian.**

**i) Apartmen Bayu Beach Resort**

Perbadanan mempunyai 12 unit apartmen di Bayu Beach Resort, Port Dickson yang dibeli pada tahun 1995 dengan harga RM1.51 juta. Hak milik strata bagi 12 unit apartmen ini telah diperolehi pada bulan April 2003. Sejak tahun 1995, Perbadanan telah menandatangani surat perjanjian dengan sebuah syarikat untuk membenarkan syarikat berkenaan menguruskan penyewaan apartmen berkenaan bagi

pihak Perbadanan. Perbadanan juga telah memperbaharui surat perjanjian dengan syarikat tersebut pada bulan Januari 2004 bagi pengurusan premis ini. Dalam perjanjian yang dimeterai, kedua belah pihak telah bersetuju 10% daripada pendapatan sewa dimasukkan kepada Dana Terikat (*Sinking Fund*) dan 20% lagi diambil oleh syarikat sebagai yuran pengurusan. Dana Terikat digunakan bagi menampung perbelanjaan penggantian peralatan dan kelengkapan serta kos pengubahsuaian. Kadar sewa bagi 12 unit apartmen ini adalah seperti di **Jadual 33**.

**Jadual 33**  
**Kadar Sewa Apartmen Bayu Beach Resort, Port Dickson**

Bil.	No. Apartmen	Bilangan Bilik	Kadar Sewa	
			Hari Biasa (RM)	Hujung Minggu (RM)
1.	A-G-1	2 bilik	248.00	380.00
2.	A-G-2	2 bilik	248.00	380.00
3.	B-5-10	1 bilik	168.00	240.00
4.	G-5-34	1 bilik	168.00	240.00
5.	A-4-1	2 bilik	248.00	380.00
6.	A-4-2	2 bilik	248.00	380.00
7.	G-P-34	Penthouse 2 bilik	248.00	380.00
8.	A-P-1	Penthouse 3 bilik	438.00	540.00
9.	A-P-2	Penthouse 3 bilik	438.00	540.00
10.	F-G-32	2 bilik	248.00	380.00
11.	G-G-34	1 bilik	168.00	240.00
12.	F-4-32	2 bilik	248.00	380.00

Sumber : Rekod Perbadanan

Pada tahun 2002 hingga 2004, Perbadanan telah menerima pendapatan bersih daripada penyewaan 12 unit apartmen di Bayu Beach Resort berjumlah RM66,785. Butiran pendapatan dan perbelanjaan berkaitan apartmen ini adalah seperti di **Jadual 34**.

**Jadual 34**  
**Pendapatan Dan Perbelanjaan Pangsapuri Perbadanan**  
**Di Bayu Beach Resort, Port Dickson Bagi Tahun 2002 Hingga 2004**

Tahun	Pendapatan (Bersih)  (RM)	Perbelanjaan (Kos Penyelenggaraan)  (RM)	Jumlah (Pendapatan Melebihi Perbelanjaan)  (RM)
2002	39,549.24	26,952.96	12,596.28
2003	57,310.53	22,264.72	35,045.81
2004	53,684.94	34,541.20	19,143.74
<b>Jumlah</b>	<b>150,544.71</b>	<b>83,758.88</b>	<b>66,785.83</b>

*Sumber : Rekod Perbadanan*

Kadar hasil yang diterima adalah kurang memuaskan. Sekiranya kesemua unit ini dapat disewakan pada kadar hari biasa bagi 245 hari pada tahun 2004, Perbadanan akan mendapat pendapatan berjumlah RM534,394 setahun setelah ditolak yuran pengurusan. Pada tahun 2004, Perbadanan hanya memperolehi RM53,685 sahaja atau 10% daripada pendapatan yang dijangkakan iaitu RM534,394. Sekiranya Perbadanan terus menerima pendapatan pada kadar ini, pulangan daripada modal yang dibayar hanya akan diperolehi selepas 68 tahun.

**Pihak Audit berpendapat hasil yang diterima daripada penyewaan kondominium ini adalah kurang memuaskan dan pelaburan ini tidak menguntungkan kerana tempoh pulangan yang sangat lama.**

**b) Pajak Tanah**

Perbadanan mempunyai 468 lot tanah yang didaftarkan atas nama Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan. Kesemua geran ini ada dalam simpanan di Bahagian Pengurusan Harta. Sebahagian daripada tanah ini dipajakkan oleh Kerajaan Negeri kepada Perbadanan. Daripada tanah pajakan ini, 4 bidang tanah telah dipajakkan oleh Perbadanan kepada syarikat swasta. Maklumat tanah yang dimaksudkan adalah seperti di **Jadual 35**.

### Jadual 35

#### Senarai Tanah Perbadanan Yang Dipajakkan Kepada Syarikat Swasta

No. Lot	No. H.S.(D)	Lokasi	Tempoh Pajakan	Syarat Kegunaan Tanah
899	Lease 25	Bahau	66 Tahun	Pertanian (tebu)
Plot 900/1	Lease 26	Bahau	66 Tahun	Pertanian (tebu)
Plot 900/2	Lease 27	Bahau	66 Tahun	Pertanian (tebu)
291	45634	Seremban	66 Tahun	Bangunan

Sumber : Rekod Perbadanan

Syarat pada geran tanah Lot 899, Plot 900/1 dan 900/2 yang dipajakkan menyatakan tanah tersebut adalah dikhaskan untuk ditanam dengan pokok tebu. Bagaimanapun, mengikut rekod Perbadanan, tanah ini ditanam dengan kelapa sawit. Semakan Audit tidak menemukan perubahan syarat pada geran tersebut. Geran tanah bagi Lot 291 pula menunjukkan tanah berkenaan dipajakkan kepada Lembaga Elektrik Negara Tanah Melayu. Tempoh pajakan ialah 30 tahun bermula dari bulan Mac 1979 hingga Februari 2009. Lawatan Audit pada bulan Mac 2005 mendapati sebuah restoran yang mempunyai bangunan kekal telah dibina di atas tanah tersebut. Geran tanah berkenaan tidak menyatakan tanah ini dipajak kepada pengusaha restoran tersebut. Pihak Audit mendapati semua sewaan bagi tahun 2002 hingga 2004 telah dikutip dan rekod penerimaan hasil sewaan dan surat perjanjian diselenggarakan dengan kemas kini.

**Pihak Audit berpendapat pihak Perbadanan perlu memantau aktiviti syarikat kerana aktiviti yang dijalankan adalah tidak seperti mengikut perjanjian.**

#### c) Projek Pembangunan Tanah

##### i) Projek Perumahan

Sehingga bulan Disember 2004, Perbadanan melaksanakan 15 projek perumahan di seluruh Negeri Sembilan. Projek yang dimaksudkan adalah seperti di **Jadual 36**.

**Jadual 36**  
**Senarai Projek Perumahan**  
**Yang Telah Dilaksanakan Oleh Perbadanan**

Bil.	Projek	Jenis Perumahan	Bilangan (Unit)	Tarikh Siap Mengikut CF
1.	Taman Bukit Chedang Fasa 1	Teres, Berkembar, Banglo	513	13.2.1984
2.	Taman Bukit Chedang Fasa 2A	Teres Kos Sederhana	227	20.3.1992
3.	Taman Sri Serting Fasa 1	Teres Kos Rendah	110	8.3.1988
4.	Taman Sri Serting Fasa 2A	Teres Kos Rendah	98	29.4.2000
5.	Taman Sri Serting Fasa 2B	Teres Kos Rendah	72	19.12.1989
6.	Taman Sri Serting Fasa 3A	Teres Kos Rendah	88	2.11.1992
7.	Taman Sri Serting Fasa 3B	Teres Kos Rendah	95	13.3.1993
8.	Desa Chembong	Teres Kos Rendah	100	24.11.1991
9.	Taman Sri Tanjung	Teres Kos Rendah dan Sederhana	135	1.4.1994
10.	Taman Serting Indah Fasa 1	Teres Kos Sederhana	112	8.3.1988
11.	Taman Sri Juasseh	Teres Kos Sederhana	50	3.10.1997
12.	Taman Gemas Setia	Teres Kos Sederhana	82	23.9.1996
13.	Taman Serting Indah Fasa 2	Teres Kos Sederhana	52	19.12.1989
14.	Taman Serting Indah Fasa 3	Teres Kos Sederhana	132	12.6.2002
15.	Taman Bukit Chedang Fasa 1 Tambahan	Banglo, Berkembar, Teres	71	17.3.2001

*Sumber : Rekod Perbadanan*

Kesemua projek perumahan yang dirancang oleh Perbadanan telah siap dibina. Projek tersebut juga telah dipasarkan dan habis dijual pada akhir tahun 2004 kecuali 40 buah rumah di Bukit Chedang Fasa 1 Tambahan dan 160 unit apartment di Bandar Baru Nilai. Harga jualan rumah di Bukit Chedang Fasa 1 Tambahan adalah seperti di **Jadual 37**.



**Jadual 37**  
**Senarai Harga Rumah Taman Bukit Chedang Fasa 1 Tambahan**

Jenis Perumahan	Harga Lot Biasa	
	Bumiputera (RM)	Bukan Bumiputera (RM)
Banglo 1 Tingkat	240,350	253,000
Berkembar 2 Tingkat	180,500	190,000
Teres 2 Tingkat	140,600	148,000

*Sumber : Rekod Perbadanan*

Lawatan ke kawasan perumahan Taman Bukit Chedang Fasa 1 Tambahan pada 23 Mac 2005 mendapati 31 unit rumah belum dijual. Jenis rumah yang belum dijual adalah seperti di **Jadual 38**.

**Jadual 38**  
**Rumah Di Taman Bukit Chedang Fasa 1 Tambahan Yang Belum Dijual**

Jenis Rumah	Bilangan (Unit)
Teres 2 Tingkat	29
Banglo 1 Tingkat	2
<b>Jumlah</b>	<b>31</b>

*Sumber : Rekod Perbadanan*

Sijil Layak Menduduki untuk Rumah di Taman Bukit Chedang Fasa 1 Tambahan telah dikeluarkan pada tahun 2003. Adalah diperhatikan Majlis Perbandaran Seremban ada menjalankan perkhidmatan kutipan sampah, tetapi tidak ada penyelenggaraan dibuat bagi membersihkan kawasan perumahan ini dari semak. Perbadanan boleh meminta kerjasama Majlis Perbandaran Seremban untuk membersihkan kawasan sekitar perumahan ini dari semak samun agar kawasan sekitarnya kelihatan ceria dan menarik minat pembeli.

Antara faktor yang menyebabkan 31 unit rumah berkenaan belum dapat dijual adalah keadaan atau reka bentuk dalam rumah yang kurang selesa seperti reka bentuk tangga, ruang dapur yang kecil dan sebagainya. Atas komen yang disuarakan oleh bakal pembeli, tangga berkenaan telah diubahsuai dengan menutup ruang yang terbuka dan membuat stor di bawah tangga.

Perbadanan telah berusaha untuk menjual kesemua rumah yang telah siap dibina. Antara usaha yang telah dilakukan adalah membuat stor di bawah tangga, memberi sugu hati sejumlah RM3,000 kepada sesiapa yang berjaya mendapatkan pembeli seperti mana yang diluluskan semasa Mesyuarat Pengurusan serta menggunakan khidmat agen pengurusan hartanah. Agen ini diberi tempoh selama 3 bulan untuk mendapatkan pembeli. Setelah tamat tempoh, Perbadanan akan memikirkan cara lain untuk menyelesaikan masalah penjualan.

**Pihak Audit berpendapat projek perumahan Perbadanan tidak diurus dengan baik. Kawasan perumahan ini perlu diselenggara dengan baik bagi memastikan kebersihan serta keselesaan penduduk sekitarnya.**

**ii) Pangsapuri Di Bandar Baru Nilai**

Pembinaan Projek Pangsapuri 5 Tingkat Bandar Baru Nilai dimulakan pada bulan November 2002 dan siap pada bulan Ogos 2004. Kos Projek Pembinaan Rumah Pangsa di Kawasan Perindustrian Nilai bernilai RM8 juta. Peruntukan pinjaman Persekutuan yang telah diluluskan bagi tahun 2002 adalah sejumlah RM4 juta. Oleh kerana peruntukan Kerajaan Persekutuan sejumlah RM7 juta bagi tahun 2003 dan tahun 2004 telah dijadikan *off budget*, maka pinjaman dari Bank Pembangunan Infrastruktur (M) Berhad dengan syarat yang sama dikenakan oleh Kementerian Kewangan dimohon oleh Perbadanan bagi membiayai projek terlibat. Bagaimanapun sehingga bulan Disember 2004, pinjaman ini belum dikeluarkan dan pembiayaan projek ini terpaksa ditampung dengan sumber kewangan Perbadanan sendiri.

Pangsapuri ini mengandungi 160 unit rumah dan dilengkapi dengan taman permainan kanak-kanak, sebuah bangunan surau dan bilik mencuci pakaian. Perbadanan telah merancang untuk menjual apartmen ini pada harga RM72,400 satu unit bagi Bumiputera dan RM76,400 bagi bukan Bumiputera. Bagaimanapun, rancangan tersebut dibatalkan kerana Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) telah bersetuju untuk menyewa seluruh unit apartmen tersebut dengan kadar sewa RM430 satu unit sebulan. Perjanjian penyewaan telah ditandatangani pada bulan Jun 2005.

**Pihak Audit berpendapat penyewaan apartmen tersebut adalah satu tindakan yang baik bagi memastikan Perbadanan mendapat pulangan yang memuaskan.**

**iii) Lot Industri Di Chembong, Rembau**

Perbadanan telah membeli tanah seluas 54.76 ekar di Chembong Rembau. Kos terlibat dengan pemilikan tanah ini berjumlah RM22.69 juta. Jumlah ini termasuk RM8 juta kos pemindahan Kompleks Pertanian yang sedia ada di atas tanah

tersebut. Tujuan membeli tanah tersebut adalah untuk dipecahkan menjadi 29 lot bagi tapak industri sebelum dijual kepada pengusaha industri.

Pada tahun 2004, Lot 700 seluas 131,115.6 kaki persegi telah dijual dengan harga RM7.97 sekaki persegi dan harga jualan berjumlah RM1.04 juta. Harga jualan yang dicadangkan berjumlah RM1.31 juta atau RM10 sekaki persegi. Oleh yang demikian, Perbadanan telah kerugian RM265,240 dengan penjualan satu lot tanah industri tersebut.

**Pihak Audit berpendapat Perbadanan perlu membuat pertimbangan sebaik mungkin sebelum membuat keputusan mengenai penjualan lot industri ini agar ianya tidak merugikan.**

**iv) Kompleks Perniagaan Bumiputera Di Seremban 2**

Projek Pembinaan Kompleks Perniagaan Bumiputera Di Seremban 2 adalah satu daripada 3 projek RMK8 yang telah dipersetujui oleh Lembaga Pengarah Perbadanan. Kementerian Pembangunan Usahawan telah memperuntukkan sejumlah RM13 juta bagi projek Kompleks Perniagaan Bumiputera ini. Peruntukan pinjaman Persekutuan yang telah diluluskan bagi tahun 2002 adalah sejumlah RM5 juta. Manakala peruntukan Kerajaan Persekutuan sejumlah RM8 juta bagi tahun 2003 dan tahun 2004 telah dijadikan *off budget*. Pinjaman dari Bank Pembangunan Infrastruktur (M) Berhad dengan syarat yang sama yang telah dikenakan oleh Kementerian Kewangan telah dimohon oleh Perbadanan bagi membiayai projek terlibat.

Projek Kompleks Perniagaan Bumiputra ini terletak di atas lot PT. 10867 Seremban 2, Mukim Rasah, Seremban, Negeri Sembilan. Perbadanan membeli tanah seluas lebih kurang 24,950.4 meter persegi dari sebuah syarikat dengan kos RM3.22 juta. Kompleks Perniagaan Bumiputra ini mengandungi tiga tingkat yang melibatkan 7,609.07 meter persegi untuk kegunaan pejabat dan ruang niaga untuk disewakan. Setiap unit berukuran 12' x 20' dengan ruang legar yang luas untuk pertunjukan pentas bagi menarik pengunjung. Kompleks Perniagaan Bumiputra boleh menempatkan 68 peniaga Bumiputra. Melalui projek ini peniaga Bumiputera boleh berniaga di kompleks perniagaan yang moden dalam bandar dengan dikenakan kadar sewa yang berpatutan dan mampu dibayar oleh mereka. Projek ini berkonsep Kompleks Perniagaan Bumiputra termoden dan berwajah korporat, lengkap dengan segala kemudahan seperti ruang tempat letak kereta dan lain-lain. Dengan terlaksananya projek ini bilangan peniaga runcit Bumiputera akan lebih bertambah dan seterusnya mengujudkan rangkaian peniaga Bumiputera yang dapat membantu sesama sendiri.

Perbadanan menentukan kaedah pelaksanaan projek dengan mengambil kira faktor keupayaan untuk melaksanakan sendiri projek berkenaan. Perbadanan tidak

ada keupayaan untuk melaksanakan sendiri projek ini kerana tidak mempunyai kakitangan yang mahir dan kurang kepakaran dalam bidang tertentu. Bagi mengatasi masalah ini, Perbadanan telah melantik kontraktor dan perunding untuk melaksanakan projek ini. Mengikut perjanjian kontrak, tempoh siap kerja bagi projek ini adalah 15 bulan. Tarikh mula kerja pada 31 Mac 2003 dan tarikh dijangka siap ialah pada 30 Jun 2004. Bagaimanapun, Perbadanan telah memberi lanjutan masa sehingga 20 Oktober 2004 dan kontraktor dikenakan denda lewat sejumlah RM2,289 sehari mulai 21 Oktober 2004. Juru Perunding telah mengesyorkan pada 19 Februari 2004 supaya perjanjian kontrak ini ditamatkan. Pada 24 Mac 2004 amaran terakhir diberi kepada kontraktor dan peratus kemajuan kerja pada tarikh ini ialah 23.5%. **Foto 5** menunjukkan keadaan projek yang belum siap.

**Foto 5**  
**Keadaan Bangunan Kompleks Perniagaan**  
**Bumiputera Yang Terbangkalai**



*Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Negeri Sembilan*

*Tarikh: 18 Mac 2005*

*Lokasi: Seremban 2*

Antara faktor yang menjejaskan prestasi projek adalah masalah teknikal seperti masalah pelan *ground beam* dan *method statement* dan juga masalah dalaman Perunding Jurutera. Selain itu Perunding Jurutera lewat kemukakan hasil ujian dan kontraktor telah mengambil risiko melaksanakan kerja melalui kerja penggunaan cerucuk yang tidak sesuai. Oleh itu kontraktor perlu *replacement pile* bagi kumpulan cerucuk yang gagal dalam ujian SIT (*Sonic Integrity Test*). Wakil yang dihantar oleh Perunding Jurutera tidak konsisten dan ini adalah salah satu faktor yang menyumbang kepada kegagalan projek ini untuk disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

**Pihak Audit berpendapat Perbadanan perlu memantau secara serius pembinaan projek ini sejak dimulakan dan nasihat Perunding yang dilantik perlu diberi perhatian.**

**v) Projek Pembangunan Bercampur Di Rembang Panas, Kuala Pilah**

Projek Pembangunan Kawasan Perindustrian dan Perumahan di Rembang Panas, Kuala Pilah telah diluluskan peruntukan pinjaman Kerajaan Persekutuan berjumlah RM3 juta. Perbadanan juga telah menjelaskan bayaran premium tanah seluas 200 ekar berjumlah RM102,387 dan hak milik tanah ini telah pun diterima. Sebagai permulaan, Perbadanan bercadang untuk membangunkan fasa pertama seluas 30 hingga 50 ekar bagi projek perumahan kos sederhana rendah serta kawasan Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Perbadanan juga telah memanggil sebut harga bagi mengeluarkan saki baki kayu balak yang ada di kawasan tersebut. Bagaimanapun, Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada bulan September 2002 telah membuat keputusan untuk tidak meneruskan pembangunan ini kerana ada cadangan untuk memajukan tanah ini sebagai pertanian komersial dan kerja berasingan untuknya telah disediakan. Projek ini akan dilaksanakan semasa RMK9.

**Pihak Audit berpendapat tindakan perlu diambil bagi memastikan tanah yang telah dibersihkan itu diusahakan sebaik mungkin.**

**d) Pembelian Premis Perniagaan dan Kediaman**

Selain dari membuat projek pembangunan, Perbadanan juga membeli rumah kedai dan kediaman yang siap dibina oleh pihak swasta. Tujuan pembelian ini adalah untuk disewakan bagi menjana hasil Perbadanan.

**i) Rumah Kedai Teluk Kemang**

Pada tahun 2004 Perbadanan telah membeli 3 Unit Rumah Kedai di Teluk Kemang, Port Dickson dengan nilai RM1.35 juta dari syarikat pemaju swasta. Sehingga 31 Disember 2004, pembayaran telah dibuat sejumlah RM1.29 juta iaitu 95% daripada keseluruhan kos Rumah Kedai di Teluk Kemang Square.

**Pihak Audit berpendapat pembelian rumah kedai telah dirancang dan dilaksanakan dengan baik.**

**ii) Kondominium Kota Impian Marina, Port Dickson**

Pada tahun 2000 Perbadanan telah menjual ekuitinya sejumlah 10% yang dipegang dalam Tanjung Tuan Resort kepada sebuah syarikat. Nilai saham ini pada masa itu bernilai RM250,000. Sebagai balasan daripada penjualan ini, Perbadanan mendapat satu unit Kondominium Kota Impian Marina, di Port Dickson iaitu projek yang dilaksanakan oleh syarikat berkenaan. Nilai bagi satu unit kondominium tersebut ialah RM285,000. Bagaimanapun, projek ini

sehingga Disember 2004 tidak dapat disiapkan. **Foto 6 dan 7** merakamkan keadaan bangunan dan persekitaran bangunan yang belum siap.

**Foto 6**

**Foto 7**

**Projek Pembinaan Kondominium Kota Impian Marina  
Di Port Dickson Yang Terbangkalai**



*Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Negeri Sembilan*

*Tarikh: 22 Mac 2005*

*Lokasi: Port Dickson*

**Pihak Audit berpendapat Perbadanan perlu mengambil tindakan sewajarnya dengan pihak pemaju.**

#### **46.2.4 Keperluan Kewangan**

Sumber kewangan bagi membiayai projek pembangunan Perbadanan adalah dari kewangan Perbadanan sendiri, pinjaman bank, pinjaman Kerajaan Negeri atau Persekutuan. Senarai pembiayaan projek pembangunan Perbadanan adalah seperti di **Jadual 39**.

**Jadual 39**  
**Sumber Kewangan Pembiayaan Projek Perbadanan**

Projek Pembangunan	Kos Projek (RM Juta)	Sumber Pembiayaan		
		Sendiri (RM Juta)	Bank (RM juta)	Kerajaan Persekutuan/ Negeri (RM Juta)
Projek Perumahan Di Kawasan Perusahaan Chembong (Tambahan) - 124 Unit	7.49	7.49	-	-
Projek Perumahan Jenis Rumah Berbandung di Bandar Baru Serting – 62 Unit	8.37	8.37	-	-
Pembangunan Kompleks Perniagaan Bumiputra Di Seremban 2.	13.00	-	8.00	5.00
Pembinaan Pangsa Puri 5 Tingkat di Bandar Baru Nilai.	8.0	4.00	-	4.00
Rumah Kedai 2 Tingkat dan Kediaman Taman Bukit Chedang Fasa 1.	9.72	4.86	4.86	-
Rumah Kediaman Taman Bukit Chedang Tambahan.	6.55	4.85	1.70	-
Rumah Kedai 2 Tingkat Bandar Baru Serting.	7.73	-	7.73	-
Rumah Kedai 1 Tingkat Serting Indah Fasa 2.	7.94	2.71	5.23	-
Lot Industri Chembong.	8.65	-	-	8.65
<b>Jumlah</b>	<b>77.45</b>	<b>32.28</b>	<b>27.52</b>	<b>17.65</b>

*Sumber : Rekod Perbadanan*

Daripada kos projek yang berjumlah RM77.45 juta, Perbadanan telah menggunakan sumber kewangannya sendiri berjumlah RM32.28 juta manakala selebihnya dipinjam dari bank dan Kerajaan Persekutuan/Negeri.

**Pihak Audit berpendapat Perbadanan telah menyediakan sumber kewangannya yang mencukupi bagi membiayai projek yang dirancang.**

#### **46.2.5 Keperluan Guna Tenaga**

Pengurusan Perbadanan keseluruhannya dikawal oleh Ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada seorang Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Setiausaha serta 7 Ahli lain. Bagi Bahagian yang terlibat dengan pengurusan hartanah Perbadanan ia dianggotai oleh pegawai seperti berikut:

- a) Bahagian Pembangunan diketuai oleh seorang Juru Ukur Bahan gred J48 dan dibantu oleh 17 anggota yang lain.

- b) Bahagian Teknikal diketuai oleh seorang Jurutera Gred J48 dengan dibantu oleh 32 anggota yang lain.
- c) Bahagian Pengurusan Harta diketuai oleh seorang Pegawai Tadbir Gred N48 dan dibantu dengan 13 anggota lain.
- d) Bahagian Kewangan diketuai oleh seorang Pengurus Kewangan berjawatan Akauntan Gred W48 dan dibantu oleh 16 anggota lain.
- e) Bahagian Perindustrian diketuai oleh seorang Pegawai Tadbir Gred N48 dan dibantu dengan 15 anggota lain.
- f) Bahagian Perdagangan diketuai oleh seorang Pegawai Tadbir Gred N48 dengan dibantu 12 anggota lain.

Walaupun Jabatan Perkhidmatan Awam telah meluluskan kesemua jawatan yang disebutkan di atas pada tahun 2001, masih ada 31 jawatan yang tidak diisi. Maklumat pengisian dan kekosongan jawatan yang telah diluluskan di 6 Bahagian yang terlibat secara langsung dengan pengurusan hartanah Perbadanan adalah seperti di **Jadual 40**.

**Jadual 40**  
**Ringkasan Perjawatan Di 6 Bahagian**  
**Yang Terlibat Dengan Pengurusan Hartanah Perbadanan**

Bil.	Bahagian	Lulus	Isi	Kosong
1.	Bahagian Pembangunan	17	13	4
2.	Bahagian Teknikal	26	18	8
3.	Bahagian Pengurusan Harta	18	12	6
4.	Bahagian Perdagangan	13	9	4
5.	Bahagian Perindustrian	16	9	7
6.	Bahagian Kewangan	16	14	2
<b>Jumlah</b>		<b>106</b>	<b>75</b>	<b>31</b>

*Sumber : Rekod Perbadanan*

Pihak Audit mendapati Bahagian Pengurusan Harta tidak berfungsi dengan baik kerana tugas dan tanggungjawab kakitangannya tidak dinyatakan dengan jelas dan bertulis. Pihak Pengurusan Perbadanan perlu bertindak segera bagi membahagikan tanggungjawab kepada kakitangan di Bahagian Pengurusan Harta mengikut kesesuaian gred jawatan yang dipegang.

**Pihak Audit berpendapat pembahagian kerja dan tanggungjawab perlu dinyatakan dengan jelas.**

#### **46.2.6 Penyelenggaraan Bangunan**

Ada dua cara penyelenggaraan yang dijalankan oleh Perbadanan iaitu penyelenggaraan secara rutin dan penyelenggaraan atas aduan pengguna. Penyelenggaraan secara rutin biasanya dilakukan ke atas bangunan yang disewa dan



bangunan yang belum dijual. Senarai semakan disediakan bagi tujuan penyelenggaraan tersebut dan dipatuhi. Manakala penyelenggaraan yang dibuat atas aduan, dilakukan mengikut aduan yang diterima. Lawatan ke Lot 767 dan Lot 769, Rumah Kedai 2 Tingkat, Juasseh pada bulan Mac 2005 mendapati premis ini telah ditutup kerana penyewaannya telah ditamatkan pada bulan Januari 2004. Penyelenggaraan di premis ini tidak dilakukan kerana papan iklan masih dipamerkan pada bahagian hadapan bangunan tersebut. Kunci premis ini juga masih ada pada bekas penyewa tersebut. Pegawai Perbadanan yang bertugas di Bahagian Pengurusan Harta memaklumkan bahawa bekas penyewa masih memegang kunci premis ini kerana peralatan perniagaan masih belum di keluarkan.

Lawatan ke premis Perbadanan di No. 161, Jalan Dato' Bandar Tunggal pada 18 Mac 2005 mendapati keadaan bangunan tersebut tidak menarik di mana cat bangunan telah luntur dan berkulat. Perbadanan dicadangkan mengecat semula bangunan ini agar ia kelihatan menyerlah dan menarik perhatian bakal penyewa. Kedudukan bangunan ini adalah strategik kerana ia berada di tengah bandar. Kerja penyelenggaraan perlu dilakukan. Pada ketika ini tingkat 1 dan tingkat 2 bangunan ini telah lama dikosongkan.

**Pihak Audit berpendapat penyelenggaraan secara menyeluruh perlu dibuat bagi memastikan bangunan kepunyaan Perbadanan sentiasa terpelihara.**

### **46.3 PEMANTAUAN**

Pemeriksaan Audit mendapati pemantauan telah dibuat oleh Lembaga Pengarah Perbadanan dan Jawatankuasa Kutipan Hutang dan Penyelenggaraan. Bilangan hli Jawatankuasa ini ialah seramai 11 orang dan mesyuarat telah diadakan sebanyak 4 kali pada tahun 2004. Mesyuarat Jawatankuasa tersebut membincangkan hal-hal yang berkaitan dengan penyewa, kutipan sewa, kutipan tunggakan sewa serta penyelenggaraan bangunan milik Perbadanan.

**Pada pendapat Audit, pemantauan perlu dipertingkatkan terutama dari segi penyelenggaraan bangunan dan kutipan dan tunggakan sewaan.**

### **47. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Matlamat Perbadanan untuk meningkatkan pendapatan melalui aktiviti penjualan dan penyewaan premis bangunan dan kompleks perniagaan adalah usaha yang baik. Namun demikian Perbadanan perlu memperkemaskan sistem aliran kerja bagi mencapai matlamatnya mendapat hasil yang maksimum. Konsep merancang yang hanya berdasarkan kepada daya maju projek tidak mencukupi tanpa mengambil kira elemen penting seperti keupayaan kewangan, keperluan merancang jangka panjang, kesesuaian dan keutamaan aktiviti. Adalah disyorkan Perbadanan menambah baik pengurusan hartanahnya dengan memastikan rekod diselenggara dengan lengkap dan kemas kini untuk memudahkan pemantauan kutipan sewa dan penjualan hartanah.

***BAHAGIAN V***

***PERKARA AM***

**BAHAGIAN V**  
**PERKARA AM**

**48. PENDAHULUAN**

Bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Jabatan dan Agensi Negeri terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang lalu, pemeriksaan susulan telah dijalankan di Jabatan/Agensi berkenaan. Hasil dari pemeriksaan itu dilaporkan dalam **Bahagian** ini di bawah tajuk berikut:

- a) Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2003.
- b) Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Yang Masih Belum Selesai.
- c) Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Akaun Awam.
- d) Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri.

**49. KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2003**

**49.1 PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN NEGERI**

Pada tahun 2003, pengauditan pengurusan kewangan telah dijalankan di Jabatan Pengairan Dan Saliran, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Pllah serta Pejabat Daerah Dan Tanah Gemas. Kecuali bagi Jabatan Pengairan Dan Saliran yang menunjukkan prestasi pengurusan kewangan yang baik, yang lain mempunyai beberapa kelemahan seperti berikut:

- a) Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja tidak lengkap dan kemas kini.
- b) Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun tidak mengadakan mesyuarat mengikut kekerapan yang ditetapkan.
- c) Buku Tunai dan Daftar Mel tidak disemak oleh Ketua Jabatan atau wakilnya.
- d) Pemeriksaan mengejut tidak dijalankan sekurang-kurangnya 6 bulan sekali.
- e) Buku Vot tidak disesuaikan dengan Laporan Perbelanjaan Bulanan dan tidak ditandatangani oleh pegawai penyelia. Daftar Bil juga tidak disemak oleh Ketua Jabatan atau wakilnya setiap bulan.
- f) Kumpulanwang Amanah dan deposit tidak disesuaikan dengan rekod Perbendaharaan. Ada beberapa akaun deposit lama tidak dituntut dan diambil tindakan sewajarnya.

- g) Daftar Harta Modal dan Inventori tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Pemeriksaan tahunan terhadap harta modal tidak dilaksanakan. Tindakan pelupusan tidak dilaksanakan kerana Lembaga Pemeriksa tidak ditubuh.

#### **Kedudukan Masa Kini**

Jabatan/Pejabat yang terlibat telah mengambil tindakan untuk menyelenggara dan mengemas kini semua rekod kewangan supaya lengkap dan teratur. Jabatan/Pejabat telah mengambil tindakan untuk mengemas kini serta mengadakan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja yang lengkap. Pemeriksaan terhadap rekod kewangan serta pemeriksaan mengejut telah juga dijalankan oleh Ketua Jabatan atau wakilnya. Walaupun begitu Pejabat Daerah Kecil Dan Tanah Gemas belum mengambil tindakan untuk mewartakan deposit yang lama terpendam atau tidak dituntut. Daftar Harta Modal dan Inventori telah disediakan dengan dikemas kini.

### **49.2 AKTIVITI JABATAN DAN KAJIAN KHAS**

#### **49.2.1 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri : Pelaksanaan Projek pelbagai**

Pelaksanaan Projek pelbagai adalah bertujuan untuk menyediakan prasarana yang sempurna dan lengkap kepada penduduk luar bandar. Bagaimanapun pelaksanaan program ini masih boleh dipertingkatkan, ada kalanya bertindih dengan projek yang dilaksanakan oleh agensi lain. Pihak Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) selaku Pegawai Pengawal hendaklah menetapkan satu dasar atau garis panduan yang khusus untuk program ini. Walaupun agensi pelaksana tertakluk kepada pekeliling yang dikeluarkan Perbendaharaan namun tidak semua peraturan yang ada dapat dipatuhi. Pada masa ini agensi pelaksana iaitu Pejabat Daerah mengguna pakai sebahagian daripada peraturan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar sebagai panduan untuk melaksanakan program ini.

#### **Kedudukan Masa Kini**

Pihak SUK bersetuju untuk menyediakan satu garis panduan yang terperinci dan menyeluruh mengenai peraturan pelaksanaan projek pelbagai. Pihaknya akan mengambil kira pandangan Audit agar projek yang dilaksanakan kelak tidak bertindih dengan projek yang dilaksanakan oleh agensi lain. Pihak SUK juga menetapkan garis panduan ini tidak akan mengambil kira projek jalan kampung sebagai projek kecil kerana ia tergolong sebagai projek Persekutuan.

#### **49.2.2 Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri : Pembangunan Projek Ternakan Rusa**

Jabatan Perkhidmatan Haiwan membiak 3 spesies rusa iaitu Sambar, Timorensis dan Axis-axis. Rusa ini telah membiak dengan baik dan bertambah bilangannya sehingga melebihi 600 ekor dan Jabatan telah membuka 4 buah ladang bagi tujuan ini. Bagi

menarik lebih ramai penternak menternak rusa, Jabatan bercadang untuk memperkenalkan sistem pawah kepada penternak/syarikat yang berminat.

#### **Kedudukan Masa Kini**

Jabatan masih belum melaksanakan sistem pawah ini kerana masih menunggu kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri.

#### **49.2.3 Jabatan Hal Ehwal Agama Islam : Projek Pembinaan Masjid**

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam adalah bertanggungjawab terhadap pembinaan masjid di seluruh Negeri Sembilan. Sehingga tahun 2003 sebanyak 276 buah masjid telah dibina. Pembinaan kesemua masjid ini dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik oleh Jabatan Kerja Raya melalui panggilan tender terbuka.

#### **Kedudukan Masa Kini**

Kedudukan masa kini bagi 3 buah masjid yang diaudit mendapati kesemuanya telah siap dibina. Sebuah dapat disiapkan lebih awal dari tempoh yang ditetapkan manakala 2 buah lagi lewat disiapkan. Kos bagi pembinaan 3 buah masjid ini adalah berjumlah RM14.9 juta berbanding dengan anggaran asal Jabatan berjumlah RM9 juta.

#### **49.2.4 Pejabat Tanah Seremban : Pengurusan Tukar Syarat Tanah**

Kaedah pengurusan tukar syarat tanah oleh Pejabat Tanah Seremban masih boleh dipertingkatkan terutama berkaitan dengan pemprosesan tukar syarat dan penguatkuasaan perundangan tanah. Kelemahan yang wujud hendaklah diatasi dengan segera kerana ia boleh menjejaskan kutipan cukai tanah dan bayaran premium tanah. Penubuhan Unit Penguatkuasa membolehkan penguatkuasaan undang-undang tanah dapat dijalankan dengan lebih berkesan untuk membendung pelanggaran syarat tanah juga kes pencerobohan tanah.

#### **Kedudukan Masa Kini**

Berdasar kepada jawapan bertulis yang diterima, Pejabat Tanah Seremban akan berunding dengan Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Sembilan untuk mengatasi kelemahan yang dibangkitkan. Penubuhan Unit Penguatkuasaan juga akan dapat membantu mengatasi masalah pelanggaran syarat tanah dan pencerobohan tanah.

### **49.3 BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

#### **49.3.1 Pengurusan Kewangan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri**

Pada tahun 2003, pengauditan pengurusan kewangan telah dijalankan di Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan dan mendapati kelemahan seperti berikut:

- a) Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja tidak lengkap dan kemas kini.
- b) Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun tidak membincangkan isu kewangan dan akaun dengan mendalam.
- c) Buku Perkhidmatan tidak kemas kini
- d) Daftar Borang Hasil tidak kemas kini kerana tidak merekod semua buku resit yang diterima dan pengeluarannya tidak mengikut turutan nombor siri.
- e) Buku Tunai didapati catatan urusniaganya tidak kemas kini.
- f) Penyerahan Wang Kutipan ke Unit Kewangan oleh Perpustakaan Cawangan, Desa dan Perpustakaan Bergerak tidak disertakan dengan penyata kutipan dan terdapat juga kes di mana Unit Kewangan belum mengeluarkan resit.
- g) Buku Vot tidak diselenggarakan betul.
- h) Baucar bayaran tiada nombor siri dan had menandatangani baucar tidak dipatuhi.
- i) Inden Kerja tidak digunakan bagi pembaikan dan penyelenggaraan kecil bangunan.
- j) Harta Modal dan Inventori yang ditempatkan di pejabat cawangan tidak direkodkan
- k) Buku Log Kenderaan tidak catatkan dengan kemas kini.

#### **Kedudukan Masa Kini**

Berdasarkan penerangan dan jawapan bertulis yang diterima daripada Perpustakaan, adalah didapati Perpustakaan menerima teguran tersebut dan langkah-langkah positif telah diambil untuk penambahbaikan.

#### **49.3.2 Pengurusan Kewangan Majlis Daerah Tampin**

Pada tahun 2003, pengauditan pengurusan kewangan telah dijalankan di Majlis Daerah Tampin dan beberapa kelemahan telah diperhatikan seperti berikut:

- a) Manual Prosedur Kerja belum disediakan dan Fail Meja tidak lengkap dan kemas kini.
- b) Buku Tunai dan Daftar Mel tidak disemak oleh Ketua Jabatan atau wakilnya. Juga tidak ada bukti penyemakan dilakukan terhadap Borang hasil yang dikawal. Pemeriksaan mengejut tidak dijalankan sekurang-kurangnya 6 bulan sekali.
- c) Daftar Bil tidak disemak oleh Ketua Jabatan atau wakilnya setiap bulan. Pesanan Tempatan dikeluarkan setelah invois diterima.
- d) Daftar Harta Modal dan Inventori tidak diselenggara. Harta modal dan inventori juga tidak diberi nombor siri pendaftaran. Pemeriksaan tahunan terhadap harta modal tidak dilaksanakan. Tindakan pelupusan tidak dilaksanakan bagi barangan yang tidak berguna lagi seperti mesin rumput dan sebagainya.
- e) Ada deposit lama dan terpendam tidak diwartakan atau dikembalikan.

#### **Kedudukan Masa Kini**

Berdasarkan penerangan dan jawapan bertulis yang diterima daripada Majlis Daerah Tampin, pihak pengurusan Majlis telah mengambil tindakan untuk menyelenggara dan mengemas kini semua rekod kewangan supaya lengkap dan teratur. Pemeriksaan

terhadap rekod kewangan serta pemeriksaan mengejut telah juga dijalankan oleh Ketua Jabatan atau wakilnya.

#### **49.3.3 Majlis Perbandaran Nilai : Pengurusan Landskap**

Projek pembangunan landskap di Kawasan Industri Sungai Gadut tidak dilaksanakan dengan memuaskan di mana 30 batang pokok utama daripada 300 batang yang ditanam telah mati. Kos penyelenggaraan di Bandar Baru Nilai dikira mengikut bilangan pokok yang ada di kawasan itu. Majlis tidak pernah mengira bilangan pokok yang ada dari semasa ke semasa bagi menyesuaikan mengikut perubahan kadar bagi setiap pokok yang dibuat pada tahun 2002

#### **Kedudukan Masa kini**

Syarikat yang mendapat kontrak untuk kerja landskap di Kawasan Industri Sungai Gadut telah menanam semula pokok-pokok yang mati. Majlis belum lagi membanci semula bilangan pokok bagi menentukan kos penyelenggaraan.

### **50. PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA YANG MASIH BELUM SELESAI**

#### **TAHUN 2001**

#### **50.1 MAJLIS DAERAH TAMPIN : PENSWASTAAN PROJEK PEMBANGUNAN**

Sehubungan dengan penswastaan projek pembangunan di Majlis Daerah Tampin, Majlis telah memberi lanjutan masa selama 3 tahun kepada pemaju iaitu sehingga tahun 2001 untuk menyiapkan 74 unit rumah kakitangan, satu unit perpustakaan awam dan gelanggang tenis serta 30 unit bangunan di Pekan Pasir Besar. Bagi 53 rumah kedai milik pemaju yang telah dikeluarkan Sijil Layak Menduduki, Majlis tidak memungut cukai taksiran terhadapnya.

#### **Kedudukan Masa kini**

Majlis hanya diperuntukkan 35 unit rumah daripada 74 yang sepatutnya diterima. Pihak pemaju enggan mendirikan 39 unit lagi dengan alasan perjanjian tidak menetapkan bilangan unit yang mesti dibangunkan. Perkara ini telah dirujuk kepada Penasihat Undang-Undang Negeri tetapi sehingga kini masih belum mendapat ulasan. Mengenai perhentian bas dan teksi di Pekan Besar yang sepatutnya diserahkan kepada Majlis, pembinaannya belum dimulakan kerana pemaju sedang mendapatkan kelulusan teknikal daripada pihak yang berkenaan.

## **51. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA AKAUN AWAM DAN AKTIVITI JABATAN**

Menurut seksyen 16(2) Akta Acara Kewangan 1957, Penyata Kewangan hendaklah dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri dengan seberapa segera yang boleh, selepas diaudit oleh Ketua Audit Negara. Perkara 107 (2) Perlembagaan Persekutuan pula menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporannya kepada Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan yang akan mengarahkan laporan itu dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sembilan dan Aktiviti Jabatan/Agensi bagi tahun 2003 dan Penyata Akaun Awam Negeri Sembilan Tahun 2003 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada bulan April 2005.

## **52. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI SEMBILAN**

Pada tahun 2004, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri telah bermesyuarat bagi membincangkan Laporan Audit tahun 2001 dan 2002. Sepanjang tahun 2004 mesyuarat telah diadakan sebanyak 3 kali untuk memeriksa sebahagian dari isu yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Selain itu, Jawatankuasa juga membincangkan perkara lain yang berkaitan dengan isu semasa. Jawatankuasa telah memanggil Unit Perancang Ekonomi Negeri serta Pengarah Jabatan Bekalan Air Negeri untuk memberi taklimat mengenai hala tuju pembangunan di Negeri Sembilan dan isu semasa mengenai masalah bekalan air di Negeri Sembilan. Perkara yang telah dibincangkan oleh Jawatankuasa semasa mesyuaratnya sepanjang tahun 2004 adalah seperti **Jadual 41**.



**Jadual 41**  
**Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Sembilan**  
**Sepanjang Tahun 2004**

Tarikh	Jabatan/ Agensi	Perkara
13 Julai 2004	1. Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam 2. Jabatan Audit Negara Cawangan Negeri Sembilan	1) Taklimat mengenai peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri.
10 Ogos 2004	1. Unit Pembangunan Ekonomi Negeri	1) Pelaburan yang semakin merosot di Negeri Sembilan. 2) Isu keluaran hasil hutan dan Sijil Kebebasan Hutan bagi tanah Kerajaan. 3) Tanah Kerajaan yang diberi milik tidak diusahakan. 4) Tumpuan kepada sektor industri berbanding sektor pertanian.
	2. Jabatan Bekalan Air	<b>Laporan Audit 2002</b> 1) 1.Masalah NRW iaitu perbezaan antara kuantiti air daripada loji rawatan dengan kuantiti air yang dibilkan. 2) Sebab berlakunya masalah NRW iaitu kebocoran paip, paip pecah, air untuk memadam kebakaran dan curi air. 3) Masalah peruntukan yang tidak mencukupi. 4) Kelewatan pembayaran bil kepada kontraktor. 5) Objektif untuk mengurangkan NRW di Negeri Sembilan tidak berjaya.
19 Oktober 2004	Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri	<b>Laporan Audit 2001 dan 2002</b> 1) Perbezaan antara baki buku tunai dan baki bank bagi Penyata Penyesuaian Bank Terimaan. 2) Cek Tidak Laku masih diterima oleh Jabatan dan masih belum diganti. Antaranya adalah JBA dan Pejabat Tanah Port Dickson 3) Baucar bayaran yang tidak disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap. 4) Peningkatan pinjaman Kerajaan Negeri dan rekod pinjaman tidak disesuaikan. 5) Agensi negeri tidak membayar pinjaman mengikut jadual dan tunggakan bayaran balik meningkat. 6) Rekod pelaburan saham dan syer adalah tidak lengkap.

Sumber: Rekod jabatan

***PENUTUP***

## PENUTUP

Secara keseluruhannya terdapat kemajuan pengurusan kewangan Kerajaan Negeri di mana tahap pematuhan terhadap peraturan kewangan adalah lebih baik berbanding dengan tahun sebelumnya. Bagaimanapun, tidak banyak kemajuan yang dapat dilaporkan berhubung dengan pelaksanaan program/aktiviti. Seperti mana yang telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi beberapa tahun yang lalu, sungguhpun program/aktiviti telah dirancang dengan baik, namun dari aspek pelaksanaan dan pemantauannya, masih ada beberapa kelemahan yang jika tidak diperbetulkan boleh menjejaskan pencapaian objektif yang telah ditetapkan.

Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan pelaksanaan program/aktiviti ialah kekurangan kakitangan, kekurangan latihan dan kepakaran, peruntukan kewangan yang terhad dan ketiadaan penyeliaan yang rapi.

Beberapa Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di bahagian lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

**JABATAN AUDIT NEGARA**

**Putrajaya**

**13 Julai 2005**

***LAMPIRAN***



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA AKAUN AWAM  
KERAJAAN NEGERI SEMBILAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2004**

Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sembilan bagi tahun berakhir 31 Disember 2004 telah diperiksa dan diaudit atas arahan saya mengikut peruntukan di bawah Seksyen 9(1) Akta Audit 1957.

Pada pendapat saya, Penyata Akaun Awam ini memberikan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sembilan pada 31 Disember 2004 dan rekod perakaunannya telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini. Sijil ini hendaklah dibaca bersama-sama laporan saya mengenai Penyata Akaun Awam serta aktiviti Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri tahun 2004.

  
(TAN SRI DR. HADENAN BIN A. JALIL)


**Ketua Audit Negara  
Malaysia.**

**Putrajaya  
13 Julai 2005**

**LEMBARAN IMBANGAN  
SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2004**

PENYATA	PERIHAL	NOTA	2004 RM	2003 RM
<u>ASET</u>				
A	WANG TUNAI	7	24,606,148.00	37,586,169.27
B	PELABURAN	8	75,844,097.52	135,535,107.79
			<b>100,450,245.52</b>	<b>173,121,277.06</b>
<u>JUMLAH ASET DIPEGANG BAGI :</u>				
C	AKAUN HASIL DISATUKAN	9	187,544,711.47	235,042,931.59
D	AKAUN AMANAH DISATUKAN	10	(121,669,957.80)	(96,856,219.65)
E	AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	11	34,575,491.85	34,934,565.12
			<b>100,450,245.52</b>	<b>173,121,277.06</b>

Lembaran Imbangan ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan.



(PUKHARI BIN SAMSURI)  
Bendahari Negeri  
Negeri Sembilan Darul Khusus



(HJ. NORZAM BIN MOHD NOR)  
Pegawai Kewangan Negeri  
Negeri Sembilan Darul Khusus


Perbendaharaan Negeri  
Negeri Sembilan Darul Khusus  
31 Mei 2005

**PENYATA AKAUN MEMORANDUM  
SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2004**

PENYATA	PERIHAL	NOTA	2004 RM	2003 RM
<u>ASET</u>				
F1	PINJAMAN BOLEH DITUNTUT	12(a)	107,267,633.19	108,532,920.87
F2	TUNGGAKAN HASIL	12(b)	62,161,282.73	82,250,125.10
F3	PELABURAN	12(c)	3,800,000.00	3,800,000.00
F5	LAIN-LAIN PELABURAN	12(d)	24,340,045.00	25,220,045.00
			197,568,960.92	220,332,645.45
<u>TANGGUNGAN</u>				
G	HUTANG KERAJAAN NEGERI	13(a)	1,340,306,514.93	1,295,594,066.86
			1,340,306,514.93	1,295,594,066.86

Lembaran Imbangan ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan.

  
(PUKHARI BIN SAMSURI)  
Bendahari Negeri  
Negeri Sembilan Darul Khusus

  
(HJ. NORZAM BIN MOHD NOR)  
Pegawai Kewangan Negeri  
Negeri Sembilan Darul Khusus

Perbendaharaan Negeri  
Negeri Sembilan Darul Khusus  
31 Mei 2005

KERAJAAN NEGERI NS

**C PENYATA AKAUN HASIL DISATUKAN**  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER, 2004

Perihal	Belanjawan RM	2004		2003	
		Sebenar RM	Belanjawan %	Sebenar RM	Belanjawan %
BAKI PADA 1 JANUARI		235,042,931.59		230,419,582.72	
<b>C1 HASIL</b>					
Hasil Cukai	93,290,500.00	73,895,451.26	79.21	76,313,802.08	83.00
Hasil Bukan Cukai	57,072,000.00	84,745,107.18	148.38	102,069,262.92	190.05
Terimaan Bukan Hasil	34,101,000.00	47,113,793.41	138.16	55,472,089.60	1218.94
Jumlah Hasil	184,463,500.00	205,754,351.85	111.52	233,855,154.60	136.77
<b>C2 PERBELANJAAN MENGURUS</b>					
Emolumen	68,057,853.00	62,661,554.25	92.07	60,897,589.66	93.50
Perkhidmatan Dan Bekalan	50,793,490.14	48,350,268.94	95.19	44,281,696.55	93.72
Aset	3,097,504.86	2,770,958.99	89.46	5,740,877.81	81.75
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	146,508,497.00	138,528,699.09	94.55	117,422,723.63	79.97
Perbelanjaan Lain	1,106,400.00	941,090.70	85.06	888,918.08	63.43
Jumlah Perbelanjaan Mengurus	269,563,745.00	253,252,571.97	93.95	229,231,805.73	85.65
Lebihan /(Kurangan) Bagi Tahun (C1-C2)	(85,100,245.00)	(47,498,220.12)		4,623,348.87	
BAKI PADA 31 DISEMBER		187,544,711.47		235,042,931.59	



**Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan  
Agensi Kerajaan Negeri Setakat 30 Jun 2005**

Nama Agensi	Telah Diakui	Sedang Diaudit	Belum Diterima
<b>A. Pihak Berkuasa Tempatan</b>			
1 Majlis Perbandaran Seremban	2003	-	-
2 Majlis Perbandaran Nilai	2003	-	-
3 Majlis Perbandaran Port Dickson	2003	-	-
4 Majlis Daerah Tampin	2003	-	-
5 Majlis Daerah Kuala Pilah	2003	-	-
6 Majlis Daerah Jelebu	2003	-	-
7 Majlis Daerah Jempol	2003		
8 Majlis Daerah Rembau	2003	-	-
<b>B. Majlis Agama Islam</b>			
1 Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	2000	2001 2002	2003
<b>C. Badan Berkanun Negeri</b>			
1. Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	2003	-	-
2 Yayasan Negeri Sembilan	2003	-	-
3 Lembaga Muzium Negeri, Negeri Sembilan	2000	2001 2002 2003	-
4 Majlis Sukan Negeri, Negeri Sembilan	2002	-	2003
5 Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan	2003	-	-
Jumlah	14	5	2

**Penyata Kewangan**  
**Badan Berkanun Negeri Dan Pihak Berkuasa Tempatan**  
**Yang Belum Dibentangkan Setakat 30 Jun 2005**

Nama Agensi	Bilangan Penyata Kewangan	Tarikh Penyata Disahkan	Tahun Penyata Kewangan Belum Dibentangkan
<b>A. Pihak Berkuasa Tempatan</b>			
1. Majlis Daerah Jempol	1	16.09.04	2002
2. Majlis Daerah Jelebu	1	27.11.04	2003
<b>B. Badan Berkanun Negeri</b>			
1. Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan	1	2.11.04	2003
2. Perbadanan Perpustakaan awam Negeri Sembilan	1	04.11.04	2001
<b>Jumlah</b>	<b>4</b>		

***PETA***

# PETA NEGERI SEMBILAN

